


**Jilid II  
Bil 41**



**Hari Selasa  
11hb November, 1980**

**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**

*House of Representatives*

**PARLIMEN KELIMA**

*Fifth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**

*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan  
5127]**

**MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:  
Insiden di Kampung Muhibbah, Sandakan [Ruangan 5160]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1981—**

**Jawatankuasa (Hari Pertama)—**

**Jadual:**

**Maksud B. 1 hingga B. 16 [Ruangan 5162]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan, 1981—**

**Jawatankuasa (Hari Pertama)—**

**Maksud P. 8, P. 9 dan P. 10 [Ruangan 5162]**

DICETAK OLEH JABATAN PERCETAKAN NEGARA, KUALA LUMPUR  
MOKHTAR BIN HAJI SHAMSUDDIN, J.S.D., S.M.T., K.M.N., P.I.S.  
KETUA PENGARAH

1982

# DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

## *Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG KEDUA

#### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' SHARIFF AHMAD D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROKE, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungei Siput).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- ” Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- ” Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- ” Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- ” Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI ZAKARIAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- ” Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- ” Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- ” Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- ” Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- ” Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMAD (Machang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, PUAN CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, S.M.S. (Ulu Langat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- ” TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- ” TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- ” TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- ” TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- ” DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- ” DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- ” TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- ” TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- ” TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR, A.D.K. (Kimanis).
- ” TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- ” DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- ” TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- ” TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- ” TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- ” TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- ” TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- ” DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- ” DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- ” TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- ” TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- ” TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).

Yang Berhormat TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).

- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWARD ESSEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K., (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED, A.M.N., B.S.I., P.S.I. (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO' HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom bin Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Selasa, 11hb November, 1980

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN

## PENTADBIRAN PEJABAT TANAH

**1. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil setakat ini dalam melicinkan peraturan pentadbiran di semua pejabat tanah, terutamanya dalam menentukan kecekapan kelulusan kepada semua permohonan menukar syarat dan pecah sempadan tanah dan dalam hubungan ini apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mengkaji semula dan mengemaskini Kanun Tanah Negara dengan tujuan untuk menyesuaikan keperluan masa kini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar):** Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah diambil setakat ini bagi melicinkan peraturan pentadbiran Jabatan Tanah adalah seperti berikut:

- (1) Menyediakan satu Buku Panduan (Manual) untuk kegunaan semua Pejabat Tanah. Buku Panduan ini akan dikeluarkan tidak berapa lama lagi;
- (2) Bahagian Kemajuan-kemajuan Pengurusan di Pejabat Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan telah juga melawat beberapa daerah di negara kita ini dengan tujuan untuk melaksanakan dan memberikan penerangan mengenai peraturan-peraturan baru dengan lebih pesat dan berkesan;

(3) Bahagian Latihan Pejabat Ketua Pengarah Tanah dan Galian sentiasa mengadakan latihan kepada pegawai-pegawai Jabatan Tanah di peringkat Persekutuan dan juga kepada Pegawai-pegawai Penempatan, Kerani-kerani dan lain-lain kakitangan di peringkat Negeri;

(4) Satu pendekatan sistematik untuk mempercepatkan lagi permohonan tukar syarat dan pecah sempadan telah juga dieksekusi kepada semua negeri di Semenanjung Malaysia ini untuk penerimaan. Panduan ini bertujuan supaya permohonan tukar syarat dan pecah sempadan dapat diselesaikan dalam jangka waktu 6 bulan; dan

(5) Sebuah Jawatankuasa Khas telahpun dibentuk untuk mengkaji semula Kanun Tanah Negara dengan tujuan untuk menyesuaikan kepada keperluan masa sekarang.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Speaker, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyatakan bahawa pihak Kerajaan ada cadangan untuk mengkaji semula Kanun Tanah Negara. Di sini saya sava bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada pihak Kementerian beliau bercadang untuk mengadakan satu pindaan kepada Kanun Tanah Negara untuk membolehkan semua pemaju bangunan yang bertingkat tinggi untuk memohon hakmilik yang pecah atau dalam bahasa Inggerisnya strata titles untuk semua penghuni-penghuni.

**Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta ulang sekali lagi.

**Tuan Lee Lam Thye:** Saya suka bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama

ada pihak Kementerian yang berkenaan ber-cadang untuk mengadakan satu pindaan kepada Kanun Tanah Negara bagi tujuan mewajibkan semua pemaju-pemaju bangunan yang bertingkat tinggi memohon hakmilik yang dipecah atau dalam bahasa Inggerisnya strata titles, bagi pihak semua penghuni-penghuni yang berkenaan.

**Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah sebahagian daripada perkara-perkara yang akan dikaji oleh Jawatankuasa yang saya katakan tadi.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan, Tuan Speaker. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini iaitu sungguhpun satu pendekatan si tematik telah diadakan untuk memastikan setiap Kerajaan Negeri boleh memproses semua permohonan sub-division dan conversion dalam masa 6 bulan tetapi kebanyakan Negeri telah menyatakan bahawa mereka tidak sanggup untuk memproses permohonan-permohonan tersebut dalam masa yang begitu singkat. Jika Kementerian b-liau sedar, maka apakah sistem atau formula baru boleh diadakan untuk memastikan permohonan ini boleh disingkatkan dan diproses tanpa membawa apa-apa red tape dan tindakan rasuah.

**Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya katakan tadi satu pendekatan secara sistematik telahpun kita rujuk kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk penerimaan dan saya sukalah menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat untuk hendak meluluskan permohonan tukar syarat dan sebagainya bukanlah semata-mata oleh Pejabat Tanah sahaja bahkan Jabatan Tanah akan mengedarkan kepada jabatan-jabatan yang lain seperti Jabatan Kesihatan, Local Government, JPT dan sebagainya untuk mendapatkan pandangan-pandangan sebelum satu-satu permohonan tukar syarat dan pecah sempadan itu dapat dipertimbangkan. Dan saya beranilah menegaskan bagi pihak Kerajaan kalau boleh seberapa segera kita hendak mempercepatkan. Tapi oleh kerana ianya melalui proses sebagaimana saya katakan tadi, terpaksa permohonan ini mengambil sedikit masa. Walau bagaimanapun, seperti yang

telah dikatakan tadi Kementerian saya telahpun mengedarkan kepada Negeri-negeri untuk hendak mempercepatkan masalah permohonan untuk tukar syarat dan pecah sempadan ini.

**Tuan Lee Kaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Setiausaha Parlimen berkenaan sedar tanah adalah hak negeri. Dan menurut jawapan tadi, adakah Kerajaan Negeri terima apa yang diarahkan oleh Setiausaha Parlimen.

**Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, untuk faedah orang ramai, saya percaya Kerajaan Negeri akan menimbangkan pandangan-pandangan sebagaimana yang telah saya perkatakan tadi.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa satu daripada sebab kelambatan memproses tanah-tanah di Pejabat Tanah ini disebabkan oleh kekurangan Jurukur-jurukur dan Pegawai-pegawai Penempatan (Settlement Officer) yang berpengalaman untuk menjalankan tugas-tugas di dalam menyelesaikan tanah-tanah bagi pecahan-pecahan sempadan dan juga menukar syarat. Dan sebagaimana kita tahu latihan-latihan telahpun diadakan sejak beberapa lama tetapi kekurangan ini tidak juga dipenuhi. Jadi, apakah langkah-langkah yang lebih tegas ataupun langkah-langkah lain supaya kekurangan ini dapat dipenuhi kerana kekurangan ini lama dialami oleh Pejabat-pejabat Tanah.

**Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, kekurangan seperti mana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih itu bukanlah menjadi faktor yang penting. Walau bagaimanapun masalah kekurangan ini sentiasalah kita ambil perhatian bagi memenuhi maksud untuk menyegerakan permohonan ubah syarat dan juga pecah sempadan ini. Walau bagaimanapun, pandangan Ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ismail bin Said.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 2.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih.

### **BIJI KAS-KAS MENGANDUNGI MORPHINE**

**2. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan bahawa ada dakwaan yang menyatakan bahawa buah kas-kas mengandungi morphine, adakah Kementerian ini telahpun menialankan sebarang kajian berhubung dengan dakwaan ini dan jika ya, apakah hasilnya.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, menurut analisa yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan, contoh-contoh biji kas-kas telah didapati mengandungi morphine dalam amaun yang sangat-sangat kecil di antara 3 hingga 8 mg dalam tiap-tiap 100,000 mg. 100,000 mg itu kurang lebih 2.653 tahlil. Kementerian ini sedang membuat tinjauan untuk menentukan amaun dan kekerapan penggunaan oleh keluarga dan juga sebarang kesan buruk yang mungkin timbul dari penggunaan itu.

### **KEBAKARAN DALAM TAHUN 1980**

**3. Tuan Umar bin Haji Ismail** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapakah jumlah kebakaran yang berlaku dalam tahun 1980 ini, berapakah nilai kerugian yang dialami dalam kebakaran tersebut dan apakah punca-punca utama yang menyebabkan kebakaran itu berlaku.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan V. Govindaraj):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah kebakaran di Semenanjung Malaysia bagi tahun 1980 iaitu daripada bulan Januari hingga 31hb September, 1980 ialah 5,821 kebakaran. Anggaran kerugian dalam tempoh tersebut ialah \$60,697.74 sen. Punca utama kebakaran ialah puntung rokok dibuang dengan cuai.

**Tuan Lee Lam Thye:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya sama ada Setiausaha Parlimen dapat memberitahu Dewan ini tentang bilangan atau

berapa kebakaran yang berlaku di Wilayah Persekutuan dan berapa jumlah kerugiannya.

**Tuan V. Govindaraj:** Tuan Yang di-Pertua, di Wilayah Persekutuan jumlah kerugian ialah \$14,146,269.33 sen.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar berkehendak berapa jumlah kebakaran yang berlaku di Wilayah Persekutuan. Ini kalau ada, kalau tidak memang memerlukan notis.

**Tuan V. Govindaraj:** Saya memerlukan notis, Tuan Yang di-Pertua.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Setiausaha Parlimen satu daripada sebab yang kita tidak dapat mencegah kebakaran atau menolong apabila berlakunya kebakaran disebabkan pihak Bomba kekurangan alat. Dan kekurangan ini bukan sahaja di Bandaraya tetapi di bandar-bandar kecil terutamanya di Kelantan. Jadi apakah kekurangan alat ini dapat dibekalkan dengan segera sebagaimana telah dijanjikan di dalam Dewan ini untuk menempatkan alat yang cukup bagi mencegah kebakaran di luar-luar bandar dan di bandar-bandar yang kecil.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan asal hanya jumlah kebakaran dan jumlah kerugian dan juga punca kebakaran. Jadi yang ini di luar daripada soalan asal. Tetapi walaupun begitu, kalau Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedia hendak menjawab. Tidak ada?

**Tuan V. Govindaraj:** Tidak ada.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan. Kita memang terperanjat untuk melihat satu jumlah kerugian yang begitu besar telah ditanggung yang berpunca daripada kebakaran di negara kita. Saya hendak bertanya adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa dalam kebakaran ini sebenarnya kerugian ini boleh dikurangkan kalaulah kemudahan dan kelengkapan Balai Bomba boleh dipermoden dan diperlengkapkan. Jika Yang Berhormat sedar maka apakah tindakan yang telah diambil untuk memodenkan perkhidmatan dan pencapaian untuk memadam api yang ada diberi di Balai Bomba hari ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalnya sama seperti yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puih. Tidak ada apa-apa tambahan Yang Berhormat?

**Tuan V. Govindaraj:** Tidak ada.

### PERKHIDMATAN NEGARA

**4 Tuan Fung Ket Wing (di bawah S.O. 24 (2))** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan menimbang untuk memperkenalkan perkhidmatan negara dengan berasaskan kepada masyarakat berbilang bangsa memandangkan kepada kenyataan yang dibuat oleh beliau baru-baru ini bahawa terdapat ancaman terhadap keamanan negara.

**Perdana Menteri (Dato Hussein Onn):** Tuan Yang di-Pertua, Menteri Pertahanan telah menjawab soalan seperti ini bila menjawab soalan No. 3 daripada Yang Berhormat Ahli dari Mantin pada 28-10-80 dan soalan No. 20 daripada Yang Berhormat Ahli dari Tanjung pada 3-11-80. Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan saya itu.

### KEMUDAHAN PEKERJA DI LADANG GETAH

**5. Tuan Hussein bin Mahmood** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh Kementerian beliau bagi menjamin bahawa kemudahan-kemudahan seperti rumah, jalan, air, api dan kenderaan untuk mengangkat kanak-kanak ke sekolah, yang disediakan oleh majikan-majikan ladang-ladang getah kepada pekerja-pekerja mereka, benar-benar sesuai dan menasabah bagi faedah pekerja-pekerja ladang masa ini. Apakah Kementerian beliau menentukan syarat-syarat yang tertentu mengenai kemudahan-kemudahan yang tertentu.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan William Lye Chee Hien):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang seakan-akan sama, telah diberi di Dewan ini pada 31hb Oktober 1980 ketika menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Damansara. Jawapan mengenai perkara yang sama juga telah juga diberi ketika menggulung perbincangan Belaniawan 1981 pada 4hb November, 1980. Oleh yang demikian, saya tidak ada apa-apa tambahan.

### AHLI EXCO BEKERJA SEPENUH MASA

**6. Tuan Fung Ket Wing (di bawah S.O. 24 (2))** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada arahan-arahan yang menghendaki ahli-ahli EXCO di semua negeri bekerja sepenuh masa telah dilaksanakan dengan jayanya; jika tidak, apakah tindakan yang akan diambil untuk memastikan polisi ini akan dijalankan tanpa gangguan dan apakah tindakan yang akan diambil terhadap ahli-ahli EXCO yang tidak mematuhi polisi ini.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan supaya Ahli-ahli EXCO di negeri-negeri di Semenanjung bekerja sepenuh masa belumlah dilaksanakan lagi. Ini adalah disebabkan perundingan di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri itu berkenaan dengan gaji dan kemudahan-kemudahan yang lain kepada Ahli-ahli EXCO belum lagi selesai. Adalah diharapkan bahawa perkara-perkara ini dapat diselesaikan sebelum hujung bulan ini. Kemudian undang-undang berkenaan dengan perkara-perkara ini akan dibentangkan di Dewan-dewan Undangan Negeri itu.

**Tuan Chan Teck Chan:** Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini, sungguhpun tiap-tiap negeri masih belum melaksanakan skim kenaikan elaun dan gaji baru ini, maka mereka tidak dikehendaki untuk berkhidmat sepenuh masa bagi Ahli-ahli EXCO, tetapi yang setahu saya elaun bagi EXCO akan diambil kira berkuatkuasa pada 1hb Julai tetapi kalau skim ini dilaksanakan pada penghujung tahun ini maka adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mencadangkan bahawa setiap EXCO dari seluruh negeri tidak dilayakkan untuk menerima gaji mereka mulai 1hb Julai kerana mereka tidak berkhidmat sepenuh masa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini dari mana Yang Berhormat tahu yang mereka akan dapat pada 1hb Julai?

**Tuan Chan Teck Chan:** Perkara itu saya diberitahu oleh orang yang boleh saya percayai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Percaya tidak boleh pakai, saya tolak sahaja. Dari mana dapat puncanya?

**Tuan Chan Teck Chan:** Punca yang saya dengar dari kakitangan Kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Punca dengar-dengar sahaja tidak boleh menjadi soalan.

### TENDER KEPADA PERNAS/SYARIKAT BUMIPUTRA

**7. Tuan Awang bin Jabar** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kementerian ini mengamalkan sistem quota dalam pemberian tender kepada agensi-agensi Kerajaan seperti PERNAS dan Bumiputra.

**Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kerja-kerja binaan yang mana 30% hendaklah dikhaskan kepada bumiputra dan kerja-kerja yang dijalankan berdasarkan kepada jadual kadar dan yang nilainya tidak melebihi \$50,000 hendaklah juga dijalankan oleh bumiputra sahaja.

Kerajaan tidak menentukan apa-apa quota bagi pemberian tender kepada agensi Kerajaan seperti Pernas dan Syarikat-syarikat Bumiputra. Walau bagaimanapun, bila terdapat persaingan di antara tawaran agensi Kerajaan dengan Syarikat-syarikat Bumiputra, ketutamaan adalah diberi kepada tawaran Syarikat-syarikat Bumiputra. Sesuatu kes itu adalah ditimbang atas "meritnya" sendiri.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada quota 30% yang diperuntukkan kepada bumiputra ini meliputi juga kontrek-kontrek yang diberi kepada agensi-agensi Kerajaan?

**Datuk Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya jelaskan tadi bahawa ini ialah untuk kerja-kerja binaan sahaja iaitu 30% daripada nilai kerja-kerja binaan dalam satu tahun selain daripada kerja-kerja yang dijalankan sendiri oleh JKR dan lain-lain Jabatan Persekutuan dan Negeri yang hendak dikhaskan kepada bumiputra—tidak termasuk kepada agensi-agensi Kerajaan.

### AHLI PARLIMEN/NEGERI ISTIHAR-KAN HARTA BENDA

**8. Tuan Lim Cho Hock** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan menimbang untuk memperkenalkan undang-undang menghendaki semua calon Parlimen dan Dewan Undangan Negeri mengisytiharkan harta benda dan liabiliti mereka dan keluarga waris mereka secara terbuka semasa Pilihanraya Umum dan Pilihanraya Kecil dan seterusnya menghendaki semua calon-calon yang berjaya mengisytiharkan harta benda dan liabiliti mereka secara terbuka setiap tahun supaya menjamin wakil-wakil yang terpilih tersebut dihargai setimpal dengan kepercayaan rakyat.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Abdullah bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak perlu diadakan. Adalah tidak adil untuk memaksa seseorang yang menjadi calon dalam pilihanraya mengisytiharkan hartabenda dan tanggungannya atau liabiliti keluarga warisnya secara terbuka. Apabila seseorang itu menjadi calon, pengisytiharan seperti dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah perlu, oleh kerana ianya akan menjadi satu bahan untuk digunakan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab semasa kempen Pilihanraya dan juga setelah calon itu gagal dipilih.

Mengenai Wakil-wakil Rakyat yang telah dipilih juga tidak perlu diadakan Undang-undang sedemikian oleh kerana mengikut amalan yang sedia ada Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen dikehendaki mengisytiharkan hartabenda dan tanggungan atau liabiliti mereka kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan amalan ini adalah memadai.

**Tuan Lim Cho Hock:** Soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri sedar di negara kita ada satu situasi yang tidak sihat dan buruk, orang ramai berasa hairan selepas 5 tahun kebanyakan Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri mereka jadi jutawan. Orang ramai berasa sangat hairan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini hendak bersyarahkah atau hendak buat soalan tambahan? Apa soalan tambahannya?

**Tuan Lim Cho Hock:** Ini soalan tambahan sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, tetapi jangan bersyarah.

**Tuan Lim Cho Hock:** Yang pertama, adakah Timbalan Menteri sedar ada satu situasi yang buruk di Negara kita iaitu situasi itu ialah selepas 5 tahun kebanyakan Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri jadi jutawan. Orang ramai.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu soalan tambahan?

**Tuan Lim Cho Hock:** Keduanya . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh! ada lagi.

**Tuan Lim Cho Hock:** Apa yang saya tahu di England sudah diadakan satu Undang-undang, terpaksa semua Ahli-ahli Parlimen di England mesti mengisytiharkan hartabenda mereka dan Kerajaan mesti memasuki semua hartabenda mereka itu ke dalam buku pendaftaran dan orang ramai boleh bertanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ialah bahagian yang kedua ini apa soalan tambahannya pula? Ini baharu cerita sahaja. Apa yang berlaku di House of Commons dan House of Lords.

**Tuan Lim Cho Hock:** Kenapa Kerajaan kita tidak boleh mengikut cara itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu dia soalan tambahannya.

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju situasi yang digambarkan oleh Yang Berhormat tadi wujud di Malaysia. Kemudian yang keduanya keadaan di England adalah berlainan daripada Malaysia dan seperti saya katakan tadi pendapat Kerajaan kita adalah tidak perlu diwujudkan undang-undang seperti yang dikehendaki oleh Yang Berhormat itu.

**Tuan Haji Ikhwan bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa keadaan yang wujud di England berlainan daripada

apa yang berlaku di Malaysia. Bolehkah beliau menghuraikan di Dewan ini, apakah pengisytiharan yang dibuat di England boleh menyelesaikan masalah-masalah seperti yang disebutkan oleh Ahli dari Ipoh tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini luar daripada soalan asal—tidak perlu dijawab.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Speaker, tadi Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen sahaja dikehendaki mengisytiharkan hartabenda dan liabiliti kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Di sini suka saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapa kali di dalam satu penggal 5 tahun Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen dikehendaki mengisytiharkan hartabenda dan liabiliti kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan di samping ini apakah yang dihadapkannya (limit) berkenaan dengan hartabenda dan liabiliti itu.

**Dato Abdullah bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, pengisytiharan itu dikehendaki dibuat selepas sahaja seorang Menteri atau Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen dilantik dan sekiranya ada tambahan harta selepas daripada pengisytiharan yang pertama, tambahan harta itu jua dikehendaki dilaporkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Menjawab soal yang kedua, tidaklah ada had seseorang Menteri atau Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen itu mengumpul hartabendanya. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, perlu diingatkan sekiranya seseorang Menteri ataupun Timbalan Menteri mengumpul hartabenda yang melebihi dan tidak berpadanan dengan pendapatannya, maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berhak menyiasat dari mana punca hartabenda tambahan yang banyak itu diperolehi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini kalau tambah lapor kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kalau kurang, tak lapor (*Ketawa*).

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sebagaimana jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri beri tadi bahawa Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen telahpun

diminta untuk mengisytiharkan hartanya kepada pihak Kerajaan. Apakah pihak Timbalan Menteri telah menerima pengisytiharan harta daripada Ketua Pembangkang. Kalau tidak terima, apakah bercadang untuk meminta.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan yang berjawatan sahaja melainkan ditambah lagi dalam senarai jawatan itu Ketua Pembangkang. Selagi belum tambah, belum boleh bertanya.

**Tuan Chan Teck Chan:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini selama ini khasnya selepas tahun 1978 ada beberapa kes telah disiasat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai tambahan pendapatan dari Menteri-menteri Kabinet dan Timbalan-timbalannya termasuk Setiausaha Parlimen.

**Dato Abdullah bin Abdul Rahman:** Boleh ulangkan soalan itu, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan. Selama ini bila seseorang Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen dikehendaki untuk mengisytiharkan hartabendanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selepas mereka dilantik maka selama ini ada berapa kes di mana Menteri-menteri atau Timbalannya termasuk Setiausaha Parlimen telah disiasat kerana menerima aduan daripada orang ramai tentang tambahan harta-benda terhadap Menteri-menteri dan Timbalan Menteri. Berapa kes telah disiasat

**Dato Abdullah bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, tak ada aduan.

## HUTANG NEGARA

**9. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Kewangan menyatakan bagaimana Kerajaan membayar Hutang Negara (hutang dalam dan luar negeri) bagi tiap-tiap tahun. Nyatakan jumlahnya, sehingga 31-12-79 dan berapa banyakkah "hutang" itu dibayar tiap-tiap tahun dengan menyatakan pokok dan faedahnya sekali bagi tahun-tahun 1975, 1976, 1977, 1978 dan 1979.

**Datuk Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli yang Berhormat, Kerajaan membayar Hutang

Negara (hutang dalam dan luar negeri) mengikut Jadual Pembayaran seperti yang tercatat di dalam tiap-tiap perjanjian pinjaman. Pembayaran Hutang Negara ini adalah dibuat daripada peruntukan yang diadakan tiap-tiap tahun daripada Kumpulanwang Persekutuan Di satukan (Federal Consolidated Fund). Sehingga 31hb Disember, 1979 jumlah Hutang Negara adalah berjumlah sebanyak \$20.719 juta. Jumlah-jumlah pembayaran pokok dan faedah bagi tahun-tahun yang disebutkan adalah seperti berikut:

| Tahun    | Pembayaran Pokok | Pembayaran Faedah |
|----------|------------------|-------------------|
| 1975 ... | \$ 429 juta      | \$ 647 juta       |
| 1976 ... | \$ 818 juta      | \$ 807 juta       |
| 1977 ... | \$ 895 juta      | \$ 949 juta       |
| 1978 ... | \$1,898 juta     | \$1,039 juta      |
| 1979 ... | \$ 807 juta      | \$1,313 juta      |

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menerangkan berapa hitung panjang ataupun pukul rata faedah hutang luar negeri—pukul rata, mungkin barangkali Jepun dikenakan 5½% umpamanya, negara lain sekian peratus. Jadi pukul rata berapa peratus lebih kurang.

**Datuk Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana punca-punca pinjaman itu datangnya daripada institusi-institusi yang berkenaan dan oleh kerana pinjaman itu juga berlaku dari masa ke masa, jadi saya tidak dapatlah berikan kadar faedah pukul rata.

## KENAIKAN HARGA PETROL

**10. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kenaikan harga petrol bulan August lebih tinggi dari bulan April sedangkan di Eropah harga petrol tidak dinaikkan. Perbandingan dengan negara-negara jiran yang tidak mengeluarkan minyak petrol tidak boleh dikaitkan, kecuali ianya termasuk sama dengan Brunei dan Indonesia. Adakah Kerajaan akan menaikkan lagi bukan sahaja petrol tetapi juga diesel untuk disamakan dengan Singapura dan Thailand.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar kenaikan harga barang-barang petroleum dalam negeri pada bulan Ogos tahun ini adalah lebih tinggi daripada bulan April. Ini tidak dapat dielakkan kerana kenaikan yang diberi dalam bulan April tidak mencukupi untuk menampung kos penjualan mereka. Sementara itu negara-negara OPEC sekali lagi dalam bulan Mei, 1980 telah menaikkan harga minyak mentahnya kira-kira 8%. Mengenai harga barang-barang petroleum di Eropah, apa yang sebenarnya berlaku pada bulan Ogos dan September ialah di beberapa negeri seperti di United Kingdom dan Belanda pengedar-pengedar persendirian yang mendapat bekalan minyak mentah dari pasaran "spot" (spot market) di Rotterdam telah menurunkan harga barang-barang petroleum berikutan dengan kejatuhan harga spot. Walau bagaimanapun, keadaan ini adalah buat sementara waktu sahaja. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, peperangan di antara Iran dan Iraq baru-baru ini telah mengakibatkan harga spot di Rotterdam telah meningkat lagi dan kemungkinan harga barang-barang petroleum di negara-negara tersebut akan dinaikkan semula.

Mengenai persoalan mengapa kita tidak membandingkan harga petroleum di negara ini dengan negara-negara pengeluar minyak seperti Indonesia dan Brunei, izinkan saya memberi sedikit sebanyak penjelasan mengenai perkara tersebut.

Sebenarnya tujuan membandingkan harga barang-barang petroleum di Malaysia dengan negara-negara jiran adalah untuk memberi gambaran bahawa kenaikan harga minyak bukan kejadian yang khusus di negara kita sahaja tetapi juga berlaku di negara-negara lain. Kita tidak membandingkan harga petroleum di Malaysia dengan Indonesia kerana Indonesia adalah anggota OPEC di mana jumlah pengeluaran minyak mentah jauh lebih banyak daripada negara kita, sebenarnya 6 kali ganda. Juga adalah tidak wajar untuk kita membuat perbandingan harga barang-barang petroleum dengan negeri Brunei kerana Brunei adalah sebuah negara kecil dengan jumlah penduduknya seramai 200,000 orang sahaja, sedangkan pengeluaran minyak mentahnya adalah 200,000 tong sehari, jika dikira per kapita juga 6 kali ganda.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apabila Kerajaan meluluskan kenaikan harga barang-barang petroleum, tujuan Kerajaan bukanlah untuk menyamakan harga di negara ini dengan harga-harga di Singapura atau Thailand. Kenaikan harga adalah bergandung secara langsung kepada harga minyak mentah OPEC. Walau bagaimanapun, perlu saya nyatakan di sini bahawa harga barang-barang petroleum di negara kita harus tidak terlalu rendah daripada harga di negara jiran bersempadan kita. Ini adalah untuk mengelakkan kekurangan bekalan dalam negeri terutama di kawasan sempadan yang diakibatkan oleh penyeludupan, dan dalam sebarang kajian harga, bukan sahaja bagi barang-barang petroleum, malahan bagi barang-barang kawalan yang lain, Kerajaan harus memberi perhatian yang wajar kepada faktor ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Peter Paul Dason.

**Tuan Fung Ket Wing:** Tuan Speaker, soalan No. 11.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Sandakan.

### HOSPITAL BESAR PULAU PINANG—KESESAKAN

**11. Tuan Fung Ket Wing (di bawah S.O. 24 (2))** minta Menteri Kesihatan menyatakan disebabkan kegagalan Kementeriannya untuk membina sebuah blok baru di hospital Pulau Pinang sehingga kini, ianya telah mengujudkan kesesakan dan pesakit-pesakit yang sepatutnya dimasukkan ke dalam hospital untuk menerima rawatan terpaksa dihantar balik selepas diberi rawatan luar (out-patient treatment) kerana kekurangan katil; mengapa meskipun beberapa kali janji diberi di dalam Dewan yang mulia ini, blok baru tersebut masih belum lagi dibina dan bilakah pembinaan blok baru itu akan berjalan dengan tepatnya.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan adalah sedar tentang kesesakan yang terdapat di Hospital Besar Pulau Pinang dan Kementerian ini telah dan sedang mengambil tindakan bagi mengatasi masalah ini, tetapi saya tidak sedar bahawa

ada pesakit-pesakit yang benar-benar perlu dimasukkan ke hospital telah dihantar balik selepas menerima rawatan sebagai pesakit luar oleh kerana kekurangan katil pesakit.

Mengenai Central Services Block yang baru, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa test piling telahpun selesai dan kerja-kerja cerocok (piling work) dijangka dimulakan dalam bulan Disember tahun ini dan pembinaan superstructure juga dijangka bermula dalam bulan Oktober, 1981.

### TINDAKAN GANTUNG GAJI KEPADA GURU

**12. Puan Shariffah Dorah binti Mohamed** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa guru-guru yang menerima hukuman yang maksima kerana kesalahan akhlak telah digantung gaji mereka selama beberapa bulan dan ini telah menyebabkan guru-guru berkenaan tidak dapat mengajar dengan cekap dan jika ya, berapa lamakah gaji mereka akan digantung dan bilakah Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran dapat memberi pengampunan kepada mereka memandangkan bahawa mereka telah berkhidmat dengan cekap sebelum didenda.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, sebelum menjawab kepada soalan Ahli Yang Berhormat, saya perlu memberi penjelasan bahawa seseorang guru yang dikenakan tindakan gantung gaji akan juga digantung kerja oleh Lembaga Tatatertibnya. Dalam tempoh penggantungannya itu ia tidak dibenarkan menjalankan tugasnya dan dengan demikian tidak layak dibayar gaji. Oleh itu, persoalan guru itu tidak dapat mengajar dengan cekap adalah tidak timbul.

Mengikut Perintah Am (Kelakuan dan Tatatertib) Bab "D" 1980, seorang pegawai yang telah dithabitkan oleh Mahkamah (termasuk mahkamah Syariah) kerana melakukan kesalahan jenayah hendaklah digantung kerja dan tidak dibenarkan menerima gaji. Penggantungan kerja itu akan berjalan sehinggalah Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran membuat keputusan mengenai kes pegawai tersebut. Ini adalah acara tatatertib yang berkuatkuasa sekarang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga tindakan gantung kerja tidak dikenakan ke atas

pegawai-pegawai yang telah didapati melakukan kesalahan yang bukan kesalahan jenayah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan P. Patto,

**Tuan Lee Kaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 13.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Kluang.

### AKAUN PATRONAS OLEH JAWATAN- KUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

**13. Tuan Lee Kaw (di bawah S.O. 24 (2))** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau telah menerima syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (P.A.C.) supaya akaun Petronas dibentangkan dalam Parlimen setiap tahun, jika ya, adakah beliau bercadang berbuat seperti disyorkan itu; dan jika tidak, apakah sebab-sebabnya Pinak Kerajaan tidak mahu berbuat demikian.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara di dalam laporannya Bil. DR. 1 Tahun 1980 telah mengesyorkan supaya Kerajaan memberi pertimbangan bagi membolehkan Penyata Kewangan Tahunan PETRONAS dan Laporan Tahunannya dikemukakan kepada Parlimen. PETRONAS adalah satu syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat-syarikat 1965. Seperti syarikat-syarikat yang lain ianya tidak perlu membentangkan Laporan Tahunannya termasuklah Penyata Kewangan Tahunan di Parlimen. Walau bagaimanapun, PETRONAS adalah menghantar Laporan Tahunan serta Akaunnya kepada Pendaftar Syarikat-syarikat sebagai dikehendaki oleh Akta Syarikat-syarikat 1965. Akaun PETRONAS adalah diodit pada tiap-tiap tahun dan Laporan Tahunan dan Akaun PETRONAS itu boleh disemak di pejabat Pendaftar Syarikat-syarikat seperti juga laporan dan akaun syarikat-syarikat yang lain.

**Tuan Lee Kaw:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedari PETRONAS adalah satu syarikat yang mana 99.9% saham itu ada di bawah nama Menteri Kewangan dan walaupun laporan tahunan ini ada dihantar

kepada Registrar of Companies, tetapi oleh kerana wang ini adalah dari rakyat, tidakkah laporan tahunan ini lebih baik dibentangkan di atas meja dalam Parlimen di mana kita ada satu peluang untuk dibahaskan.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya terangkan, itu mengikut peruntukan undang-undang. Peruntukan undang-undang sekarang ialah tidak ada kehendakan laporan serta kira-kira itu dibentangkan di Parlimen sebagaimana statutory corporations yang lain diperuntukkan khas oleh undang-undang kira-kiranya dibentangkan dalam Parlimen. Saya menerangkan cara disusun PETRONAS itu ialah mengikut Akta Syarikat-syarikat 1965 dan kita mengikut peraturan-peraturan bagaimana yang diperuntukkan di dalam undang-undang itu.

#### ZON PERDAGANGAN BEBAS BAGI JOHOR BAHRU

**14. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada permintaan supaya Johor Bahru diisytiharkan sebagai zon perdagangan bebas telah dibuat dan apakah jawapannya kepada permintaan tersebut.

**Datuk Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan belum lagi menerima permohonan untuk menjadikan seluruh Johor Bahru sebagai zon perdagangan bebas.

Bagaimanapun Kerajaan ada menerima permohonan dari pemaju swasta untuk menubuhkan kompleks perdagangan bebas di satu kawasan berhampiran dengan Tambak Johor. Permohonan itu telah ditolak oleh Kerajaan selepas dikaji. Sebab-sebab mengapa projek itu ditolak adalah seperti yang diterangkan di Dewan ini semasa menjawab soalan pertanyaan mulut No. 7 pada 26hb Mac, 1980.

Kerajaan juga telah menerima permohonan untuk menubuhkan zon perdagangan bebas di Senai dan di Pasir Gudang untuk tujuan mendirikan kilang-kilang bagi mengeluarkan barang-barang untuk eksport. Kelulusan pada dasarnya telah diberikan kepada kedua-dua permohonan ini.

Untuk maklum Yang Berhormat konsep zon perdagangan bebas adalah bertujuan untuk menggalakkan pengilangan barang-barang untuk eksport atau menggalakkan perdagangan antara kawasan. Kerajaan akan

meluluskan permohonan-permohonan yang didapati sesuai untuk mendirikan zon perdagangan bebas bagi tujuan ini.

Bagaimanapun untuk perdagangan dalam negeri Kerajaan juga telah meluluskan sistem gudang berlesen. Di bawah sistem ini barang-barang boleh diimport dengan banyak dan pengimport hanya membayar cukai apabila barang-barang dikeluarkan dari gudang tersebut. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor sedang membuat kajian untuk menentukan sama ada gudang ini sesuai ditubuhkan di kawasan yang berhampiran dengan Johor Bahru.

#### KESELAMATAN NEGARA SABAH

**15. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada keselamatan di Sabah adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri atau Persekutuan dan sama ada Kementerian Dalam Negeri mensifatkan Y.B. Ketua Pembangkang Lim Kit Siang dan Ahli Parlimen bagi Bandar Kuala Lumpur, Y.B. Lee Lam Thye mendatangkan masalah kepada keselamatan Negeri Sabah atau negara lantas mengharamkan kemasukan mereka ke Sabah dan sama ada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri akan menasihatkan Kerajaan Negeri Sabah jangan melebihi kuasa-kuasa Persekutuan atau menyalahgunakan kuasa imigeresen.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid):** Tuan Yang di-Pertua, keselamatan di negeri Sabah adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, pengharaman masuk seseorang ke negeri Sabah bukanlah hanya atas sebab-sebab keselamatan sahaja tetapi juga atas lain-lain sebab seperti menyalahgunakan pas yang diberi, tinggal melebihi masa yang diizinkan dan bekerja tanpa izin yang menyebabkan seseorang itu tidak dibenarkan masuk lagi ke negeri Sabah.

Kerajaan Sabah mempunyai kuasa mutlak ke atas perkara-perkara Imigeresen sebagaimana Seksyen 65 (1) Akta Imigeresen 1959/63 dan peruntukan Perlembagaan yang telahpun diluluskan di Dewan yang mulia ini. Oleh itu, perkara tindakan melebihi kuasa oleh Kerajaan Negeri Sabah itu adalah tidak timbul.

## PEGAWAI-PEGAWAI PERSEKUTUAN DI SARAWAK

16. Tuan Lim Cho Hock minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Ketua Menteri Sarawak telah komplain yang setengah daripada Pegawai Federal yang dihantar ke Sarawak bersikap seperti "Tuan Besar" dan Kerajaan Pusat sama sekali tidak mendapat persetujuan awal dari Kerajaan Negeri Sarawak mengenai pertukaran tersebut. Nyatakan yang mana satu dari yang berikut patut menjadi "Tuan Besar".

- (a) Kerajaan Pusat;
- (b) Kerajaan Negeri Sarawak;
- (c) Ketua Menteri Sarawak; atau
- (d) Pegawai-pegawai Federal yang dihantarkan ke Sarawak.

**Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat itu bahawa tidak timbul sikap seperti "Tuan Besar" dalam hal penempatan pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak ialah hal-hal berkaitan dengan penempatan pegawai-pegawai Persekutuan di Sarawak dan beberapa masalah yang berkaitan dengannya.

Jawatankuasa Perhubungan antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri telahpun mencapai persetujuan tentang cara-cara penempatan pegawai Persekutuan dan Negeri-negeri Sarawak, Sabah dan juga Semenanjung. Bagi pegawai-pegawai Persekutuan yang dihantar untuk mengisi jawatan Ketua Jabatan Negeri di peringkat Negeri persetujuan Kerajaan Negeri hendaklah diperolehi. Pegawai-pegawai Persekutuan yang dihantar untuk mengisi jawatan Ketua Jabatan Persekutuan di peringkat Negeri, Kerajaan Negeri hendaklah dimaklumkan.

Saya telah jelaskan dasar yang menerangkan soal penempatan tersebut yang terkandung di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 14/1974 ketika menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Menglembu pada 22hb

Oktober, 1980. Walau bagaimanapun sebarang masalah yang timbul antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri adalah diselesaikan melalui saluran-saluran dan peraturan-peraturan yang sedia ada di antara kedua-dua pihak.

**Tuan Lim Cho Hock:** Tuan Yang di-Pertua, kenapa Ketua Menteri Sarawak sangat marah tentang Kerajaan Pusat?

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan itu harus ditujukan kepada Ketua Menteri Sarawak, bukan kepada saya.

## PERSIDANGAN PERDANA MENTERI KOMENWEL MENGENAI KAMPUCHEA

17. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Luar Negeri menyatakan kesudahan persidangan Perdana-perdana Menteri Komenwel berkenaan dengan kemerdekaan Kampuchea dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil bagi menyelesaikan keadaan serba salah ini kerana adanya dua Kerajaan yang berasingan menuntut Kerajaan yang sebenarnya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, keputusan Persidangan Perdana Menteri Komenwel berkenaan dengan Kampuchea adalah seperti berikut:

- (a) Ketua-ketua Kerajaan Komenwel menyatakan perhatian berat mereka mengenai gangguan serta campurtangan kuasa luar di Kampuchea. Keadaan yang masih wujud di negara itu telah memberi kesan kepada keamanan dan keselamatan seluruh Rantau Asia Tenggara. Mereka percaya satu-satunya cara untuk mengekalkan keamanan dan keselamatan yang berkekalan di rantau ini ialah dengan cara menyelesaikan masalah Kampuchea itu melalui luns-lunas politik yang boleh menjamin Kedaulatan, Kemerdekaan dan Perkecualian Kampuchea.
- (b) Ketua-ketua Kerajaan juga percaya akan perimustahaknya pengunduran sepenuhnya tentera-tentera asing dari Kampuchea.

- (c) Mereka juga percaya akan perimustahaknya mewujudkan suasana aman dan selamat di Kampuchea untuk membolehkan rakyat negara itu menentukan masa depan mereka sendiri dan bebas dari campurtangan luar.
- (d) Ketua-ketua Kerajaan Komenwel juga menggesa semua negara-negara di rantau Asia Tenggara ini supaya berusaha mencari perdamaian, persahabatan dan perhubungan yang harmonis.
- (e) Ketua-ketua Kerajaan juga sedar betapa perlunya menyegerakan penubuhan suatu kawasan yang aman, bebas dan berkecuali (ZOPFAN) di kawasan ini dan menyeru supaya semua negara menyokong usaha-usaha tersebut.
- (f) Ketua-ketua Kerajaan juga menyatakan rasa tanggungjawab mereka bahawa suatu penyelesaian politik yang berkeadilan bagi masalah Kampuchea itu akan membantu menyegerakan lahirnya ZOPFAN seperti yang di idam-idamkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dari keputusan-keputusan yang telah saya sebutkan tadi, jelaslah bahawa sebenarnya tidak ada dilema atau keadaan serba salah dalam masalah Kampuchea kerana kebanyakan negara-negara Komenwel masih terus mengiktiraf Kerajaan Demokratik Kampuchea sebagai Kerajaan yang sah di negara itu. Ketua Negara-negara Komenwel juga sedar, jika mereka mengiktiraf Kerajaan Boneka Vietnam di bawah pimpinan regim Heng Samrin, maka bermakna mereka menyetujui pencerobohan Vietnam ke atas sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Dalam pada itu, tindakan Vietnam ke atas Kampuchea adalah bertentangan dengan prinsip-prinsip piagam Bangsa-bangsa Bersatu.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun kebanyakan daripada negara-negara Komanwel tidak mengiktirafkan regim Heng Samrin, tetapi India mengiktirafkan regim Heng Samrin. Soalan saya apakah soalan pengiktirafan India terhadap

regim Heng Samrin itu menjejaskan Persidangan Perdana Menteri-Perdana Menteri tersebut di dalam menyetujui perkara-perkara yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai pengiktirafan India tadi, kita berpendapat, adalah prerogative sesebuah negara yang bebas dan merdeka, untuk mengiktiraf mana-mana negara, bagi kepentingan negaranya sendiri. Pendek kata, di dalam perbincangan itu kita sampai kepada peringkat, dengan izin, "we agree to disagree".

### GAJAH MEROSAKAN HARTA-BENDA

18. **Tuan Kamaluddin bin Maamor** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Unit Menangkap Gajah di Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara di Kementerian ini di Semenanjung Malaysia tidak mencukupi dan jika ya, apakah tindakan Kementerian ini bagi membesarkan Unit ini bagi menentukan pemindahan gajah-gajah liar dari tempat-tempat di mana mereka selalu mengganas dan menyebabkan kerosakan harta-benda, dapat dipindahkan ke Taman Negara dengan cepat dan licin.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak yang mengambil berat tentang masalah gajah di negara ini. Saya sedar bahawa Unit Menangkap Gajah di Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara di bawah Kementerian saya tidak mencukupi dari segi bilangan kakitangan dan kelengkapan. Kementerian saya telah mengkaji perkara ini dan telahpun mengambil tindakan-tindakan yang perlu untuk membaiki kedudukan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun hadapan Unit ini akan ditambah keanggotaan kakitangan dan kelengkapannya selain dari mengadakan latihan dari pakar-pakar gajah yang sedang diuruskan dari India.

Kementerian saya sedang giat untuk mengatasi masalah tanaman yang dirosakkan oleh hidupan liar khususnya gajah. Projek ini yang dikenali sebagai rancangan translokasi gajah ialah bertujuan untuk menempatkan binatang tersebut yang mungkin akan pupus disebabkan oleh habitatnya terancam oleh

kerana hutan yang mereka diami telah menjadi kecil akibat dari tindakan pembangunan tanah, pembalakan atau perlombongan. Setakat ini, Kementerian saya telah berjaya menangkap dan menempatkan 24 ekor di tempat-tempat seperti berikut:

| <i>Tempat</i>   | <i>Bilangan</i>  |
|---|--|
| 1. Kawasan Jengka, Pahang ... ..                      | 10 ekor ditangkap (ini tidak termasuk 4 ekor gajah mati semasa usaha menangkap dijalankan). Tidak ada lagi gajah di kawasan itu. |
| 2. Kawasan Bukit Kepah, Sungai Gawi, Trengganu ... .. | 3 ekor gajah ditangkap. Ada tinggal 7 ekor lagi di tempat tersebut.  |
| 3. Kawasan Kampung Belimbing, Pekan, Pahang ... ..    | 2 ekor gajah ditangkap. Ada tinggal 6 ekor lagi di tempat tersebut.  |
| 4. Kawasan Bruas, Perak ... ..                        | 2 ekor gajah ditangkap. Bakinya 11 ekor berpindah ke kawasan Hutan Simpan Bubu.  |
| 5. Kawasan Sungkai, Perak ... ..                      | 2 ekor gajah ditangkap. Bakinya 12 ekor. Penangkapan sedang diusahakan.  |
| 6. Kawasan Kota Tinggi, Johor ... ..                  | 5 ekor ditangkap. Ada tinggal 8 ekor lagi di tempat tersebut. Penangkapan sedang diusahakan.                                     |

Jumlah gajah yang ditangkap hingga 30-10-80 ialah 24 ekor.

Kementerian saya sedang mengkaji kemungkinan bagi mengadakan beberapa kawasan untuk dijadikan Rezab Taman Negara atau Rezab Hidupan Liar supaya gajah-gajah yang habitatnya terganggu boleh dipindahkan. Dalam mengambil tindakan ini, Kementerian saya memerlukan kerjasama daripada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi memersetujui cadangan-cadangan yang akan dikemukakan oleh Kementerian ini dan juga pihak yang terlibat dalam usaha pembangunan tanah, sama ada agensi kerajaan ataupun swasta untuk membantu mana yang terupaya usaha Kementerian ini dalam kerja-kerja pengekalan atau "conservation" bagi gajah yang akan pupus.

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, Menteri telah menyatakan kekurangan kelengkapan untuk mengawal atau menangkap gajah-gajah liar itu, setahu saya pihak Games Warden ini menggunakan gajah yang terlatih atau domesticated untuk mengawal dan menangkap gajah yang liar itu. Saya ingin bertanya adakah benar atau tidak oleh kerana tidak mencukupi gajah-gajah yang terlatih (domesticated) itu untuk mengawal keadaan itu.

**Tan Sri Ong Kee Hui:** Itu benar, Tuan Yang di-Pertua, kerana pada masa sekarang cuma ada 3 Unit Menangkap Gajah, ini akan ditambah lagi pada tahun hadapan menjadi 5.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Dalam jawapan Menteri tadi nyatalah bahawa Kementerian ini tahu di mana ada gajah dan berapa ekor gajah itu. Jadi, bolehkah beliau menyatakan di sini selama ini sebelum tanah dibuka untuk rancangan Felda atau lain-lain rancangan, adakah Kerajaan Negeri atau agensi-agensi tersebut menghubungi Kementerian beliau dahulu untuk menentukan atau memastikan bahawa gajah-gajah itu dapat dikeluarkan lebih dahulu daripada kawasan-kawasan mereka.

**Tan Sri Ong Kee Hui:** Masalah ini timbul kerana tanah dibuka dahulu kemudian baru kita sedar akan akibatnya. Jadi pada masa akan datang Kementerian saya berharap kita dapat bekerjasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dan agensi-agensi berkenaan tentang pembukaan tanah untuk rancangan-rancangan yang akan datang.

## RUMAH KOS RENDAH— KAWALAN HARGA

**19. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau ingin melaksanakan kawalan harga untuk rumah kos rendah supaya membolehkan kumpulan berpendapatan rendah memiliki rumah dan apa langkah Kementerian beliau akan mengambil untuk membolehkan mereka memiliki rumah.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak bercadang untuk mengenakan kawalan harga yang lebih ketat ke atas rumah kos rendah kerana peraturan yang diamalkan pada masa ini dengan sendirinya menghadkan harga jualan rumah kos rendah. Peraturan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- (i) bagi rumah awam kos rendah, harga jualan ialah dalam lingkungan \$11,000 seunit di Semenanjung Malaysia dan \$15,000 di Sabah dan Sarawak.
- (ii) bagi rumah harga rendah yang dibina oleh agensi Kerajaan dan pihak swasta pada masa ini adalah berdasarkan harga jualan rumah adalah tidak melebihi \$20,000 seunit. Mereka yang ingin membeli rumah-rumah ini boleh mendapatkan 90% pinjaman dari MBSB dengan kadar faedah 5.5% sekiranya mereka atau isteri/suami mereka belum mempunyai rumah dan pendapatan mereka adalah tidak melebihi \$500 sebulan.

Untuk membolehkan lebih ramai rakyat berpendapatan rendah memiliki rumah, di bawah Rancangan Malaysia Keempat, lebih banyak rumah awam kos rendah akan dibina. Kerajaan juga sedang berusaha untuk mencari jalan supaya pihak swasta dan agensi Kerajaan yang terlibat dalam pembinaan rumah membina lebih banyak rumah kos dan harga rendah.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa satu unit rumah kos rendah yang dibina oleh pihak swasta adalah berharga \$20,000 tetapi suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa orang miskin ataupun orang yang berpendapatan rendah tidak mampu langsung untuk

mendapat satu unit yang disebut oleh Timbalan Menteri memandangkan bahawa apabila beliau hendak membuat permohonan, beliau diberitahu bahawa tidak ada rumah melainkan beliau dikehendaki membuat bayaran tambahan (extra payment). Sekiranya Timbalan Menteri sedar apakah tindakan pihak Kementerian hendak mengambil untuk mengatasi amalan yang tidak baik ini?

**Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sentiasa menerima aduan-aduan iaitu kejadian-kejadian sebagaimana yang digambarkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, tetapi adalah tidak benar jika hendak dikatakan bahawa tidak ada mereka yang berpendapatan rendah ini berpeluang mendapat rumah, kerana ada di antara mereka yang pertama boleh memperolehi rumah-rumah yang berharga rendah iaitu daripada projek-projek perumahan awam kos rendah yang dibina oleh agensi-agensi Kerajaan dan pembahagian rumah-rumah ini ditapis dengan teliti oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan iaitu syarat pendapatan tidak melebihi \$500 sebulan dan syarat mereka itu belum lagi mempunyai rumah adalah diikuti dengan ketatnya oleh agensi-agensi yang menjadi agensi pembahagi rumah awam kos rendah ini di negeri-negeri.

Bagi rumah-rumah yang dibina oleh syarikat-syarikat swasta, pihak Kementerian saya setakat ini hanya menasihatkan pemaju-pemaju perumahan yang berkenaan supaya memberi rumah-rumah kepada pemohon-pemohon yang hendak membeli rumah-rumah yang berkenaan itu secara yang berpatutan. Walau bagaimanapun, mereka itu bebas menjual rumah-rumah yang mereka bina tetapi bagi rumah-rumah yang ditakrif sebagai rumah harga rendah tidaklah harganya melebihi daripada \$20,000 seunit.

**Tuan Haji Ikhwan bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah beliau sedar bahawa dari pengalaman atau pengetahuan pihak Kementerian Perumahan bahawa orang ramai yang mendapat pendapatan \$500 sebulan boleh mampu untuk mendapat rumah yang berharga \$20,000

membayarnya dan memilikinya dalam jangka panjang tanpa menyusahkan, atau dengan lain perkataan, bahawa orang yang mendapat pendapatan \$500 akan merana untuk membayar bayaran bulanan rumah yang berharga \$20,000.

Kedua, apakah Kementerian beliau bercadang supaya ceiling \$500 itu dinaikkan lagi?

**Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, bagi membantu mereka yang berpendapatan rendah iaitu kurang daripada \$500 sebulan ini membeli rumah-rumah yang dibina oleh pihak swasta dengan harga tidak lebih daripada \$20,000 seunit itu ialah dengan kemudahan yang diberi oleh pihak MBSB iaitu pinjaman sebanyak 90% diberi kepada pemohon atau pembeli yang berkenaan dengan kadar faedah hanya 5.5%.

Bagi menjawab soalan yang kedua Ahli Yang Berhormat itu tentang adakah Kementerian ini bercadang hendak menaikkan tingkat pendapatan \$500 sebulan itu kepada satu peringkat yang lebih tinggi, perkara ini sedang dikaji dan diteliti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 20 hingga 25 adalah diberi di bawah ini)*

### ELAUN KEPADA AHLI RELA/RELAWATI

**20. Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Kementeriannya sedar bahawa Kerajaan mengalakan kepada rakyat untuk menjadi Ahli Rela/Relawati di mana kebanyakannya terdiri dari orang-orang kampung yang berpendapatan rendah atau petani-petani. Jika sedar adakah Kerajaan bercadang akan membayar elaun/tambang kepada Ahli Rela/Relawati semasa mereka menghadiri mesyuarat/perjumpaan/latihan menembak dan sebagainya, kerana pada masa sekarang ini hanya dibayar elaun masa menghadiri Kursus Khas sahaja.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia

maklum Rela ditubuh sebagai barisan benteng keselamatan negara yang terdiri dari kalangan rakyat jelata yang ingin berkhidmat secara sukarela tanpa sebarang balasan dari pihak-pihak yang berkenaan.

Tugas Rela antara lain ialah memastikan masyarakat dan negara bebas dari sebarang gangguan oleh anasir-anasir jahat atau pun kumpulan-kumpulan subversif. Ianya juga mempelupori kegiatan kebajikan dan ekonomi dan menjadi tenaga pembantu kepada pihak polis.

Untuk mencapai matlamat ini setiap ahli Rela akan diberi latihan. Sehingga akhir tahun 1979 10.7% (36,973) dari jumlah anggotanya telah menghadiri kursus dan latihan. Oleh kerana tambahan ahli Rela begitu pesat maka latihan tidak dapat diberi sekaligus dan terpaksa dibuat berperingkat-peringkat bergantung kepada kemampuan. Keadaan ini akan terus dibaiki sehingga setiap ahli mendapat latihan yang sempurna. Menandang kepada jumlah ahli yang begitu ramai ada kemungkinan berlaku kesilapan di sana sini di kalangan ahli yang menjalankan tugas. Pihak Rela akan menyelidik semua aduan dan akan membuat tindakan Setakat ini belum ada kejadian yang boleh menjejaskan nama baik Rela.

Oleh kerana jumlah ahli Rela dianggarkan meningkat hingga 500,000 pada akhir tahun 1981 maka elemen yang penting untuk mencapai matlamat Rela adalah pengorbanan dan perkhidmatan sukarela sesuai dengan namanya.

Walau bagaimanapun, ahli-ahli Rela sememangnya diberi elaun dan tambang apabila menghadiri mesyuarat, perjumpaan, latihan dan kursus yang dianjurkan oleh Rela untuk kepentingan Rela. Kerajaan tidak bercadang membiayai semua program yang dianjurkan oleh ahli-ahli Rela sendiri.

### PENDATANG HARAM DARI INDONESIA/FILIPINO/THAILAND

**21. Tuan Lee Kaw:** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar tentang adanya sebilangan besar pendatang-pendatang haram di negara ini terutama sekali di Keratong, Pahang Tenggara dan di Johor Tenggara. Jika ya, nyatakan tindakan-tindakan yang telah diambil

terhadap pendatang-pendatang haram ini yang bukan sahaja mengancam mata pencarian rakyat Malaysia tetapi juga menyebabkan masalah-masalah keselamatan yang serius; dan nyatakan bilangan pendatang-pendatang haram keturunan (i) Indonesia, (ii) Filipino, (iii) dan Thai yang telah ditangkap dan didakwa dalam mahkamah kerana kesalahan masuk secara haram, bilangan yang didapati salah dan bilangan yang diusir ke negara asal mereka.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Faktor-faktor untuk jawapan soalan ini telah diberi sewaktu menjawab soalan No. 7 pada 4-11-1980 dan soalan-soalan tambahan yang berkaitan dengannya. Tidak ada perkara baru yang ingin ditambah kecuali jumlah pendatang haram dari Thailand yang ditangkap dan diusir keluar sejak 1-1-1979 hingga 1980 (Jun) ialah 1,567.

#### **SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) DALAM KAMPONG BARU**

**22. Dato' Michael Chen Wing Sum** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan (Cina) dalam 465 kampung-kampung baru dan lain-lain kawasan luar bandar adalah sangat usang (buruk) keadaannya dan juga selalunya kekurangan kemudahan; jika benar; adakah beliau akan menimbang untuk mengadakan peruntukan khas memperbaiki sekolah-sekolah ini.

**Dato' Chan Siang Sun:** Kementerian saya sedar ada Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dalam kampung-kampung baru dan lain-lain kawasan luar bandar dalam keadaan buruk dan kekurangan kemudahan. Bagi menolong sekolah-sekolah tersebut yang bukan 100% kepunyaan Kerajaan. Kementerian ada mengemukakan Bantuan Modal untuk memperbaiki sekolah-sekolah itu dan untuk menambah kemudahan-kemudahan, dan Bantuan Modal ini diberi sehingga 50% daripada perbelanjaan untuk memperbaiki dan menambahkan kemudahan-kemudahan. Bagi Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) termasuk yang terdapat di kampung-kampung baru dan luar bandar yang mana dimiliki 100% oleh Kerajaan. Kementerian Pelajaran akan menanggung perbelanjaan pembaikan sekolah-sekolah tersebut dengan sepenuhnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah merancang untuk menambahkan peruntukan bagi Sekolah-sekolah yang disebutkan itu dalam Rancangan Malaysia Keempat.

#### **KERJA MEMECAH BATU DI BATU CAVES—MENGHENTIKAN**

**23. Tuan Peter Paul Dason** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan akan menasihati Kerajaan Negeri Selangor supaya menghentikan segala kerja kuari yang dijalankan di Batu Caves dengan serta-merta kerana terdapat bahaya yang gua tersebut akan runtuh pada bila-bila masa sahaja akibat kerja-kerja kuari yang dijalankan oleh syarikat-syarikat kuari dan juga aktiviti-aktiviti kuari tersebut mengancam gua tersebut yang berusia 400 juta tahun dan menjadi warisan negara kita serta juga adalah tempat suci 800,000 penganut-penganut Hindu Malaysia.

**Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf):** Tindakan sedang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi memberhentikan kerja-kerja memecah batu di sekitar kawasan Batu Caves.

#### **SEKOLAH PILIHAN BAGI SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (CINA)**

**24. Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah berkesan yang akan diambil untuk menentukan kanak-kanak akan dapat tempat di sekolah pilihan mereka, iaitu di SRJK (Cina) di kawasan mereka kerana sekolah-sekolah jenis ini selalunya tidak mampu mengambil masuk semua kanak-kanak kerana kekurangan tempat.

**Dato' Chan Siang Sun:** Kementerian saya sentiasa berusaha untuk menempatkan seseorang murid itu di tempat di sekolah yang dipilih tetapi tidak termesti kesemua kemahuan ibubapa itu dapat dipenuhi kerana ibubapa masih lagi memilih sekolah itu bukanlah kerana sekolah itu berdekatan sekali dengan rumah mereka, tetapi kerana fakta-fakta lain seperti prestige sekolah itu.

Oleh itu setengah sekolah-sekolah di bandar berlaku kesesakan yang serius. Jika sekiranya permohonan ibubapa itu dilayan kesemuanya sekolah-sekolah yang "ternama" akan menjadi terlalu sesak dan tidak lagi dapat memberi pelajaran yang sempurna. Jika sekiranya bilik-bilik darjah tambahan diadakan sekolah-sekolah ini akan menjadi terlalu besar dan akan menjejaskan pengawasannya dan masalah-masalah disiplin dan sebagainya akan bertambah rumit.

Keadaan ini bukan sahaja berlaku di Sekolah Rendah Kebangsaan Cina sahaja, bahkan yang memohon masuk ke sekolah-sekolah kebangsaan sekalipun tidak dapat diberi jaminan akan ditempatkan di sekolah yang mereka memohon itu. Oleh itu, Kementerian saya hanya menentukan jenis sekolah sahaja yang dilayani sepenuhnya. Tidak ada seorang pun kanak-kanak yang memohon masuk ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina itu diarahkan ke Sekolah Kebangsaan atau sebaliknya. Saya hanya dapat menjamin itu sahaja.

#### SEKOLAH MENENGAH JENIS KEBANGSAAN JIT SIN

25. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar di seluruh Seberang Perai hanya terdapat sebuah SMJK (C) sahaja, iaitu, Sekolah Menengah Jit Sin dan sama ada beliau bersetuju Sekolah Menengah Jit Sin tidak mampu dan tidak dapat mengambil masuk semua murid-murid yang telah lulus dari Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) di seluruh Seberang Perai; jika ya, adakah Kementerianya merancang membina sekurang-kurangnya tiga buah SMJK (C) di Seberang Perai Utara, Tengah dan Selatan di bawah Rancangan Malaysia keempat; jika tidak, mengapa.

**Dato Chan Siang Sun:** Mengikut Dasar Pelajaran, kegunaan semua Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan adalah menggunakan Pengantar Bahasa Malaysia dan tidak ada lagi sekolah-sekolah yang menggunakan selain dari Pengantar Bahasa Malaysia. Oleh yang demikian, murid-murid dari Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) akan terus masuk ke Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan atau Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan yang berhampiran dengan mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di kawasan sekitar Bandar Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah ini telah sedia ada beberapa Sekolah Menengah iaitu:

- (1) Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Jit Sin;
- (2) Sekolah Menengah Tinggi Bukit Mertajam;
- (3) Sekolah Menengah Convent;
- (4) Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Baru;
- (5) Sekolah Menengah Rendah Bukit Mertajam;
- (6) Sekolah Menengah Kubang Semang.

Kementerian saya sedar akan pertambahan murid-murid sekolah di masa kini dan di masa akan datang. Dengan itu beberapa projek pembangunan sekolah-sekolah sedang dirancang dalam Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985) di sekitar daerah-daerah Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Selatan.

#### MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

##### Insiden di Kampung Muhibbah, Sandakan

3.35 ptg.

**Tuan Fung Ket Wing (Sandakan):** Tuan Speaker, saya ingin meminta izin mencadangkan supaya ditangguhkan Majlis Mesyuarat dengan tujuan hendak merundingkan satu perkara kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan dan usul saya berbunyi:

Bahawa Majlis Mesyuarat ini di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 18 (1) mengizinkan Ahli dari Sandakan Fung Ket Wing, untuk mencadangkan supaya ditangguhkan Majlis Mesyuarat ini dengan tujuan hendak merundingkan satu perkara tertentu kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan iaitu insiden baru-baru ini yang berlaku pada 10hb November, 1980 yang melibatkan kekerasan di Kampung Muhibbah, Sandakan, di mana dua orang, Puan Daiwah binti Masator, 42 tahun dan anak perempuannya Cik Tan Nyuk Yin, 21 tahun dibunuh dan lima

orang lagi tercedera, tiga darinya cedera parah, oleh seorang pelarian Filipino yang menggunakan parang;

Bahawa perkara ini perlu disegerakan kerana peristiwa tersebut telah mewujudkan "mayhem", ketegangan, ketakutan dan rasa kurang selamat di khalayak orang ramai terutama sekali kerana peristiwa-peristiwa yang melibatkan kekerasan yang melibatkan pelarian-pelarian Filipino telah menjadi satu peristiwa biasa yang sering berlaku di Sabah. Lebih-lebih lagi memandang peristiwa terbaru ini berlaku hanya sehari selepas seorang Bugis bernama Abdul Salha, tercedera parah akibat diserang oleh seorang yang dipercayai adalah pelarian Filipino;

Bahawa perkara ini adalah kepentingan orang ramai kerana ia melibatkan keselamatan, nyawa dan personal security rakyat kita; dan

Bahawa Majlis Mesyuarat ini dengan ini memutuskan untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan di-Raja untuk menyiasat bukan sahaja peristiwa ini tetapi juga dasar Kerajaan yang membenarkan pelarian-pelarian Filipino dan pendatang-pendatang haram Indonesia memasuki negara kita dengan bebas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima pemberitahu usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) pagi tadi dan seperti biasa saya mula menjalankan penyiasatan saya untuk mendapatkan keterangan-keterangan untuk membantu saya membuat keputusan di atas usul ini.

Perkara ini saya telah diberitahu sememang ada tertentu yakni definite ada berlaku pembunuhan ini dan bagi kepentingan orang ramai memanglah sesuatu kejadian jenayah itu memang satu perkara yang melibatkan keselamatan dan ketenteraman orang ramai. Maka dengan sebab itu memang ada perkara untuk kepentingan orang ramai iaitu dua syarat daripada tiga syarat untuk boleh dibenarkan usul ini dibahaskan jika tidak ada bangkangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat.

Perkara yang ketiga, faktor yang ketiga ialah perkara ini patut disegerakan dan dalam hal ini, dalam penyiasatan saya juga, saya telah diberitahu bahawa seseorang yang disyaki yang terlibat di dalam pembunuhan ini sudah pun ditahan oleh pihak Polis dan

kiranya tiap-tiap kali ada jenayah atau pembunuhan berlaku dalam negara ini dan ketetulan Dewan Rakyat sedang bersidang terpaksa pula ditangguhkan untuk membahaskan, umpamanya mengikut laporan akhbar hari ini, semalam berlaku pembunuhan di atas seorang pemaju rumah di Johor Bharu maka tiap-tiap kali ada pembunuhan begitu maka ditangguhkan Dewan ini untuk membincangkannya maka sudah tentulah perkara itu tidak menasabah. Dan dengan sebab itu, saya tidak nampak perkara ini dengan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak-pihak yang berkenaan, pihak Polis, pihak Kerajaan dan lain-lainnya dan mengenai dengan orang perlarian dari Filipino yang ada di Sabah itu telah berkali-kali dibincangkan dalam Dewan ini dan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sudah pun memberi jawapan-jawapannya dan dengan sebab itu, saya tidak puas hati yang perkara ini memerlukan disegerakan Dengan sebab itu, usul ini saya tolak.

## RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1981

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1981

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1981 dan Anggaran Pembangunan, 1981 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (Hari Pertama).

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

*(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa)*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, bagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum di dalam Jadual hari ini hari yang pertama membincangkan satu persatu maksud Bekalan dan Belanjawan biasa serta Belanjawan Pembangunan dan telah diumumkan selama-lamanya 16 hari mengikut Peraturan Mesyuarat, dan saya belum hendak menetapkan lagi pada masa ini berapa lama patut satu-satu Kepala,

Tajuk Kepala dan Kepala-kecil dan sebagainya untuk dibincangkan sehingga saya mengetahui berapa ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak mengambil bahagian dan saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Peraturan Mesyuarat 66 yang ada 19 pecahannya dibaca betul-betul supaya tidak diganggu oleh pihak yang mempengerusikan dalam Jawatankuasa ini, iaitu yang pertama kalau ada soal-soal yang berkenaan dasar: dasar am, pentadbiran, itu tidak boleh dibincangkan di sini lagi, sudah habis. Sudah habis 9 hari dahulu dan 2 hari Yang Berhormat Menteri menjawab.

Sekarang hanya kepada perkara-perkara yang dibutirkan di dalam Jadual ini dan harapan dibawa satu perkara yang Kementerian itu atau Jabatan tidak meminta wang perbelanjaan ataupun peruntukan tahun hadapan. Ini telah berlaku dua tahun yang lepas dan tahun yang lalu juga membangkitkan sesuatu yang tidak diminta oleh Kementerian, dengan sebab itu hanya dibincangkan perkara yang ada di dalam peruntukan sahaja dan boleh sentuh hanya berkenaan dengan dasar sesuatu perkhidmatan sahaja yang boleh, bukan perkhidmatan am.

Sekarang saya kemukakan Kepala Bekalan B. 1 hingga B. 16 dan Kepala Pembangunan P. 8, P. 9 dan P. 10 di bawah Jawatan Perdana Menteri yang berjumlah \$1,027,454,898 terbuka sekarang untuk perbahasan.

Yang Berhormat dari Tumpat.

*Maksud B. 1 hingga B. 16 (Jadual)*

*Maksud P. 8, P. 9 dan P. 10 (Anggaran Pembangunan, 1981)*

3.47 ptg.

**Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat):** Tuan Pengerusi, saya menyentuh Maksud Bekalan 3—Jabatan Odit, muka surat 35, Butiran 1100—Gaji dan Upahan, Program (2) Mengodit Kira-kira Kerajaan Persekutuan dan Negeri-negeri, Badan-badan Berkanun dan Kuasa Tempatan dan Berbagai Kumpulan Wang.

Kita dapati Laporan Odit yang dibentangkan di Parlimen mengenai kira-kira tersebut nampaknya menunjukkan sedikit perubahan yang menggalakkan. Untuk mengemaskini Laporan Odit yang dilaksanakan, saya rasa perlu dilipatgandakan lagi supaya Laporan

Odit yang dibentangkan di Parlimen ini tidak jauh daripada matlamatnya. Misalnya perubahan perlu dilakukan untuk mengadakan system computer yang moden supaya kerja-kerja auditing dapat dijalankan dengan lebih cepat dan berkesan. Kakitangan juga perlu dilatih untuk mengendalikan system computer ini.

Saya rasa untuk kebaikan jentera pentadbiran Kerajaan, saya tidak nampak bagaimana penambahan kakitangan yang terlatih tidak boleh diambil dan ditambah. Saya juga dapat tahu bahawa FELDA menggunakan system computer. FELDA ialah sebuah agensi Kerajaan yang mempunyai kakitangan yang banyak di seluruh negara dan ia mendatangkan hasil yang besar sekali kepada Kerajaan dari segi eksport getah dan kelapa sawit. Saya juga dapat tahu bahawa system computer yang digunakan itu dapat mempercepatkan proses penyampaian Laporan Odit untuk dibentangkan di Parlimen. Namun begitu, untuk memperbaiki dan meninggikan mutu jentera pentadbiran Kerajaan, saya ingin mengesyorkan bahawa dari semasa ke semasa kita perlu memikirkan bagaimana Laporan Odit bagi satu-satu Jabatan ini perlu disiapkan segera. Misalnya Laporan Odit bagi tahun 1979 bagi satu-satu Jabatan untuk dapat disiapkan dalam tahun 1980 ini. Ini bermakna bahawa kita dapat menggambarkan keadaan Penyata Kewangan sesuatu agensi itu dengan lebih up-to-date.

Cuba kita perhatikan bagaimana Odit sesuatu firma swasta yang besar-besar dapat disiapkan laporannya bagi tahun 1979 untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat Agong Syarikat tahun 1980. Ini ialah oleh kerana mereka mempunyai kakitangan professional dan terlatih. Kita juga tahu bahawa Ketua Odit Negara sekarang adalah seorang yang berpengalaman luas di dalam pentadbiran Kerajaan. Saya rasa dengan pengalamannya yang luas itu, penyampaian Laporan Odit bagi sesuatu Jabatan ini dapat dipercepatkan lagi.

Dalam pada itu, saya ingin menyentuh mengenai maksud Bekalan 8—Jabatan Perdana Menteri, muka surat 53, Butiran 1100—Gaji dan Upahan, Program (5) Pentadbiran Ugama Islam.

Kita tahu bahawa pentadbiran Ugama Islam adalah di bawah kuasa-kuasa Negeri manakala Wilayah Persekutuan tertakluk

di bawah kuasa Persekutuan. Untuk meletakkan pentadbiran Ugama Islam kepuncak yang sewajarnya iaitu kepada satu tempat yang lebih tinggi daripada mahkamah biasa walaupun tidak lebih daripada itu saya rasa sudah sewajarnya dikaji semula pentadbiran Ugama Islam di seluruh negara. Kerana ia harus diselaraskan dari pusat di mana pihak-pihak yang berkenaan dapat berunding dan mencari jalan yang konkrit untuk melicinkan serta memperbaiki jentera pentadbiran pejabat Ugama Islam di negeri-negeri di seluruh negara.

Dalam Perlembagaan juga termaktub bahawa Islam ialah agama Persekutuan dan juga negeri-negeri di mana Islam menajagi agama rasmi di negeri-negeri yang berkenaan. Tetapi mengapakah pentadbiran ugama Islam tidak diletak di tempat yang sewajarnya, sepertimana kedudukan mahkamah sivil yang terdapat statusnya lebih tinggi daripada mahkamah syariah. Status perubahan dan kajian perlu dijalankan secara menyeluruh tentang bagaimana perlu diletakkan status pejabat Ugama Islam ataupun Mahkamah Syariah dapat di pertingkatkan lagi tarafnya sesuai dengan kedudukannya sebagai agama rasmi negeri. Dengan itu barulah dapat diperkatakan bahawa kedudukannya adalah setaraf dengan mahkamah Sivil.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa satu Jawatankuasa mengenainya telahpun ditubuhkan tidak lama dahulu dan telahpun menjalankan kerjanya dengan teratur. Sepatutnya usul-usul atau cadangan-cadangan Jawatankuasa itu telah dapat dipanjangkan kepada Bahagian Ugama Jabatan Perdana Menteri dengan tujuan penyelarasan seluruh negara. Inisiatif ini perlu diambil oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menjaga hal ehwal ugama supaya mereka yang berkenaan dapat dirundingkan bersama untuk mencari jalan bagaimana ianya harus diselaraskan supaya pentadbiran ugama Islam itu benar-benar mendapat tempat yang tinggi dan sewajarnya.

Tuan Pengerusi, sekarang saya menyentuh Maksud Bekalan 8 juga, Jabatan Perdana Menteri, muka surat 53, Program (4) Keselamatan Negara. Kita berasa dukacita sekarang ini bahawa terdapat kebocoran risalah-risalah Kerajaan yang mudah didapati oleh pihak-pihak yang tertentu demi untuk kepentingan diri dan parti-parti politik yang tertentu. Ini

bukan sahaja berlaku di Jabatan-jabatan Kerajaan tetapi juga di dalam ajensi-ajensi Kerajaan kita. Tahukah bagaimana rahsia Kerajaan telah bocor mengenai pembelian kapal peronda laju Tentera Laut di-Raja Malaysia sedikit masa dahulu? Dan mungkin juga ianya berlaku di dalam tempat-tempat strategik seperti Kementerian Pertahanan (Mindef), Polis dan begitu juga di PETRONAS; sumber utama hasil ekonomi negara. Pada pendapat saya ada pihak-pihak yang tertentu yang telah menyediakan orang-orangnya di dalam berbagai-bagai bidang professional terutamanya di dalam bidang teknikal. Umpamanya, yang mana pihak Kerajaan sendiri tidak mengetahui bahawa adanya ejen-ejen yang bekerja makan gaji dengan Kerajaan tetapi bersikap muka dua. Kata pepatah orang Melayu talam dua muka. Peraturan-peraturan keselamatan yang ada sekarang ini dalam Jabatan-jabatan Kerajaan, pada pendapat saya adalah terlalu longgar dan ini dengan mudah dapat diambil kesempatan oleh pihak-pihak yang menentang Kerajaan yang menjadikan isu politik untuk kepentingan parti mereka. Saya rasa pelaksanaan Akta Rahsia Kerajaan perlu diperkatakan lagi supaya ianya betul-betul terjamin dan tidak mudah bocor, kerana saya khawatir jikalau perkara ini tidak diawasi dengan ketat dan teliti mungkin banyak lagi rahsia-rahsia Kerajaan akan mudah jatuh ke tangan ajen-ajen parti-parti politik yang menentang Kerajaan.

Tuan Pengerusi, oleh kerana rahsia Kerajaan di setengah-setengah Jabatan telah banyak terdengar dan terbongkar, saya ingin mencadangkan supaya Bahagian Keselamatan Negara atau bahagian apa sekalipun perlu mengadakan Counter Intelligence Unit gunanya mengawasi gerak-geri anasir-anasir subversif dan musuh-musuh negara yang berselembunyi di belakang tabir perkhidmatan Kerajaan sepertimana yang berlaku di dalam PETRONAS, Mindef dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain. Counter Intelligence Unit ini, saya rasa perlu diadakan dan hendaklah dilantik serta dilatih dari orang-orang profesional, kerana orang-orang yang bekerja sebagai talam dua muka ini adalah merupakan orang-orang professional, dan ianya tidak mudah dapat dikesan dan diberkas. Contohnya bagaimana akhbar-akhbar di luar

negeri dapat menyebarkan sesuatu perkara rahsia Kerajaan dengan seluas-luasnya sedangkan orang di dalam negeri ini sendiri kurang mengetahui.

Saya rasa telah tiba masanya Kerajaan memikirkan perkara ini dengan serius supaya Counter Intelligence Unit ini ditubuhkan dengan segera dan dihantar di tiap-tiap Jabatan yang penting gunanya untuk mendengar, menyasat dan melaporkan kepada pihak yang berkenaan supaya tindakan segera dapat diambil.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja dan saya menyokong peruntukan Kementerian ini.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

3.55 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Petaling):** Tuan Pengerusi, tadi Ahli Yang Berhormat dari Tumpat mengatakan mengenai Keselamatan negara dan cadangan supaya diperketatkan Akta Rahsia Rasmi oleh kerana mengikutnya ada kebocoran maklumat-maklumat.

Saya hairan satu perkara semacam ini kalau mahu ditimbulkan, tidak timbul dengan segi-segi yang lebih luas sama ada kita perlu satu masyarakat yang lebih terbuka di mana sungguhpun ada maklumat-maklumat Kerajaan yang perlu dapat perlindungan dari segi pertahanan nasional tetapi sebaliknya pula untuk kepentingan ramai dan kepentingan negara kita tidak mengadakan satu sikap di mana semua maklumat-maklumat yang berkenaan dengan Kerajaan disembunyikan. Kalau kita mahu meneruskan satu sistem yang terbuka yang berdemokratik oleh kerana kita tahu Akta Rahsia Rasmi boleh menjadi satu alat untuk menutup penyelesaian, rasuah, dan semua amalan-amalan yang salah, ini mungkin satu masalah yang perlu mendapat satu pertimbangan yang lebih luas, yang lebih mendalam dan bukan daripada segi yang sempit dan daripada segi parti-parti atau apa-apa pun.

Saya harap dalam perkara ini Kerajaan boleh mengadakan satu siasatan, satu perbincangan atau satu Suruhanjaya untuk menentukan sama ada perlu dibuat satu kajian mengenai mengadakan satu Kerajaan

yang lebih terbuka seperti yang diadakan di kebanyakan negara-negara oleh kerana ini adatan satu dividing line yang sangat tipis untuk melindungi kepentingan negara dan untuk mengadakan satu sistem yang lebih terbuka dan yang lebih bebas.

Tuan Pengerusi, yang pertama saya mahu menyentuh Maksud B. 8—Jabatan Perdana Menteri, Program (7) Jabatan Perpaduan Negara masih menjadi satu matlamat yang sungguh elusive bagi rakyat Malaysia selepas 23 tahun merdeka dan meskipun wujudnya Jabatan Perpaduan Negara yang dahulunya Lembaga Perpaduan Negara dan Kementerian Perpaduan Negara masih terdapat perpecahan besar di antara rakyat kita dari berbagai-bagai kaum, bahasa dan kebudayaan di negara ini. Pejabat Perpaduan Negara jika pewujudannya hendaklah benar-benar berfaedah, harus membuah kajian untuk mengesan sebab-sebab yang menyebabkan ketidak perpaduan di negara kita dan membuat perakuan-perakuan yang bernas untuk diterima oleh Kerajaan dalam dasar-dasar pembinaan negara. Umpamanya Jabatan Perpaduan Negara hendaklah mengkaji sama ada tafsiran rakyat Malaysia kepada bumiputra dan bukan bumiputra telah membantut proses pembinaan negara dalam menyatupadukan berbagai-bagai kaum, bahasa dan kebudayaan kepada satu identiti dan kesadaran Malaysia.

Saya tidak ragu-ragu bahawa selagi rakyat kita berpecah-belah kepada bumiputra dan bukan bumiputra di mana generasi bukan Melayu yang lahir selepas merdeka yang diperbesar dan dididik di Malaysia yang tidak mempunyai apa-apa kenangan (memory) akan tanahair lain (roots).

**Tuan Pengerusi:** Saya berpendapat soal dasar bumiputra dan bukan bumiputra ini termasuk dalam dasar am, bukan dalam Jawatankuasa.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya mencadangkan bahawa perkara ini perlu dibuat satu kajian.

**Tuan Pengerusi:** dalam ucapan dasar dahulu tidak dibahas, masanya itu Yang Berhormat boleh bercakap. Sekarang ini berkenaan dengan Jabatan Perpaduan

Negara apa yang ada di dalam perkara ini sahaja. Ini Yang Berhormat masuk dalam butiran mana, kod mana?

**Tuan Lim Kit Siang:** Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara.

**Tuan Pengerusi:** Betul, tetapi ini masuk banyak tajuknya iaitu utilitinya, sewaananya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Gaji, upahan, kerja mereka, skop mereka dan apa mereka mesti buat, saya mencadangkan bahawa satu kajian dibuat.

**Tuan Pengerusi:** Itu bolehlah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Satu siasatan dibuat sama ada istilah membeza-bezakan, menimbangkan kepada kerja-kerja dan tugas perpaduan negara atau sebaliknya. Saya tidak mahu masuk dengan mendalam mengenai masalah bumiputra dan bukan bumiputra tetapi saya cadangkan satu . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Kalau hendak pun saya tidak membenarkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tahu dan saya ikut ruling. Saya tahu bahawa saya berjalan satu narrow line. Satu kajian di mana perpecahan rakyat kepada bumiputra dan bukan bumiputra di mana mereka yang lahir di sini yang bukan Melayu tidak ada roots di lain-lain negara dianggap sebagai rakyat yang less full-blooded dari warganegara-warganegara lain maka rakyat Malaysia akan terus . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Apa perkataan digunakan tadi apa blooded itu?

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak ada roots.

**Tuan Pengerusi:** Saya salah dengarlah!

**Tuan Lim Kit Siang:** Maka rakyat Malaysia akan terus berpecah belah dan menjadi terasing dan perpaduan negara akan menjadi elusive untuk selama-lamanya. Mujurlah Tuan Pengerusi, konflik agama ketidak toleransi dan bigotry sejak kebelakangan ini tidak menjadi satu isu yang divisive di negara ini seperti isu-isu lain yang menjadi punca menyebabkan perpecahan negara tetapi kini nampaknya keadaan tersebut sedang berubah dan dalam tahun 80an agama nampaknya

sudah menjadi satu punca tambahan yang menyebabkan perpecahan dan ketidak perpaduan negara. Kemusnahan kuil-kuil Hindu setahun dahulu dan serangan yang dilakukan ke atas Balai Polis Batu Pahat bulan lalu oleh pelampau Muslim telah menjadi pointers ke arah satu zaman yang merbahaya di mana bigotry fanatisme dan ketidak toleransi agama akan mewujudkan tentang kuasa-kuasa yang menentang perpaduan negara. Semua ini perlulah satu kajian yang mendalam oleh Jabatan Perpaduan Negara oleh kerana semua ini akan menentukan sama ada perpaduan negara di negara kita akan mewujudkan satu reality atau sebaliknya akan gagal untuk mencapai matlamatnya.

Tuan Pengerusi, di sini saya mahu menyebutkan program (9) Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi dan Perancangan Am (General Planning and Sosio-Economic Research). Tuan Pengerusi, petroleum yang sudah menjadi pendapatan eksport utama negara kita yang lebih daripada getah. Nampaknya tidak menjadi satu benda yang mendapat perhatian yang berat oleh pihak Kerajaan. Sungguhpun dalam tahun yang lalu Malaysia telah mengeksport sejumlah 90 juta tong minyak yang bernilai \$4,210 juta apabila dibandingkan dengan \$4,482 juta untuk getah, untuk tahun ini tahun 1980, nilai eksport untuk petroleum akan meningkat ke \$7,906 juta, satu pertambahan 87.8% sedangkan nilai eksport untuk getah baru akan naik ke \$4,807 juta untuk tahun ini.

Dalam general debate baru-baru ini ada seorang Yang Berhormat daripada pihak Kerajaan (Back-bencher) telah mencadangkan bahawa penubuhan satu Kementerian Petroleum untuk menjaga hal ehwal petroleum oleh kerana kedudukannya yang penting dalam perkara ini di negara kita, tetapi saya rasa tentulah Yang Berhormat itu dan yang lain-lain pun akan merasa hairan kalau mereka tahu bahawa dalam Kerajaan sekarang nampaknya tidak ada satu unit khas yang bertanggungjawab atas perkara petroleum sungguhpun sekarang ini petroleum adalah di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sehingga dua tahun dahulu di bawah Jabatan Perdana Menteri ada satu Petroleum Development Division tetapi dalam tahun 1978 division ini telah dihapuskan dan kalau saya tidak silap sekarang petroleum yang akan membawa dekat \$8,000 juta dari eksport tahun ini sudah dimasukkan kepada tanggungjawab Unit Penyelidikan

Sosio-Ekonomi dan Perancangan Am. Saya rasa ini sangat terperanjat oleh kerana satu bahan yang begitu utama tidak ada satu department khas, tidak payah dicakapkah satu Kementerian khas—satu department khas untuk bertanggungjawab supaya boleh menjaga rancangan dan perkembangan dasar-dasar petroleum di negara kita. Saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri apabila dalam masa menjawab boleh memberitahu sama ada berapa orang specialist atau pakar-pakar dalam hal petroleum dalam unit ini, unit yang umumnya bertanggungjawab atas perkara petroleum. Atau sama ada tanggungjawab petroleum akan ditentukan oleh syarikat-syarikat minyak oleh kerana mereka memperolehi monopoli dalam know-how, technology dan expertise petroleum.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*

Semenjak penubuhan PETRONAS sebagai satu syarikat minyak nasional, PETRONAS semacam syarikat-syarikat minyak lain berlagak sebagai satu law unto itself dan tidak answerable atau accountable kepada Parlimen sungguhpun mengikut teori PETRONAS ialah answerable kepada Parlimen melalui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi, dengan izin Tuan Pengerusi, best will in the world, saya rasa tidak seorang dengan conscientious boleh kata bahawa peraturan ini ada memuaskan hati. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seorang yang sangat sibuk, banyak bertanggungjawab dan tidak seorang yang berasa atau expect Yang Amat Berhormat boleh berdiri di Dewan yang mulia ini boleh bercakap dengan authority mengenai semua complexity yang berkait dengan hal ehwal petroleum, tetapi net result daripada peraturan ini ialah langsung tidak ada control atau scrutiny oleh Parlimen terhadap kegiatan-kegiatan PETRONAS.

Sebagai contohnya, saya ada cuba boleh kata Dewan ini dan rakyat ada tidak tahu, kept in the dark mengenai beberapa aspek-aspek petroleum, mengenai eksploitasi atau perkembangan. Baru-baru ini rakyat Malaysia boleh lihat satu kempen iklan yang sangat intensive yang dijalankan oleh Esso Production Malaysia Incorporated mengenai kalau dalam bahasa Inggeris iklan itu "it is expensive to fish for oil" yang mengatakan bahawa EPMI sudah melabur atau invested \$1,900 juta untuk kegiatan-kegiatan explorasi.

Saya dalam Dewan ini dalam masa soal-jawab ada bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beberapa jumlah EPMI sudah recovered untuk belanja exploration dan production oleh kerana mengikut perjanjian perkongsian yang ditandatangani oleh PETRONAS dan EPMI pada tahun 1976 20% minyak crude yang dikeluarkan boleh digunakan untuk membayar costs yang ditanggung oleh EPMI dan selain daripada 10% yang akan menjadi royalty yang saki baki ialah 70% akan dibahagi 7:3 di antara PETRONAS dan EPMI.

Daripada satu perkiraan yang sangat kasar oleh saya mengikut keluaran dan harga-harga minyak crude yang dikeluarkan oleh EPMI dituntut tahun 1980 daripada laporan-laporan Treasury kita saya dapat bahawa sebagai satu perkiraan kasar EPMI akan boleh menuntut \$660 juta sebagai 20% cost dan \$700 juta sebagai bahagiannya dalam profit oil, ertinya ialah jumlah untuk tahun ini akan dekat \$1.3 billion. Daripada angka ini pun ternyata jelas bahawa dalam 2-3 tahun EPMI boleh recover semua cost explorasi dan pengeluaran, ertinya ialah selepas itu oleh kerana perjanjian perkongsian di antara PETRONAS dan EPMI ialah untuk 20 tahun dan dengan option untuk EPMI untuk memanjangkan lagi 4 tahun, ertinya ialah untuk 20 tahun masa depan semua profit yang diperolehi oleh EPMI akan menjadi keuntungan bersih dan inilah yang biasa untuk semua syarikat-syarikat minyak yang akan mendapat balik cost dalam 2-3 tahun. Saya rasa inilah mathematics pengeluaran minyak ini.

Parlimen dan rakyat ada satu hak untuk mendapat satu maklumat yang sebenar tetapi sampai hari ini 4 tahun sudah berjalan ada perjanjian perkongsian tetapi nampaknya perkara yang sangat rahsia dan saya tidak boleh menerima hujah-hujah, bahawa perkara semacam ini satu rahsia oleh kerana kalau boleh didapati oleh bukan sahaja syarikat-syarikat pengeluar minyak tetapi PETRONAS, mereka yang mahir dan pakar dalam pengurusan minyak saya rasa rakyat dan khasnya Parlimen ada satu hak untuk mendapat satu gambaran yang penuh mendalam. Dalam perkara ini saya rasa suatava rakyat boleh tahu sama ada Kerajaan dan PETRONAS adakah berwaspada untuk menjaga resource minyak Malaysia.

Di sini saya cadangkan bahawa Kerajaan haruslah menubuhkan satu Parliamentary Standing Committee untuk overseer, scrutinise dan menjaga resource minyak, hak-hak minyak negara kita supaya Parlimen boleh menjalankan satu tugas dengan bertanggungjawab dan saya rasa apa-apa hujah bahawa semua ini rahsia tidak boleh diterima.

Tuan Pengerusi, saya mahu sentuh perkara Suruhanjaya Pilihanraya.

Tuan Pengerusi: Muka berapa Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Suruhanjaya Pilihanraya—B. 4, muka 38.

Tuan Pengerusi, Suruhanjaya sekarang sedang membuat persiapan-persiapan untuk ubah kawasan-kawasan pilihanraya tetapi kebebasan dan autonomy Suruhanjaya Pilihanraya menjadi satu benda yang suspect apabila pemimpin-pemimpin UMNO khasnya semacam Menteri Kewangan di mana-mana pun ada membuat pengumuman dalam mesyuarat-mesyuarat UMNO mengenai di mana-mana negeri akan tambah beberapa kerusi oleh kerana ini menunjukkan bahawa Election Commission tidak ada kebebasan sendiri untuk menjalankan siasatan dan membuat keputusan mengenai perubahan atau delineation kawasan-kawasan pilihanraya tetapi sebaliknya barulah bertindak mengikut arahan-arahan yang diterima daripada Ibu Pejabat UMNO. Saya rasa ini satu perkara yang tidak patut dan saya di sini menyeru Suruhanjaya Pilihanraya untuk umumkan dengan terus-terang guideline yang Suruhanjaya Pilihanraya akan mengikut dalam perkara delineation constituencies sama ada sebagai contoh akan menggunakan satu prinsip "satu orang satu undi" dan tidak akan berlaku lagi apa yang sekarang ada yang sangat tidak adil, sangat tidak demokratik di mana di Petaling, kawasan saya ada 100,000 pengundi-pengundi tetapi di mana ada kawasan-kawasan Menteri-menteri lebih sedikit daripada 20,000 sahaja dan saya rasa Suruhanjaya Pilihanraya pun perlulah menentukan bahawa pilihanraya di negara kita dijalankan dengan bersih, dengan ikhlas, jujur dan adil.

Sebagai contoh kita ada satu undang-undang di mana ada hadkan belanja pilihanraya untuk setiap pencalon, baikpun Parlimen atau State Assembly. Untuk Parlimen ialah tidak boleh melebihi \$20,000 dan untuk State Assembly tidak boleh melebihi \$15,000 tetapi nampaknya had ini di semua kawasan di mana Barisan Nasional ada bertanding tidak dihiraukan, tidak diikuti.

Baru-baru ini sebenarnya di Pengkalan Kota di mana satu pilihanraya kecil akan dijalankan nampaknya belanja yang akan dikeluarkan di kawasan itu oleh Barisan Nasional, MCA dan calon sendiri, akan melanggar ceiling ini sekurang-kurangnya 100 kali dan apa Suruhanjaya Pilihanraya ada buat untuk menentukan tidak berlaku "politics of money" di mana bukan idea-idea dan parti-parti atau calon-calon bertanding untuk pilih tetapi siapa-siapa yang lebih banyak wang untuk membeli undi.

Saya rasa apa yang sangat mengkhawatirkan ialah politics of money ini akan membuat satu "come back" khasnya daripada pihak MCA sungguhpun cara semacam ini dalam tahun enam puluhan dan tujuh puluhan sudah gagal, tetapi politics of money bukan sahaja satu tanggungjawab yang perlu ditimbang oleh Suruhanjaya Pilihanraya tetapi juga NBI yang di bawah Jabatan Perdana Menteri oleh kerana kita semua tahu bahawa politics of money bukan sahaja corruption tetapi juga satu root cause of corruption oleh kerana mereka yang belanja banyak dalam pilihanraya, kalau dapat dipilih, akan bukan sahaja kumpul balik, dapat balik wang-wang yang dikeluarkan tetapi mahu dapat beberapa lipat ganda sebagai keuntungan. Sikap NBI yang tidak mengambil perhatian dalam perkara politics of money di Kota saya rasa adalah satu contoh di mana kita boleh lihat tidak effective NBI dalam memerangi korupsi khasnya mereka yang berjawatan politik tinggi.

Tuan Pengerusi, sungguhpun NBI sudah dibawa balik kepada Jabatan Perdana Menteri saya rasa NBI belum dapat keyakinan rakyat bahawa NBI ada kuasa untuk melawan corruption dan ikan yu yang melibatkan orang-orang yang ada jawatan tinggi politik, saudara-mara mereka atau melibatkan belan'a Kerajaan beratus-ratus juta ringgit seperti

membeli alat-alat pertahanan dan lain-lain. Saya rasa ini adalah oleh kerana NBI ada menghadapi dua masalah yang menyebabkan tidak berkesan.

Yang pertama ialah oleh kerana tidak ada political will oleh pihak Kerajaan memerangi korupsi yang berjawatan tinggi selain daripada apa yang berlaku beberapa kali di mana ada pertikaian dalam parti sendiri seperti kes Datuk Harun Idris.

Masalah kedua ialah oleh kerana tidak cukup kakitangan dan pegawai-pegawai dalam NBI untuk menjalankan satu kempen yang berkesan. Apabila NBI bermula saya dapat tahu bahawa NBI bermula dengan satu konsep bahawa pegawai-pegawai akan ada satu loyalty yang tidak pecah-belah, undivided loyalty kepada NBI, supaya pegawai-pegawai NBI boleh menjalankan penyiasatan-penyiasatan tanpa fear atau favour terhadap apa-apa Jabatan atau terhadap sesiapa yang menjadi pegawai tinggi. Tetapi nampaknya ini tidak berjalan dengan baik dan NBI sekarang sungguhpun satu closed service, tidak boleh attract mereka yang cerdik, mereka yang baik oleh kerana tidak ada peluang-peluang untuk naik pangkat yang cukup, oleh kerana tidak ada insentif supaya mereka boleh sehidup nyawa mereka dalam NBI menjalankan tugas memerangi korupsi khususnya oleh kerana pegawai-pegawai NBI ada dianggap oleh kakitangan lain sebagai "pariah", sebagai orang yang tidak begitu suka untuk bermesra. Saya rasa program-program training untuk pegawai-pegawai NBI dalam negeri atau luar negeri untuk mengadakan kemahiran, skill yang sophisticated, untuk melawan, yang boleh mencegah amalan-amalan yang corrupt tidak begitu berjaya oleh kerana tidak cukup program-program itu.

Akhirnya saya dapat tahu sekarang NBI menghadapi satu keadaan under-staffed, under-manned dan, kalau saya tidak silap, bermula pada bulan Oktober yang lalu NBI sudah dipatah daripada amalan yang biasa dan menerima pegawai-pegawai polis daripada Police Force atas secondment dan tentulah kalau ada pegawai polis atas secondment ini menimbulkan masalah "dual loyalty" dan kalau mereka perlu siasat perkara-perkara yang ada bersangkutan paut dengan Police Force atau pegawai-pegawai polis akan

conflict loyalty kepada Police Force, atau kepada NBI apabila mereka selepas secondment atau balik kepada Police Force. Saya rasa ini tidak menasabah dan adalah satu peraturan yang tidak baik dan perlu dihentikan dan mesti diwujudkan sahaja satu undivided loyalty kepada NBI. Kalau kita mahu satu program untuk memerangi korupsi, saya rasa ini satu masalah yang sangat penting yang perlu diberi perhatian oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan solution yang ideal saya rasa ialah mengadakan satu separate Scheme of Service di mana kakitangan dan pegawai-pegawai NBI boleh dapat satu skim yang lebih baik daripada lain-lain skim supaya mereka boleh diadakan satu career dalam Jabatan ini.

Kedua, sebagai satu galakan, sebagai incentive bahawa mereka mesti dihantar ke luar negeri untuk dapat latihan-latihan untuk upgrade skill mereka supaya boleh menjalankan tugas-tugas untuk mencegah korupsi-korupsi di tanahair kita. Saya rasa kedua-dua defect NBI ini perlulah diatasi. Yang pertama, satu political will terhadap mereka yang corrupt yang berjawatan tinggi; yang kedua, mesti ada satu Scheme of Service di mana ada dapat good men dan women, kalau ada, dalam NBI untuk menjalankan tugas-tugas mereka.

Tuan Pengerusi, kalau saya boleh, saya hendak balik kepada Maksud Bekalan Jabatan Perdana Menteri—Perpaduan Negara . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Itu muka surat berapa?

**Tuan Lim Kit Siang:** Muka surat 54 - Perpaduan Negara.

Tuan Pengerusi, perpaduan negara adalah satu perkara yang sangat mustahak dan kita tidak boleh membenarkan unsur-unsur baru untuk membelakangkan semua usaha-usaha untuk membentuk perpaduan negara dan saya rasa apa-apa unsur-unsur yang berlaku perlulah mendapat satu perhatian pihak Kerajaan. Baru-baru ini kita dapat perkembangan yang menunjukkan bahawa bigotry, fanatisme dan tidak toleransi agama ada berlaku di negara kita. Contoh yang paling ketara ialah tekanan-tekanan yang dikenakan oleh golongan-golongan agama yang berfikiran sempit dan tidak toleransi ke atas

pembinaan sebuah patung Kwan Yin setinggi 118 kaki di Air Hitam, Pulau Pinang yang mana patung tersebut akan menjadi patung Goddess of Mercy dan tertinggi sekali di dunia ini. Patung setinggi 118 kaki ini telah pun diluluskan oleh pihak berkuasa di Pulau Pinang dan kerja-kerja pembinaan telah pun bermula. Akan tetapi disebabkan tekanan-tekanan yang tidak toleransi yang melampau, patung setinggi 118 kaki itu telah dikurangkan tingginya kepada 83 kaki dan tingkat pertama dan kedua patung setinggi 118 kaki itu yang sudah pun siap dibina terpaksa dirobuhkan untuk membenarkan pembinaan satu structure baru bagi patung tersebut dan tingginya sudah dikurangkan.

Kebebasan beragama bukan sahaja merupakan salah satu daripada jaminan-jaminan yang termaktub di dalam Perlembagaan kita tetapi juga kebebasan beragama, toleransi dan sifat saling hormat merupakan satu precondition asas bagi perpaduan negara dan keharmonian di negara kita. Untuk mencegah ketidak toleransi, fanatisme dan bigotry ugama dari bertapak di masyarakat kita semua, parti-parti politik dan juga pemimpin-pemimpin hendaklah berlagak dengan mematuhi jaminan-jaminan Perlembagaan tentang kebebasan beragama. Mengapa seseorang harus menentang jika negeri Pulau Pinang hendak mempunyai sebuah patung Kwan Yin yang tertinggi di dunia ini?

Sebenarnya ini akan mendewakan kebebasan beragama di negara ini. Biarlah Malaysia mempunyai masjid yang paling besar di dunia ini, patung Kwan Yin yang paling tinggi, gereja yang paling besar dan juga menetapkan rekod-rekod bagi ugama-ugama lain untuk menunjukkan bahawa terdapat kebebasan beragama, toleransi dan sifat saling hormat di Malaysia. Apabila Masjid Negara dan Masjid Negeri Pulau Pinang sedang dibina, orang-orang bukan Islam telah menderma untuk masjid-masjid tersebut dan ini merupakan satu contoh yang paling baik tentang keharmonian antara ugama dan juga sifat-sifat co-existence. Tidak seorangpun telah menentang pembinaan Masjid Negara ataupun Masjid Negeri Pulau Pinang baikpun dalam bertakata saiz, lokasi atau lain-lain. Dengan sebab itu, mengapakah seseorang harus menentang pembinaan patung Kwan Yin di Air Hitam. Apa yang lebih memeranjatkan ialah mengapa pihak berkenaan di Pulau Pinang harus menyerah

kepada tekanan-tekanan behind the scene dan mengurangkan tinggi patung tersebut dari 118 kaki kepada 83 kaki.

Saya difahamkan ini bukan sahaja tinggi patung Kwan Yin itu dicadang untuk dikurangkan kepada 83 kaki tetapi patung tersebut akan ditempatkan dalam sebuah dome. Ini akan menjadikan patung Kwan Yin ini menjadi patung yang tunggal dalam dunia yang tertutup dan ia akan menjadi satu perkara yang sensitif kepada penganut-penganut Kwan Yin. Kerajaan hendaklah sedar akan sensitiviti semua golongan ugama dan rakyat dan dalam pada itu saya menyeru Kerajaan memberi lampu hijau terhadap pembinaan patung Kwan Yin setinggi 118 kaki menurut rancangan asalnya di Air Hitam, Pulau Pinang untuk membuktikan bukan sahaja terdapat kebebasan beragama di Malaysia seperti mana terjamin dalam Perlembagaan Malaysia tetapi lebih penting lagi untuk menetapkan satu prinsip supaya mana-mana golongan ugama tidak harus campurtangan dengan golongan-golongan ugama lain dalam sebuah negara yang berbilang ugama seperti Malaysia supaya dengan membuat demikian ugama boleh dicegah dari menjadi punca kian memecah-belahkan proses pembinaan negara.

Tuan Pengerusi, untuk menggalakkan perpaduan negara Kerajaan hendaklah menggalakkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pertubuhan-pertubuhan sivil mengatasi garis-garis ethnik, ugama, bahasa dan menggalakkan pemikiran dan kesedaran yang bersifat kebangsaan berbilang ethnik dan berbilang ugama. Oleh yang demikian, adalah sungguh memeranjatkan untuk mendapat tahu bahawa sebuah Kerajaan yang mempunyai pejabat Perpaduan Negara untuk mewujudkan perpaduan negara yang lebih erat kini bertindak terhadap aliran sebuah pergerakan reformasi sosial yang berbilang ethnik dan berbilang ugama di mana Aliran telah diminta memberi sebab-sebab mengapa dia harus tidak dibatalkan pendaftarannya, kerana Presidennya, Dr Chandra Muzaffar telah mengeluarkan satu kenyataan akhbar yang mengkritik kenaikan elaun kakitangan-kakitangan Kerajaan baru-baru ini. Adalah tidak diterima akal bahawa satu kenyataan akhbar yang mengkritik kenaikan elaun kakitangan-kakitangan awam boleh membawa ke arah unlawful purposes atau untuk tujuan-tujuan prejudicial

atau incompatible kepada keamanan seperti mana dikatakan oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya memang tahu bahawa usaha untuk membatalkan pendaftaran Aliran satu perkara di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, tetapi oleh kerana berkaitan dengan faktor perpaduan negara usana-usaha untuk perpaduan negara, saya rasa perkara ini perlulah ditimbulkan di sini supaya kita tidak melemahkan usaha-usaha yang boleh menyumbang kepada usaha-usaha perpaduan negara oleh kerana saya tidak percaya bahawa demokrasi kita atau perpaduan negara kita begitu fragile di mana satu kritik mengenai kenaikan elaun akan membawa sistem ini pecah. Tidak boleh dinafikan bahawa di dalam tiga tahun ini Aliran dalam kegiatannya sudah membuat contribution yang besar kepada perbahasan, kepada kesedaran intelektual dalam perkara national unity dan kalau hak-hak asasi Malaysia dalam perkara kebebasan berucap dan kepercayaan akan dihonoured, saya rasa dalam negara kita mesti ada room untuk pendapat-pendapat yang berbeza dan tentulah akan men'adi satu kerugian besar kepada Malaysia, satu setback kepada usaha nation-building kalau satu organisasi semacam Aliran yang mahu memupuk kesedaran dan identiti multi-ethnic, multi-religious akan ditutup. Di sini saya menyeru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk campurtangan dalam perkara ini supaya perkara ini tidak terus berkembang sehingga Aliran ditutup.

Tuan Pengerusi, dalam perkara perpaduan negara saya rasa sangat mustahak bahawa dalam masyarakat kita yang berbilang kaum dan berbagai bahasa bahawa kedudukan berbagai bahasa dijamin dalam Perlembagaan kita dalam Fasal 152 dishonoured dan tidak ada apa-apa usaha untuk menukar atau undermine yang termaktub di dalam Perlembagaan itu mesti tidak dibenarkan oleh kerana ini akan membangkitkan atau menimbulkan kuasa-kuasa atau forces yang boleh mengakibatkan pecah-belah negara.

Di sini saya mahu sentuh ucapan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran baru-baru ini dalam satu ucapan di Persatuan Suluh Budiman di Kuantan di mana beliau kata perlu satu

kajian yang mendalam dibuat terhadap Akta Bahasa Kebangsaan 1967 oleh kerana ada doubt dan query mengenai penggunaan Malaysia dan beliau tanya sama ada . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, ini sudah melencong daripada Maksud B. 8 ini. Perkara B. 8 ini Perpaduan Negara ialah berkenaan dengan dasar tadbiran atau urusan, bukannya dasar am. Jadi kalau boleh Yang Berhormat tumpukan balik kepada dasar tadbiran atau urusan sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya akan balik ke sini—tetapi point yang saya mahu sebut di sini ialah sangat mustahak kalau kita ada satu Jabatan Perpaduan Negara bahawa pemimpin-pemimpin Kerajaan mestilah mengambil hirau atau perhatian mengenai ucapan-ucapan mereka yang tidak merosakkan usaha-usaha perpaduan atau Jabatan Perpaduan Negara, baik daripada segi bahasa atau lain-lain.

Di sini apa yang saya mahu sebut ialah bahawa tidak ada query dan tidak ada doubt dalam National Language Act oleh kerana apa-apa yang akan menimbulkan national disunity, saya rasa satu tanggungjawab Jabatan Perpaduan Negara dan tidak boleh dinafikan sesiapa yang mengatakan bahawa mungkin pengguna bahasa nasional bukan sahaja terhad kepada public authority, terhad kepada Kerajaan, tetapi juga melibatkan correspondence antara firma-firma swasta dan orang-orang individu akan menimbulkan masalah-masalah yang sangat serius dalam masyarakat kita yang majmuk di mana perkara atau kedudukan semua bahasa ada dalam Perlembagaan. Oleh sebab itu, saya rasa sangat mustahak bahawa tidak ada berlaku apa-apa usaha atau perubahan untuk melawan atau cabar kedudukan dalam Article 152, bukan sahaja ini akan menimbulkan perkara-perkara yang akan menyakitkan hati rakyat di sini yang berbilang bahasa, tetapi mencabar kedudukan dalam Perlembagaan dan ini disifatkan satu entrenched issue dan sesiapa yang melawan itu sensitive issue dan menjadi satu offence of sedition. Dan di sini saya mahu sebut sedikit mengenai Jabatan Peguam Negara yang sekarang menjadi satu Jabatan di bawah Maksud B. 14, Jabatan Peguam Negara.

**Tuan Pengerusi:** Muka berapa?

**Tuan Lim Kit Siang:** Muka 102, dahulu ada satu Kementerian Undang-undang dan Jabatan Peguam Negara, ini sudah dibubarkan dan sekarang kita ada Jabatan Peguam Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri. Tetapi saya rasa satu point yang sangat mustahak dalam melaksanakan tugas-tugas Jabatan Peguam Negara khususnya untuk Peguam Negara yang sekarang bukan Cabinet Official tetapi non-political ialah bahawa dalam menjalankan tugas prosecution dan lain-lain, dalam upholding and enforcement of undang-undang di negara kita tidak ada pilihan, diskriminasi. Saya rasa prinsip ini sangat mustahak kalau rakyat mahu kepercayaan penuh terhadap Rule of Law dan saya tidak boleh kata bahawa apa yang berlaku baru-baru ini ada meninggikan kepercayaan rakyat khususnya mengenai kes-kes Timbalan Menteri Pertanian di mana rakan saya Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar ada buat satu laporan bahawa seruannya dalam Perhimpunan UMNO Youth untuk melaksanakan Clause 21 Akta Pelajaran, 1961 ialah satu seditious offence.

Di sini Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata semasa soal-jawab bahawa dalam pandangan Jabatan Peguam Negara tidak ada satu kesalahan yang timbul, itulah pandangan Kerajaan, bukanlah satu final dan legal position dan oleh kerana perkara ini begitu serius mungkin lebih baik untuk Kerajaan serahkan perkara ini, ambil initiative dan bawa perkara ini ke mahkamah supaya mahkamah ada satu peluang untuk membuat satu keputusan sama ada satu seruan yang dikandungi dalam ucapan Ketua Pemuda UMNO itu melanggar undang-undang sedition. Mungkin dalam perkara ini ada satu kes Yang Berhormat dari Kinabatangan di mana ada membuat seruan yang terus terang untuk menutup sekolah-sekolah Cina dan satu laporan pun ada dibuat oleh rakan saya dari Kota Melaka tetapi sehingga hari ini tidak ada apa-apa tindakan yang boleh kita nampak.

Kita mahu tanya sama ada kedua-dua ini ada double standard dalam application and enforcement of law oleh kerana kalau begitu saya rasa atau prinsip yang sangat tinggi akan diceroahi dan tentulah kalau

sesiapa yang mencadangkan untuk menutup sekolah-sekolah nasional tentulah mahkamah mengatakan ini hasutan tetapi sesiapa yang kata tutup sekolah-sekolah bahasa Cina yang termaktub dan entrenched dalam Perlembagaan, itu tidak perlu menghadapi apa-apa tindakan. Apa yang kita mahu atau rakyat mahu ialah enforcement of law and order yang impartial, independent dan tidak pilih kasih oleh Jabatan Peguam Negara.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Tanah Merah.

4.42 ptg.

**Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah):** Tuan Pengerusi, mula-mula sekali saya ingin menyentuh mengenai Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, muka surat 47, Maksud B. 7, Butiran 1100 Perkara (4)—Naik Pangkat dan Tatatertib.

Tuan Pengerusi, sama ada soal kenaikan pangkat yang di bawah kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran bagi guru-guru ini terus dijalankan sendiri oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) ataupun diperturunkan kepada pihak Kementerian Pelajaran, saya mencadangkan supaya di sini hendak membincangkan kedua-duanya sekali.

Perkara yang pertama kita memang menerima baik usaha-usaha yang dijalankan untuk menaikkan pangkat guru-guru sama ada yang di dalam Kategori D1, C1, C2 melalui mengwujudkan pangkat-pangkat melalui pangkat-pangkat guru-guru besar atau penolong-penolong kanan. Dalam masalah guru-guru besar dan penolong kanan ini saya tujukan kepada sekolah-sekolah rendah. Kita dapati bahawa di sekolah-sekolah rendah pangkat-pangkat tertentu hanya diberi kepada guru besar sekolah A, penolong kanan sekolah A; guru besar sekolah B, penolong kanan sekolah B dan hanya kepada guru besar sekolah C. Cadangan saya special Grade (Tingkatan Khas) atau sebagainya hendaklah juga diberikan kepada penolong kanan sekolah C (sekolah rendah) kerana walaupun bilangan murid-murid di sekolah rendah C ini tidak menyamai bilangan murid-murid sekolah B apatah lagi sekolah-sekolah A, namun kadangkala kerja-kerja di sekolah C ini tidak kurang banyaknya sepertimana yang kedapatan di sekolah-sekolah A dan

sekolah B apatah lagi seringkali di sekolah-sekolah C ini oleh sebab bilangan murid-muridnya tidak begitu ramai maka kakitangan tidak juga begitu ramai sepertimana yang kepadatan di sekolah B atau A. Dengan hal yang demikian tugas kakitangan ini seperti kerani, budak pejabat dan sebagainya terpaksa dibebankan oleh guru-guru besar atau penolong kanan.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, dalam masalah ini saya dapati sebelum Kerajaan dapat melaksanakan syor-syor Jawatankuasa Kabinet untuk mengkaji pelaksanaan pelajaran yakni untuk menjadikan semua sekolah-sekolah satu aliran, maka sudah tentu banyak sekolah-sekolah menggunakan dua aliran yakni pagi dan petang dan kadang-kadang kita terlupa bahawa orang yang menjadi pengawas di sebelah petang itu juga adalah bertugas sebagai guru besar walaupun pangkatnya tidak guru besar ataupun penolong kanan.

Dengan hal yang demikian, Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya pihak SPP melalui Kenaikan Pangkat dan Tatatertib ini hendaklah mengkaji, diberi suatu pangkat yang tertentu kepada mereka yang menjalankan tugas sebagai pengawas di sebelah petang. Mungkin persoalan akan timbul apakah tidak dapat penolong-penolong kanan di sekolah-sekolah besar umpamanya diletakkan di sebelah petang. Pada prinsipnya, Tuan Pengerusi, mungkin ini boleh dijalankan tetapi kalau dilihat dari segi praktik ini tidak mungkin dijalankan kerana makin besar sesebuah sekolah itu maka makin banyak tugas guru besar berkenaan; makin banyak tugas guru besar berkenaan maka makin sedikit guru-guru besar tersebut berada di sekolah. Apabila makin sedikit guru-guru besar berkenaan berada di sekolah maka makin banyak keperluan kepada penolong kanan berada di sekolah di waktu pagi. Dengan lain-lain perkataan, Tuan Pengerusi, setelah dianalisa begitu rupa bahawa perlu diwujudkan seorang pengawas di sebelah petang walaupun mereka itu tidak mendapat habuan.

Cadangan saya ialah mereka ini juga hendaklah diberi apa bentuk habuan dengan mengadakan pangkat-pangkat yang tertentu. Misalnya kita dapati banyak sekolah-sekolah terutama sekolah menengah yang mempunyai sekolah-sekolah menengah A, guru besarnya

Superscale G, Penolong kanannya SAO, apakah salahnya kalau kita mewujudkan satu lagi pangkat bagi pengawas di sebelah petang di peringkat yang kedua di bawah da i\_ ada gu u besar tadi.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh mengenai kelambatan penganjuran jawatan bagi guru-guru besar di sekolah-sekolah menengah A. Misalnya kepadatan pada hari ini guru-guru ataupun Pegawai Perkhidmatan Pelajaran, Kategori DI yang telah mulai berkhidmat pada bulan Januari tahun 1962 di bawah Skim Perkhidmatan Guru-guru yang Dipersatukan (UTS) dan telah dilantik memangku jawatan Tingkatan Tertinggi G pada bulan Ogos tahun 1975 dan pada bulan November tahun 1973 masih pada hari ini, 7 tahun kemudian dan 5 tahun kemudian belum pun lagi disahkan dalam jawatan mereka.

Tuan Pengerusi, itu mungkin merupakan sebagai satu warisan sejarah di mana pada masa dahulu Perkhidmatan Pelajaran ini dibelahbahagikan dengan berbagai-bagai rupa tetapi hendaknya apabila Perkhidmatan Pelajaran ini telah dipersatukan maka manamana mereka yang telah ketinggalan dan sempat juga berlari sedikit pada hari ini walaupun mereka berkhidmat mulai tahun 1962, 1963, 1964 hanya dapat memangku jawatan Tingkatan Tertinggi G pada tahun 1973 dan 1975 sepertimana yang saya sebutkan tadi maka rasa saya tidak perlu mereka ini menunggu lama sangat untuk disahkan ke dalam jawatan.

Sebagai perbandingan, Tuan Pengerusi, kita dapati ada guru-guru yang telah berkhidmat pada tahun 1969 lantaran mereka pernah berkhidmat sebagai guru di bawah C2 sebelum daripada itu ataupun keadaan yang lebih kurang C2 sebelum daripada itu oleh sebab mereka pernah dianggap sebagai guru Kerajaan maka mereka telahpun disahkan dalam perkhidmatannya.

Perkara yang seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan kepada pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran supaya mengambil perhatian akan usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak Kementerian Pendidikan baharu-baharu ini dengan menambahkan bilangan mereka yang mendapat tingkatan

tertinggi di dalam golongan pegawai-pegawai professional yakni doctors di dalam Kementerian Kesihatan. Kalau sekiranya Superscale A atau Staff A dapat diberikan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, apalah salahnya kita dapat selaraskan dengan Ketua Pengarah Perkhidmatan Pelajaran dan di samping itu apalah salahnya pangkat-pangkat dalam bentuk tingkatan tertinggi hendaklah ditambah di dalam Perkhidmatan Pelajaran terutama sekali di dalam bahagian Kategori D 1 kerana kalau sekiranya hendak diperhitungkan dari segi tanggungjawab seseorang guru perlu menjadi ketua kepada satu-satu negeri baharu mendapat pangkat Superscale F, Superscale E atau sebagainya, maka peluang bagi guru-guru atau pun pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran ini hanya wujud di dalam 13 buah negeri sahaja dan kiranya guru-guru di dalam Kategori D 1 ini dimungkinkan mendapat Superscale G hanya apabila mereka dapat menjadi guru-guru besar di sekolah-sekolah A sahaja maka tidak berapa banyak sekolah-sekolah A yang wujud kalaulah dibandingkan dengan bilangan guru-guru Kategori D 1 yang terdapat di negara ini.

Walau bagaimanapun, kita bersyukur dan berterima kasih kerana sebelum sistem penggredan sekolah-sekolah yang baharu diwujudkan itu tidak berapa ramai ataupun dapat dibilang mereka yang berkesempatan untuk mendapat pangkat tingkatan tertinggi tetapi setelah diadakan penggredan sekolah-sekolah yang baharu di'alkan beberapa tahun kebelakang ini maka bertambahlah mereka yang berpeluang itu.

Namun demikian, Tuan Pengerusi, kita tidak perlu menunggu kalau sekiranya seseorang itu layak sampai 10 tahun, sampai 12 tahun baharulah seseorang guru Perkhidmatan Pelajaran D1 dapat mengecap Pemangku Tingkatan Tertinggi G.

Kita tidak boleh bandingkan sesuatu profesion dengan satu profesion yang lain. Mungkin profesion dari segi pentadbiran adalah berbeza dengan profesion-profesion yang lain tetapi kita hendaklah juga memerhatikan bahawa tidaklah patut kita penalise seseorang itu oleh sebab ianya menjadi seorang guru oleh sebab ianya lantaran salah pilih biasiswa sewaktu memasuki universiti, oleh sebab opening atau peluang-peluang tidak

wujud kepada beliau sewaktu beliau tamat daripada universiti walaupun kelulusannya adalah lebih baik daripada rakan-rakannya yang memasuki bidang-bidang pentadbiran maka tidak patut guru-guru yang seperti ini diperlambat-lambatkan mereka itu daripada mendapat tingkatan tertinggi.

Jadi, saya mencadangkan supaya Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam dan juga Kementerian Pelajaran supaya menyemak kembali approach atau pendekatan yang telah diamalkan oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran dan dengan kerjasama pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam serta Kementerian Pelajaran setakat hari ini **disemak** semula supaya perkara-perkara yang saya sebut tadi tidak akan berlanjutan lagi.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya berhijrah pula kepada muka surat 54 yakni Program 7—Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara. Kalau ejaan di situ diumumkan salah, di sini diletaknya "Pengaduan Negara", saya mensifatkan Program 7 ini Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara. Sebelum saya melanjutkan ini saya ingin mendapat penentuan daripada Tuan Pengerusi sama ada perkataan ini "Pengaduan" atau "Perpaduan".

**Tuan Pengerusi:** Sememangnya perkataan itu ialah "Perpaduan Negara", cuma ejaannya silap. Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Terima kasih. Dalam masalah perpaduan negara terutama sekali mengenai penyelidikan, saya ingin mencadangkan kepada Urusetia Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara ini supaya diadakan penyelidikan yang agak lebih meluas daripada apa yang ada pada hari ini. Kita berterima kasih kerana adanya buku-buku kecil seperti "Risalah Muhibah Masyarakat Malaysia yang telah disebarkan ataupun yang telah dicetak oleh pihak Lembaga Perpaduan Negara. Setakat hari ini, ingin saya bertanya kepada pihak berkenaan siapakah orang-orang yang telah disampaikan bahan-bahan percetakan ini. Tidak lengkap kalau sekadar dihantar kepada Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Negara, Ketua-ketua Pejabat atau Pejabat-pejabat sahaja, kerana sebaran perpaduan negara

bukan hanya terletak di kawasan-kawasan ataupun area yang saya sebutkan tadi tetapi sebaran perpaduan negara adalah mempunyai tonggak di mana-mana sahaja terutama sekali di mana wujudnya orang-orang muda yang akan menjadi teras kepada sama ada perpaduan negara akan dapat diwujudkan ataupun tidak.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, banyak telah dipersoalkan soal agama. Ini adalah satu perkara yang sensitif. Saya sebenarnya tidak sangat bercadang hendak membincang panjang dalam masalah ini tetapi di dalam masalah agama saya mengesyorkan supaya bidang tugas ini juga diambil tahu oleh pihak Lembaga Perpaduan Negara. Kalau misalnya lantaran negara ini didiami oleh rakyat daripada berbilang keturunan dan berbilang agama maka sudah tentu setiap tindak-tanduk antara agama dengan agama, setiap amalan antara agama dengan agama itu sedikit sebanyak akan menjejaskan agama yang lain sekiranya benar-benar tidak diikuti sepertimana yang dikehendaki dalam Perlembagaan. Perlembagaan telah menentukan bahawa Ujama Islam adalah agama rasmi dan agama-agama lain boleh diamalkan dengan syarat-syarat yang tertentu antara lainnya tidak menjejaskan ketenteraman awam atau sebagainya.

Maka sekiranya, sesuatu perkara yang hendak dibuat misalnya patung Kuan Yin sepertimana yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling tadi, bukan sahaja perkara ini perlu diperhatikan daripada satu pihak sahaja tetapi hendaklah juga ditinjau dari segi pihak-pihak yang lain. Apakah perlunya Malaysia yang mengakui mempunyai agama Islam sebagai agama rasmi memerlukan sebuah patung yang terbesar dan tertinggi di dunia yang mana ini perlu dikaji oleh pihak Lembaga Perpaduan Negara di bawah penyelidikan sepertimana yang saya sebutkan tadi. Kerana, apa yang kita tidak mahu tersilap langkah sedikit, mungkin ianya akan merebak dan membawa kepada perkara-perkara yang lain di luar daripada bidang tugas keagamaan.

Begitu juga kita memang mengutuk orang-orang yang memusnahkan patung-patung sepertimana berlaku tahun lepas di Kerling. Orang-orang Islam adalah tidak dibenarkan merosakkan perkara-perkara yang tersebut

tetapi di samping orang-orang Islam pada amnya mengutuk perkara seperti ini maka tidak semestinya kutukan dan penerimaan orang-orang Islam di negara ini hendaknya diterima sebagai satu *submissiveness*, sebagai satu penerimaan oleh masyarakat Islam yang berdiam diri itu tentang segala-gala perkara yang hendak dibuat di negara ini.

Tuan Pengerusi, perlu juga dibuat penyelidikan untuk mengetahui apakah pandangan, adakah perasaan terutama sekali dari segi pandangan semua masyarakat negara ini supaya keadaan *status quo* atau keadaan perhubungan masyarakat yang baik, yang wujud pada hari ini, jangan diledakkan oleh sesuatu peristiwa yang tidak diingini.

Dalam masalah agama ini, penyelidikan hendaklah juga dibuat oleh pihak Pejabat Perpaduan Negara, untuk menentukan sama ada usaha-usaha keagamaan, sama ada yang dibuat oleh orang-orang Islam ataupun yang dibuat oleh orang-orang bukan Islam sama ada ianya tidak didorongkan oleh pihak-pihak yang ketiga, oleh pihak-pihak yang mempunyai kepentingan daripada luar negeri, sama ada pihak komunis atau pihak-pihak lain yang mempunyai tujuan-tujuan politik yang tertentu supaya dengan harapan apabila diledakkan sesuatu peristiwa ini ianya akan meletus . . . . .

**Tuan Chan Teck Chan:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat hendak beri jalan?

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Boleh.

**Tuan Chan Teck Chan:** Saya ingin sekali meminta sedikit penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah mengenai statue Kuan Yin "Goddess of Mercy" di Ayer Hitam, Pulau Pinang. Dari segi Perlembagaan Fasal 11 di sana sudah ada menyatakan sangat jelas mengenai kebebasan beragama, juga, di dalam Fasal 3 ada mengatakan kedudukan Islam sebagai agama rasmi di Malaysia. Maka apakah salahnya untuk membolehkan masyarakat menganuti dan membina patung seperti Kuan Yin di Ayer Hitam. Adakah ini merupakan satu langkah yang salah yang ada bertentangan dengan ajaran Islam? Dengan itu, saya hendak minta Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah untuk memberikan satu penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sebelum Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah menjawab, saya mengikuti ucapan beliau tadi, dia cuma mengatakan iaitu penyelidikan yang lebih teliti, lebih mendalam hendaklah dibuat apabila kita hendak mendirikan satu kuil yang begitu tinggi. Yang Berhormat itu tidak menyatakan itu salah itu tidak betul. Dia tidak kata.

**Tuan Chan Teck Chan:** Saya minta penjelasan mengenai ini ialah apakah salahnya satu patung yang tertinggi dan terbesar seperti Kuan Yin statue . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah tidak mengatakan itu salah. Dalam ucapan beliau tadi cuma Ahli Yang Berhormat itu mengatakan iaitu di dalam negeri kita yang berbilang kaum dan berbilang agama ini apa-apa yang kita hendak buat seperti satu kuil ataupun masjid yang besar-besar dan tinggi eloklah dibuat penyelidikan yang lebih mendalam lagi sama ada sesuai atau tidak sesuai. Dia tidak kata salah!

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Pengerusi, penjelasan yang saya hendak minta ialah memang perlu dikaji tetapi apa sebab hendak dikaji kerana di dalam Perlembagaan Fasal 11 ada mengatakan dengan jelasnya bahawa hak kebebasan untuk beragama, maka apa sebab Kuan Yin statue ini perlu dikaji dan perlu diputuskan oleh satu lembaga yang akan mengakibatkan satu statue 118 kaki tinggi diturunkan kepada 80 kaki? Itu adalah melanggar semangat Perlembagaan.

**Tuan Pengerusi:** Baik, Yang Berhormat dari Tanah Merah hendak jawab?

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Pengerusi, kalau tidak silap saya mengikut Standing Order 99 keputusan Tuan Pengerusi, adalah muktamad, jadi tidak perlulah saya beri jawapan.

**Tuan Pengerusi:** Cuma kalau Yang Berhormat hendak menjawab sedikit untuk menerangkannya.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Terima kasih. Cuma sepertimana yang Tuan Pengerusi sebut tadi begitulah jawapan saya. Saya

cuma menyeru supaya diadakan penyelidikan, cuma saya mintalah lantaran pilihanraya kecil diadakan di Pengkalan Kota, janganlah perkara-perkara atau isu-isu seperti ini hendak kita gunakan untuk faedah-faedah yang lain terutama sekali pilihanraya kecil. Ini sebagai ingatan. Mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang berucap selepas daripada ini.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya menyatakan tadi perlu diadakan penyelidikan kerana kita takuti dan saya ragui kalau-kalau peristiwa-peristiwa keagamaan yang tertentu sepertimana yang saya sebutkan tadi dipergunakan oleh pihak yang ketiga di luar daripada negara ini bukannya orang Islam di negara ini dan juga bukannya oleh orang-orang bukan Islam di negara ini tetapi oleh pihak-pihak yang lain yang berkepentingan politik supaya wujudnya seperti peristiwa tahun 1969 di negara ini, seperti wujudnya peristiwa dua minggu tahun 1945 dan seperti wujudnya peristiwa-peristiwa berdarah yang sekali sekala berlaku di dalam sejarah negara ini. Kerana ini akan memberi jalan kepada golongan-golongan yang ketiga yang akan menanggung di air keruh dan di dalam hubungannya inilah saya menyeru supaya pihak Bahagian Penyelidikan Lembaga Perpaduan Negara ini cuba tumpukan perhatian di bidang ini sama ada adanya kemungkinan sebagai perbandingan misalnya selalu dipergunakan bahawa dadah telah diberi subsidi oleh pihak-pihak tertentu supaya melumpuhkan rakyat negara ini dan senanglah hegemony atau grand design pada masa hadapan melingkupi seluruh Asia Tenggara dan termasuk juga Malaysia. Saya ragui perkara-perkara ini adalah juga termasuk di dalam bidang-bidang yang tersebut. Kerana sepertimana yang kita maklum, soal agama, soal bahasa dan soal bangsa adalah benda-benda yang boleh dianggap sebagai time-bomb. Siapa sahaja pandai menggunakan isu-isu ini maka meletuplah bom itu dan senanglah ditanggung apabila segala kekeruhan berlaku akibat daripada bom-bom yang tersebut. Ini patut difikirkan bersama bukan sahaja back benchers daripada pihak Kerajaan tetapi juga oleh saudara-saudara dari pihak DAP, ini adalah kepentingan negara.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, dalam masalah Rancangan Perhubungan Masyarakat di bawah Jabatan Perpaduan Negara yakni program (7) (c). Saya mencadangkan supaya

perkara ini diperluaskan lagi supaya melingkupi atau mencukupi murid-murid sekolah. Jangan hanya murid-murid sekolah kita serahkan sahaja kepada sekolah-sekolah, kerana saya merasai khuatir polarisation yang kadangkala kedapatan di setengah-setengah tempat. Misalnya, oleh sebab keadaan sekolah-sekolah di negara ini ujudnya begitu rupa maka polarisation atau pemusatan-pemusatan kaum adalah perpusat kepada sekolah-sekolah yang sealiran dan seinginan dengan pihak-pihak yang berkenaan. Ini tidak payah saya beri detail di sini kerana jenis sekolah di negara ini tidak banyak, senang dikira hanya 3 sahaja dan senang dilihat dibuat analisa.

Tiap-tiap jenis sekolah ini kita mengharapkan murid-murid daripada tiap-tiap jenis sekolah ini selain daripada usaha-usaha yang dijalankan sendiri oleh pihak Kementerian Pelajaran maka hendaklah juga diambil secara serius oleh Bahagian Rancangan Perhubungan Masyarakat Lembaga Perpaduan Negara supaya kita bentuk mereka ini daripada kecil-kecil lagi terutama sekali daripada sekolah-sekolah rendah supaya mereka ini dapat mengenal antara satu sama lain. Kerana kalau selama 6 tahun murid-murid sekolah ini diasuh di bawah bumbung yang sama dengan golongan yang sama, dengan guru yang sama bangsa maka mungkin murid-murid ini tidak dapat melihat apakah yang ada di sebelah sana dan ini boleh membawa kepada prasangka atau prejudice yang tertentu. Prasangka atau prejudice ini adalah merupakan halangan-halangan yang maha tidak sihat dari segi perpaduan masyarakat atau negara di masa hadapan dan dalam bidang inilah maka Rancangan Perhubungan Masyarakat di bawah Jabatan Perpaduan Negara ini hendaklah diberi tumpuan.

Saya dapati pada tahun 1981 bahagian ini hanya mempunyai 246 orang pegawai walaupun bertambah kalau hendak dibandingkan dengan tahun 1980 iaitu seramai 192 orang. Tetapi kalau dikira dari segi beban perkara yang hendak dijalankan oleh bahagian ini sepertimana yang saya sebutkan tadi sekiranya hendak ditimbang maka sudah tentu pegawai atau kakitangan ini jauh daripada mencukupi.

Maka di sini saya ingin mencadangkan kepada pihak Jabatan Perdana Menteri khususnya Jabatan Perpaduan Negara supaya di

dalam Budget atau Belanjawan tahun 1982 hendaklah mempunyai perhitungan mengenai murid-murid sekolah yang saya sebutkan tadi, maka saya mengharapkan insya Allah akan saya dapat lihat akan bertambah lagi pegawai-pegawai di bidang ini dan selepas itu kita akan menanyakan apakah rancangan-rancangan mereka itu di dalam masalah ini.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh program (7) (d) Urusetia Rukun Tetangga. Saya dapati bahawa akhir-akhir ini sekali sekala ahli-ahli Rukun Tetangga diganggu gugat. Salah satu cara kita hendak mengatasi soal ini, mungkin kita hendaklah melengkapkan di dalam pasukan-pasukan rondaan yang dijalankan pada tiap-tiap malam terutama sekali di antara jam 2.00 hingga 4.00 pagi ataupun 12.00 malam hingga 2.00 pagi itu hendaklah kita jangan membenarkan bilangan-bilangan yang kecil.

Saya mendapat tahu daripada liputan akhbar tempatan bahawa setelah seorang anggota Tetangga yang mengawal daripada salah sebuah Sektor Rukun Tetangga di Kuala Lumpur telah diganggu oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab maka sektor tersebut telah membuat keputusan supaya bilangan mereka yang meronda itu ditambah dan ini saya cadangkan, kepada pihak Urusetia Rukun Tetangga ianya hendaklah dijadikan sebagai satu polisi - dasar. Misalnya, kita jangan membenarkan rondaan-rondaan berdua-duaan ataupun 4 kalau ini tidak cukup apa salahnya kita buat team of ten - pasukan yang terdiri daripada 10 orang.

Di dalam hal ini, Tuan Pengerusi, kita di dapati di kalangan masyarakat kita ini ramai orang-orang yang memiliki senjata. Dalam team of ten ini - pasukan yang terdiri dari 10 orang ini kita letakkan sekurang-kurangnya seorang yang mempunyai senjata. Saya dapati, di Kuala Lumpur ini ramai orang yang mempunyai senjata. Jadi hendaklah mereka ini diletakkan supaya dengan matlamat tiap-tiap satu pasukan itu mempunyai sepucuk senjata sama ada senapang ataupun pistol. Jadi dengan cara yang demikian, tidaklah lagi ahli-ahli Rukun Tetangga yang berkawal itu akan hanya mengharapkan kepada tongkat kayu atau tongkat rotan itu sahaja yang mana tidak menjadi pertolongan yang sangat kepada mereka itu.

Seterusnya saya ingin juga menyentuh Program (5); berbalik sedikit masih dalam B.8, muka surat 53 yakni Pentadbiran Ugama Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri. Saya sedar bahawa soal-soal ugama ini terutama sekali soal ugama Islam supaya tidak disalah mengertikan, saya ulangi soal Pentadbiran Ugama Islam di negara ini kecuali di Wilayah Persekutuan adalah di bawah pihak-pihak negeri masing-masing. Namun demikian, perkara ugama seperti mana yang saya sebutkan awal tadi juga termasuk Ugama Islam ada kaitan rapat dengan soal keselamatan negara seperti mana yang terdapat di Program (4) muka surat 53, B.8, Butiran 1100.

Maka saya mencadangkan supaya pihak Pentadbiran Ugama Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri ini supaya mencari jalan diadakan lebih banyak lagi persetujuan-persetujuan di kalangan badan-badan yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal ugama Islam di peringkat-peringkat negeri dengan diselaraskan oleh pihak Jabatan Perdana Menteri. Misalnya, kita dapati terlalu banyak ajaran salah telah dibincangkan beberapa hari yang lepas terlalu banyak perkara yang karut-marut, terlalu banyak fatwa yang bertentangan dengan fatwa yang rasmi. Perkara-perkara ini patut diselaraskan jangan sesuatu perkara itu lain di Kelantan, lain pula di negeri yang lain. Ini menjadi satu perkara yang tidak baik. Dan kalau sekiranya perkara-perkara hal ehwal ugama ini telah dapat dikesan tentang perkara yang tidak baik berlaku di satu tempat maka hendaklah disegerakan mengadakan perjumpaan di antara semua badan-badan yang berkenaan, ertinya Majlis-majlis Ugama di peringkat negeri diselaraskan oleh Urusetia Pentadbiran Ugama Islam di peringkat Jabatan Perdana Menteri ini mencari jalan dan segala keputusan ini di bawa kepada saluran-saluran yang tertentu yang ada pada hari ini kemudian dilaksanakan. Kerana soal ugama sepertimana yang saya katakan tadi tidak boleh dipisahkan dengan soal politik, tidak boleh dipisahkan dengan soal keselamatan. Jadi soal ugama juga mungkin dipergunakan dalam bidang-bidang lain sama ada bidang politik, bidang keselamatan, bidang ekonomi dan sebagainya. Jadi fatwa yang diberikan di Kelantan tidak meliputi fatwa untuk negeri Trengganu walaupun kami bersempadan, kedua-dua negeri ini berjiran. Setelah merebaknya di Kelantan mungkin akan berhijrah

pula ke Trengganu dan kalau sekiranya di bawah Urusetia Jabatan Perdana Menteri ini perkara ini dapat diseleraskan dan senanglah langkah-langkah yang sesuai dapat diambil kerana orang-orang kita, terutama sekali orang-orang Islam dalam masalah ugama ini adalah sangat sensitif, silap sedikit banyak perkara yang boleh berlaku, silap sedikit padah akibatnya.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mencadangkan kepada pentadbiran ugama Islam di Wilayah Persekutuan, terutama sekali supaya mendaftarkan semua orang-orang yang dapat mengajar Al-Quran. Perkara ini telah saya cadangkan tahun lepas, saya harap perkara ini akan dapat diambil tindakan pada tahun ini kerana setahu saya belum menyeluruh lagi. Kita mendaftarkan orang-orang yang boleh mengajar Al-Quran dan mengajar sedikit-sebanyak ugama kesemuanya, kemudian selepas itu kita hebahkan kepada masyarakat umum, misalnya orang-orang di Bungsar boleh belajar dengan A bin B atau A binti B, ini caranya kerana tidak mencukupi kalau kita mengharapkan bahawa anak-anak kita ini belajar Al-Quran dengan cara ibu bapanya sendiri mencari guru-guru, dengan cara menggaji atau memberi habuan kepada guru-guru di tempat-tempat berkenaan. Maklumlah hidup di bandar ini adalah terlalu sibuk dengan berbagai-bagai perkara dan adalah menjadi tanggungjawab kepada generasi umat Islam pada hari ini sebelum kita meninggalkan dunia ini supaya anak-anak kita pandai dari segi ugama pada peringkat asas, terutama sekali membaca Al-Quran dan sebagainya. Apatah lagi pada hari ini sepertimana yang telah saya sebutkan dahulu di sini bahawa ramai sangat anak-anak kita yang tidak berkemampuan untuk membaca dan menulis jawi yang ini secara sedikit-sebanyak boleh membantutkan pelajaran dan pengajaran Al-Quranul Karim.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada pihak yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal ugama Islam, terutama sekali di bawah Wilayah Persekutuan ataupun di bawah pentadbiran ugama Islam di peringkat Jabatan Perdana Menteri ini, adakah orang-orang yang membaca khutbah (khatib) di masjid-masjid atau di surau-surau yang dijadikan masjid-masjid pada hari Jumaat ini mendapat tauliah daripada

Jabatan Ugama yang berkenaan ataupun sekurang-kurangnya pernahkah pihak-pihak yang bertanggungjawab Jabatan Perdana Menteri dari segi hal ehwal ugama ini mengambil tahu apakah kandungan-kandungan khutbah yang disampaikan oleh mereka itu di masjid-masjid di sekitar Wilayah di mana perkara ini adalah di bawah kawalan Jabatan Perdana Menteri melalui Kementerian Wilayah Persekutuan kerana kadangkala sekali sekala saya sendiri terdengar seolah-olah khutbah yang kita dengan itu sebelum khatib berhenti, seolah-olah kita ini dekat sangat dengan negara Iran, tak payah saya lanjutkanlah. Saya tidak menyalahkan orang membaca khutbah kerana semangat dan perasaannya itu dicurahkan pada hari itu, cuma saya ingin bertanya kepada Jabatan Perdana Menteri adakah sekali sekala kita meli-at-lihat, kita menanya-nanya apakah kandungan khutbah-khutbah selain daripada khutbah di masjid-masjid besar, seperti Masjid Negara dan sebagainya, ini senang dilihat daripada tape ataupun kita dengar melalui radio kerana siaran terus-menerus, mungkin juga di khutbah-khutbah pada masjid-masjid atau surau-suaru kecil yang dijadikan tempat bersembahyang Jumaat pada hari Jumaat di sekitar Wilayah Persekutuan ini. Ini juga ada kaitannya dengan keselamatan negara dan mungkin juga patut diperhatikan dan dilihat sekali sekala oleh Jabatan Perdana Menteri.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih dan sekali lagi saya menyokong permintaan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

5.25 ptg.

**Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar):** Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong peruntukan yang telah diminta oleh Jabatan Perdana Menteri. Saya bermula daripada B. 1—Parlimen.

**Tuan Pengerusi:** Muka berapa Yang Berhormat?

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Muka surat 31, pecahan 1100. B. 1 berkenaan pentadbiran Parlimen.

Parlimen sebagaimana kita tahu adalah satu bangunan yang mana di dalamnya digubal berkenaan dengan pemerintahan negara kita dan Parlimen juga satu tempat yang menjadi kagum kepada rakyat Malaysia dan juga negara-negara lain kalau datang melawat ke negara kita Malaysia. Saya kadang-kadang tengok dalam TV dan sebagainya kalau ada satu-satu pemimpin selain daripada menemui Perdana Menteri, kadangkala juga melawat ke Bangunan Parlimen khasnya dikala berjumpa dengan Tuan Speaker ataupun Presiden Dewan Negara, jadi tempatnya ialah sebagaimana saya kata tadi di Bangunan Parlimen. Di sini sebagai menjadi satu tanda tempat yang akan dilawati dan akan ditengok sebagai contoh kerana di sinilah tempat menggubal undang-undang sebagaimana saya ka'akan tadi. Dengan sebab itu saya berharap kalau boleh keindahan Parlimen ataupun identiti cara kemalaysiaan patut dibanyakkan lagi.

Misalnya saya dapati keindahan pokok-pokok tidak begitu indah sebagaimana setengah di tempat-tempat lain, barangkali peruntukannya pun tak begitu banyak. Jadi saya percaya pihak dalam Jabatan Parlimen sendiri, baik Setiausaha Parlimennya kadangkala dengan saya sendiri biasa dipesan pokok-pokok bunga datang daripada Perlis yang saya sendiri biasa bawa pokok kena duri di tangan saya sendiri, menunjukkan saya kata ada minat yang mana Setiausaha Parlimen sendiri akan mengindahkan Bangunan Parlimen sehingga terpaksa beliau sendiri memesan pokok-pokok bunga yang tak kena wang. Saya berpendapat buatlah satu peruntukan yang cukup banyak mengindahkan Bangunan Parlimen dengan tanam-tanaman pokok dan apa-apa yang perlu lagi, begitu juga kolam-kolam air patut dibersihkan dan diadakan dengan ikan-ikan yang bersesuaian. Maklumlah sebagaimana saya kata tadi kalau banyak pelawat datang ke sini ingin melihat Bangunan Parlimen, bukan saha'a setakat rakyat yang ada dalam Malaysia, juga pemimpin-pemimpin negara daripada luar. Dengan sebab itu saya berpendapat sebagai pusat kepada pemerintahan negara patut diindahkan daripada tempat-tempat yang lain.

Beralih saya, Tuan Pengerusi, kepada pentadbiran mesyuarat. Dalam mesyuarat kita ini kadang-kadang kita ingin menghendaki

segala kertas-kertas ini ataupun segala laporan mesyuarat dikehendaki segera. Kadang-kadang ada di antara Ahli-ahli kita yang akan menengok apa yang dicakapkan oleh setengah kawan kelmarin untuk mengambil tindakan cara detail atau cara yang tepat tetapi kadang-kadang sampai 4-5 hari berulah dapat diadakan di atas meja kita. Saya tak salahkan pihak kakitangan kerana mengikut kerja pejabat kita bekerja daripada pukul 8.00 pagi sampai pukul 4.15 petang dan setahu saya kakitangan Parlimen inipun selain daripada orang yang tertentu 3-4 orang: Setiausaha, Timbalan Setiausaha dan Penolong Setiausaha, Bentara kalau tak silap saya, ada 2-3 orang daripada Jurutiap dan ada setengah kakitangan mengikut keadaan masa yang ditentukan, apakah salahnya kalau boleh dalam masa sidang Dewan Rakyat, juga Dewan Negara bersidang biarlah segala kakitangan yang ada kaitan dengan menaip dan segala yang bersangkutan dengan Dewan ini diikuti sampai masa kita 6.30 petang habis maka mereka ini juga 6.30 petang tetapi janganlah 6.30 pada segi bekerja—lebihkan kerja elaun overtime mereka tak diberi.

Kalau kerjanya itu lebih, biarlah elaun overtime mereka mestilah diberi juga. Ini pendapat saya. Barulah apa yang kita bemesyuarat hari ini dapat dengan segera pada esoknya dan dengan seberapa segera yang boleh. Jadi kalau kakitangan kita tidak cukup, amatlah menyedihkan kita walhal di sinilah apa yang kita putuskan secara tidak langsung, itulah yang dijalankan oleh negara kita hari ini. Kalau tempat lain kita boleh beri bayaran overtime dan sebagainya, saya fikir patut sangatlah dalam Dewan ini diadakan cara alat yang lengkap, pegawai yang lengkap tetapi biarlah dengan elaun dan sebagainya dan amatlah molek bagi kita kalau meminta satu-satu pihak menalakan kerjanya lebih dengan kita tidak memberi imbuhan setakat yang sepatutnya. Itulah harapan saya di segi B. 1.

Tuan Pengerusi, beralih saya kepada Mukadimah B. 3, muka surat 38 . . . .

**Tuan Pengerusi:** B.3?

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Ya, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Muka surat berapa?

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Muka surat 38.

**Tuan Pengerusi:** Itu B. 4.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Minta maaf, Tuan Pengerusi, muka surat 35 berkenaan dengan Jabatan Odit.

Kita tahu kalau satu-satu yang kita buat tidak diodit barangkali ada orang yang kecoh. Saya bersetuju Jabatan Odit Negara mengoditkan, memeriksa segala apa yang dibuat tetapi yang saya berasa dukacita teknik—kata orang peraturan itu dititikberatkan sangat. Misalnya, setahu saya dalam Jabatan Kerajaan sama ada dalam sekolah dan sebagainya wang diberi mengikut peruntukan kepala. Katalah macam sekarang ini untuk pembangunan. Misalnya dalam sekolah. Kalau tidak silap saya guru-guru ada menyatakan kepada saya ada peruntukan sains dan berbagai-bagai lagi, kalau tidak silap saya ada tiga empat kepala. Kalaulah satu kepala itu telah habis, diambil kepala wang lain untuk digunakan dalam sekolah itu juga misalnya untuk membeli perkakas sedangkan wangnya untuk perpustakaan, tetapi pihak pejabat atau pihak Guru Besar telah membelikan alat-alat yang lain walhal untuk kegunaan sekolah itu juga, Odit menganggapkan salah. Benda itu pada pendapat saya salah pada segi tadbir salahguna tetapi untuk kegunaan sekolah berkenaan.

Begitu juga di segi-segi pejabat Kerajaan misalnya ada wang di satu segi, wang itu ada, dalam Treasury banyak wang kadang-kadang terpaksa dihantar batik kepada pihak Kementerian kerana wang itu tidak dapat digunakan tetapi ada perkara lain yang mustahak diguna, wang kepada perkara itu tidak sampai lagi. Jadi pihak pejabat kadang-kadang tidak berani hendak belanja kononnya salah kepala, kepala yang tidak berkenaan. Saya berpendapat kita pandang pada segi dasar pembinaan, kalau wang digunakan untuk rakyat dan perkara itu perlu biarlah pada segi red tapenya kita ambil. Kalau dia salahguna misalnya harga yang berpatutan \$30,000 tetapi dia

buat dalam resit \$70,000, ini patut kita ambil tindakan, ini tidak menasabah tetapi kalau dibuat kepada perkara yang cukup menasabah cuma wangnya tidak sampai lagi, belanjakanlah asalkan benda itu perlu, janganlah red tapenya terlampau banyak sangat, inilah yang melambatkan kerja pejabat sama ada sekolah atau sebagainya, kadang-kadang orang yang tidak bersalah kerana silap teknik kata orang, benda yang tidak bersalah itupun dijadikan salah walhal niatnya baik sedangkan benda itu tekniknya salah, walhal matlamatnya betul tidak betul kita mengaku betul tetapi bila dapat ditangkap tekniknya salah, benda itu baik. Saya bukanlah tidak membenarkan ditangkap, kalau boleh pihak Odit Negara ini saya berharap menasihatkan perkara-perkara ini.

Satu lagi kalau perkara-perkara yang tidak betul itu tolong nasihatkan dahulu, jangan kita pergi semata-mata kerana hendak ditangkap, kadang-kadang kita berasa dukacita—saya tidak ada satu sebab, saya tidak kerja pejabat kalau hendak diodit, apa kata Odit, boleh jadi wakil Kangar dia takut diodit, saya tidak ada satu industri, tidak ada satu pejabat yang saya hendak diodit . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, tidak usah meleret-leret, terus.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Ya, Tuan Pengerusi. Saya kata ini untuk pejabat. Kadang-kadang bila saya jumpa dengan sebuah pejabat minta disegerakan buat perkara ini—wang ada, kita tidak boleh buat, kepala tidak ada, wang ada tetapi kepala pembangunan ini tidak ada. Jadi saya berharap soal kepala ini biarlah matlamatnya itu kita tumpukan.

Tuan Pengerusi, beralih saya kepada Maksud B. 4—Suruhanjaya Pilihanraya, muka surat 38. Saya mengucapkan terima kasih kepada Suruhanjaya berkenaan kerana sekarang telah menjalankan pada pendapat saya dengan bebas dan telah mengkaji dengan teliti. Dengan sebab itulah untuk melicinkan pendaftaran pilihanraya bagi pihak Suruhanjaya Pilihanraya telah melantik penolong-penolong pendaftaran orang yang bersesuaian dengan anak tempatan berkenaan. Dengan sebab itu saya agak ini adalah salah satu cara yang amat baik yang telah dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, saya tidak tahu kalau dalam politik sebagaimana kata wakil Peta-ling tadi ditetapkan oleh parti dan sebagainya, saya percaya penuh yang Suruhanjaya Pilihanraya ini ialah kuasa muktamad tetapi walau bagaimanapun, saya percaya pihak Suruhanjaya Pilihanraya menjalankan satu-satu pekerjaan mengikut keadilan, cara teliti dan keadaan yang bersesuaian. Dengan sebab itu, pilihanraya ini ada kawasan-kawasan yang ditambah. Misalnya, dalam Malaysia kita dahulu sekian banyak hari ini telah ditambah sepuluh kalau tidak silap saya daripada beberapa tahun yang lepas.

Dewan Undangan Negeri pada tahun 1955 kalau tidak silap saya di Dewan Undangan Negeri di Perlis satu, tetapi selepas daripada tahun 1959 dijadikan dua, sepatutnya tahun 1974 dijadikan empat kerana dua tahun sekali pinda, tetapi sudah masuk tahun 1959, 1964, 1969, 1974—sudah lima enam kali pilihanraya negeri Perlis ini tidak pernah ditambah sekalipun. Walhal masuk tahun yang pertama kalau tidak silap saya tahun yang mula-mula pilihanraya tahun 1955 Dewan Undangannya—masa itu saya masih ingat lagi Dewan Undangannya satu tetapi bila datang tahun 1959 Dewan Negerinya 12, Dewan Undangan atau Dewan Rakyatnya—masa pertama Dewan Rakyatnya dua, sedangkan satu penggal bertambah perubahan negeri Perlis daripada satu dijadikan dua. Sedangkan sekarang daripada tahun 1959 sampai tahun 1974 bermakna tahun 1959, 1964 pilihanraya, 1969 pilihanraya, 1974 pilihanraya, 1978 pilihanraya, sudah masuk lima kali tidak ditambah lagi.

Dengan sebab itu, saya berpendapat bersesuaian sangatlah, walaupun negeri Perlis itu kecil tetapi mengenang keadaan pengundi-nya bertambah sesuai sangatlah, sekurangnya seorang Ahli Parlimen Kangar ditambah lagi menjadi tiga, kalau boleh empat lagi baik dan bersesuaian sangatlah, kalau boleh. . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, ini tiga atau empat. Yang mana satu? Sekejap tiga, kalau boleh empat. Berapa yang benar?

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Pengerusi, sekurang-kurangnya satu lagi ditambah dijadikan tiga, itu sekurang-kurangnya dan

kalau boleh juga Dewan Negeri ditambah daripada 12 ditambah 3 lagi menjadi 15. Itu pada pendapat saya amat bersesuaian dan kalau boleh lebih daripada itu saya amatlah mengalu-alukan.

Tuan Pengerusi, bercakap dari segi pilihan-raya ini juga tentang pendaftaran pengundi. Sebagaimana saya katakan tadi saya ucapkan terima kasih kerana dipilih daripada orang-orang yang berkenaan yang berhampiran dengan tempat-tempat yang hendak diletakkan sendiri tetapi saya berpendapat masa yang diberi itu terlampau singkat. Macam tahun ini, tahun 1980 daripada 25hb Ogos, sampai 5hb September, bermakna 42 hari. Kalaulah boleh dan saya mencadangkan terus biarlah ditambahkan sekurang-kurangnya 60 hari masa pendaftaran pengundi sebagaimana yang diadakan tiap-tiap tahun begitu juga masa penyediaan itu patut dilebihkan lagi.

Di samping itu juga, Tuan Pengerusi, oleh sebab keadaan semuanya naik, gula naik, gaji naik, elaun dan sebagainya naik, sugu hati kepada Penolong Pendaftar pengundi juga saya berpendapat patutlah dikaji semula dan saya kata dengan lebih tepat patutlah dinaikkan sekarang-kurangnya biarlah sampai \$300 untuk mendapatkan elaun kepada mereka di masa pendaftaran menolong pendaftaran pengundi kerana kerja ini juga saya fikir bukanlah satu kerja yang senang.

Tuan Pengerusi, saya beralih pula kepada Maksud B. 5— Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, muka surat 42.

Tuan Pengerusi, Perlis sebuah negeri yang kecil sebagaimana kita sama-sama tahu. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam khas di Perlis tidak ada. Apa yang ada bergantung kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang ada dalam negara kita ataupun Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan. Ini tentulah diminta kepada Kerajaan Negeri berkenaan sendiri tetapi yang saya harap ini satu, kalaulah pihak Lembaga yang berkenaan datang temuduga di Perlis, walau di pejabat mana sekalipun harapan saya ambillah salah seorang daripada kakitangan pejabat yang berkenaan, misalnya kalau dalam kakitangan kerani, ambillah salah seorang daripada pegawai dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri menjadi salah seorang pegawai temuduga yang ada kuasa bersama. Begitulah juga dalam segi-segi lain.

Setakat hari ini orang yang berkenaan kalau di pejabat-pejabat di negeri Perlis baik suruhanjaya mana sekalipun, sama ada Suruhanjaya Pelajaran, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam pegawai yang ada tadi dijadikan sebagai orang yang menolong memanggil orang walaupun pangkat mereka ini besar, kerjanya memanggil orang, sekian nama kena masuk selepas itu panggil orang lain pula. Kuasanya tidak ada walaupun seorang. Jadi saya berharap kalau sudah di Perlis ini tidak ada biarlah ada seorang, saya berharap seboleh-bolehnya biarlah mereka juga ada kuasa bersama kalau tidak diboleh pun pendapatnya diutamakan dalam soal ini kerana selain daripada dia jawab di depan kerana temuduga ini 15 minit, kadang-kadang satu jam paling lama, sedangkan apa yang berlaku hari-hari, empat lima tahun diketahui oleh pihak orang yang berhampiran. Kadang-kadang orang bila di luar tidak begitu pandai, tetapi bila dia masuk dia pandai menjawab, kadang-kadang di dalam masyarakat, dalam kerja dia cukup pandai, bila menghadapi temuduga keadaan menjawabnya kaku. Dengan sebab itu markah cara peribadi, markah di sekeliling itu patut juga kita kaji, markah latarbelakang sebelum markah selain daripada temuduga di depan. Ini saya berharap sangat pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam mengkaji dalam soal ini.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, hari ini banyak jawatan tak cukup, tak tahulah saya kalau benda ini salah tentang pengambilan jawatan. Satu orang yang dapat satu-satu kerja misalnya bila ada kerja baru dia memohon kerja baru kerana, kita hendak salahkan diapun tentu tak boleh, kadang-kadang yang boleh kita buat syarat bayar sebulan gaji gantirugi kerja yang dia tinggalkan itu, tetapi ini menyulitkan kerja dalam pejabat yang berkenaan. Misalnya, dalam satu pejabat bahagian kewangan, dia kurang kakitangan misalnya kerani kewangan. Elok dia baru masuk kerja, ada satu peluang baru dapat, maka si hamba Allah baru dapat kerja satu bulan atau 2 bulan yang melapangkan pejabat kewangan tadi pegawai berkenaan sudah lari keluar menjadi masalah pula. Saya berpendapat selaraskanlah di antara tugas ketua Jabatan Perkhidmatan Awam dengan yang melantik pekerja itu. Kalau ada satu kerja kalau boleh utamakan mereka yang belum

ada kerja supaya tak menyulitkan pejabat-pejabat akibat pertukaran itu. Saya berpendapat itu satu kesulitan yang dihadapi oleh tiap-tiap pejabat.

Tuan Pengerusi, begitu juga dari segi peraturan kenaikan pangkat dan sebagainya. Saya berharap kepada pihak berkenaan, banyak jawatan memangku kadang-kadang sampai 6 bulan masih pangku, pangku tak habis-habis. Yang pangku ini agak saya, Tuan Pengerusi jawatan yang besar sekalipun jawatan Yang di-Pertuan Agong pun ada had dipangku, begitu juga jawatan Perdana Menteri, tetapi jawatan rendah dipangku sampai tiga tahun. Pangku apa begitu lama? Jadi biarlah bersesuaian dengan kadar pangku sementara. Terimalah atau sahkan jawatan itu seberapa cepat yang boleh. Itu sebabnya, Tuan Pengerusi, apabila ditanya mengapa tuan tak menalankan kerja dengan beres, dengan cepat? Dia jawab: Saya cuma memangku. Betul juga kata dia itu, dia memangku bukannya jawatan penuh. Dengan sebab itu, saya berharap kalau boleh dengan sebolehnya memangku itu janganlah lama sangat, biarlah berpatutan sementara. Kalau Yang di-Pertuan Agong ada had, Perdana Menteri pun kadang-kadang tak sampai tiga hari dipangku apabila seorang Perdana Menteri mati, besok dia angkat sumpah terus dia jadi Perdana Menteri. Pemangku itu nampaknya kuasanya tak begitu penuh. Saya berharap kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam, janganlah soal pangku itu di-biarkan begitu lama sangat, iktirafilah kalau difikirkan pegawai itu sesuai.

Tuan Pengerusi, satu lagi boleh jadi kekurangan dalam Jabatan Perkhidmatan Awam dengan sebab itu kadang-kadang kerja itu tak dapat dijalankan dengan serta-merta. Jadi kalaulah pihak berkenaan menjadi orang yang mengambil kakitangan yang lain buat kata orang sebelum orang lain kita ambil utamakanlah kakitangan pejabat itu dahulu kalau difikirkan kerani tak cukup.

Tuan Pengerusi, di muka surat 46, B. 6—Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi. Perkhidmatan Keretapi itu, Tuan Pengerusi, kadang-kadang kita dukacita juga kerana terbalik di tengah jalan, padahal keretapi tidak berselisih seperti motokar, saya berpendapat pemandunya tak begitu cekap bekerja termasuk kakitangan yang lain. Saya

berharap sangat Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi kalau hendak ambil satu-satu pegawai pilihlah pegawai-pegawai yang bersesuaian dengan kerja dan keboleannya. Saya takut kadang-kadang kerana kita pandang seseorang itu baik, dia suka dengan kita, barangkali dia tak begitu pakar. Akibatnya kalau kerjanya tak begitu pandai dalam satu-satu segi, maka mengakibatkan banyak yang rugi dan melambatkan kerja dan sebagainya. Jadi, Tuan Pengerusi, dari segi itu saya tak mahu bercakap banyak tetapi saya berharap masalah kegelinciran keretapi dan sebagainya tidak akan berlaku lagi.

Mengenai B. 7, muka surat 47, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Oleh sebab wakil dari Tanah Merah sudah bercakap banyak mengenai perkara ini tadi saya cuma hendak sentuh satu dua perkara sahaja. Saya berpendapat kalau boleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran bidangkuasa dan tugas-tugasnya tidak boleh dipersoalkan di mahkamah. Kadang-kadang saya takut misalnya seorang guru diambil, dia akan ditugaskan di satu tempat dengan kehendak Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, tiba-tiba guru itu mengadu ke mahkamah kerana tak mahu ikut perintah. Jadi dengan sebab itu, saya takut kerja-kerja yang telah dijalankan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran itu tak dapat di'alankan dengan baik kerana boleh dibawa ke mahkamah dan sebagainya. Misalnya, guru yang dihantar ke Pahang dan sebagainya. Ini adalah tugas Suruhanjaya yang berkenaan. Saya berharaplah, jangan ada apa-apa yang diputuskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran itu boleh dipersoalkan di dalam mahkamah, kerana perkara itu baharulah dapat memberikan kuasa penuh kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran yang berkenaan.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, proses kenaikan pangkat terlampau lambat. Macam mana dikatakan tadi kadang-kadang pihak-pihak pejabat yang berkenaan, ini biasanya ditanya di dalam perjumpaan mailis dalilog dan sebagainya iaitu apabila tak selesai satu-satu kerja, macam saya katakan tadi, pihak guru mengatakan: Aku tidak ada jawatan yang tertentu, tak diiktiraf lagi. Apabila di-soal sampai kepada pengarah pejabat, pengarah pejabat kata: Aku sudah hantar tetapi apa boleh buat pihak berkenaan tak

iktiraf lagi walaupun laporan lengkap aku sudah beri. Sepatutnya kawan ini diiktiraf. Jadi dengan sebab itu, saya berharap sangat-sangat sebagaimana saya kata tadi begitu juga dari segi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Begitu juga, Tuan Pengerusi, saya berharap satu-satu kemudahan yang hendak diberi itu janganlah semata-mata diutamakan sahaja kepada pelajar-pelajar bahagian sains kerana kadang-kadang ada di antara murid-murid kita dalam bahagian sains itu tidak begitu pakar dia cuma pandai bahagian sastera dan sebagainya. Kalau kita utamakan bantuan kepada satu-satu bidang sahaja, saya bimbang ada setengah-setengah pelajar yang mereka tak dapat mahir dari segi sains itu akan menjadi ketinggalan pada satu masa akan datang. Dengan sebab itu, saya berharaplah pihak berkenaan mengkaji semula bantuan dan kursus-kursus yang akan diberi kalaulah kita akan dibahagikan kepada bidang sains sahaja, kajilah semua segi seperti bidang sastera juga.

Tuan Pengerusi, kalau boleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran mengadakan temuduga kerja-kerja untuk jawatan tinggi atau jawatan yang bergaji besar dan sebagainya, janganlah sampai kepada jawatan Tukang Kebun dan Budak Pejabat pun akan ditemuduga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran juga. Jadi saya berharap orang yang mengetahui segi tugas tukang kebun, tahu latar-belakang yang berkenaan, begitu juga mengenai budak pejabat, cukup agak saya pihak Lembaga Sekolah dan Guru Besar bersama-sama untuk temuduga Tukang Kebun dan Budak Pejabat dan sebagainya. Tak payahlah jawatan Tukang Kebun dan Budak Pejabat tak payahlah macam saya katakan tadi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran hendak temuduga, Suruhanjaya Pilihanraya juga hendak temuduga Tukang Kebun, Budak Pejabat dan sebagainya. Temudugalah kerja-kerja yang besar. Begitu juga kalau boleh, pada pendapat saya pengambilan guru sekolah pun serahkan sahaja kepada Bahagian Pengambilan Latihan Guru untuk temuduga kadar yang berpatutan. Jadi kadang-kadang perkara ini tak boleh selesai kerana terlampau banyak sangat, kalau tak silap saya jawatan guru sudah lebih 36.000 di Malaysia apatah lagi dalam jawatan-jawatan lain lagi. Jadi, saya berharap kerja-kerja jawatan rendah badan-badan tertentu seperti Lembaga Pengurus dan Lembaga

Tadbir Sekolah dan sebagainya untuk mengambil kakitangan sekolah, budak pejabat dan tukang kebun sebagaimana syor saya tadi supaya kerja kita dapat beres dengan segera. Biar yang kecil lembaga yang kecil dapat menjalankannya.

Tuan Pengerusi, begitu juga dari segi tadbiran Kementerian, baik di pejabat-pejabat, tiap-tiap satu orang, Tuan Pengerusi, dia ada kepakarannya. Misalnya, dari segi tanah ada yang pakar dari segi tanah, begitu juga jurutera dan sebagainya, begitu juga dari segi Jabatan Pelajaran. Kadang-kadang kalau seseorang itu dia pandai di bidang lain, dia duduk dalam Pejabat Pelajaran, begitu juga dengan Kementerian Pelajaran. Kadang-kadang perintah itu boleh jadi dua macam misalnya saya katakan kehendak Pengarah Pelajaran dia hendak cara yang lain, ada salah seorang pegawai tadbir dia dalam kursus lain dia perintah cara lain. Maka dua kapten akan membawa satu kapal, kalau dua kapten satu kapal, kapal dalam laut, kalau tak tenggalampun tak sampai ke matlamat yang hendak dituju. Begitulah saya percaya dalam Jabatan Pelajaran ataupun Kementerian Pelajaran. Dengan sebab itu, saya mencadangkan dalam Kementerian Pelajaran carilah satu bidang, satu kursus dengan pelajaran supaya kalau banyak kapten pun kapten itu satu aliran. Sebaik-baiknya biarlah satu kapten kapal dan tiap-tiap kakitangan satu sehalu dengan satu kursus. Dengan sebab itu saya ingat tidaklah begitu memeningkan sangat baik pihak Pejabat Pelajaran dan boleh jadi pihak-pihak yang lebih tinggi lagi.

Tuan Pengerusi, saya bercakap mengenai Maksud B. 8 Jabatan Perdana Menteri, muka surat 53 berkenaan Biro Penguduan Awam. Di segi ini saya berpendapat biarlah Jabatan yang berkenaan menghebahkan kepada orang ramai kalau boleh dengan hebahan yang cukup, lebih terang ataupun lengkap lagi kerana kadang-kadang ada pihak-pihak yang tidak dapat tahu dengan mendalam apakah rancangan yang dijalankan oleh Kerajaan di segi ini walhal segi ini amat baik untuk menolong orang awam.

Begitu juga dalam Maksud B. 8—Unit Penyelarasan Pelaksanaan yang mana kalau tidak silap saya RPK, JKPK dan sebagainya

adalah dianjurkan oleh Jabatan Perdana Menteri. Saya mengucapkan terima kasih kerana hari ini banyak perkara-perkara yang dijalankan dalam masyarakat kampung termasuk di negeri saya sendiri, Perlis, tetapi yang saya dukacita ialah mengenai dua tiga perkara. Pertama, sepatutnya saya berpendapat yang menjalankan RPK ialah satu Lembaga selain daripada penggeraknya iaitu Jawatankuasa Kemajuan Kampung. Oleh sebab Perlis ialah satu negeri yang kecil dan wangnya tidak begitu banyak, jadi tidak dapatlah hendak beri elaun kepada Jawatankuasa Kemajuan Kampung macam setengah negeri memberi elaun kepada Pengerusi JKKK dan kadang-kadang memberi juga elaun mesyuarat kepada yang berkenaan.

Saya berharap kalau boleh Jabatan Perdana Menteri membuat satu peruntukan kepada JKKK termasuk Pengerusinya supaya mendapat elaun mesyuarat dan sebagainya. Perkara ini juga bagi pihak negeri Perlis telah membincangkan dengan Pegawai Kemajuan Negeri supaya dibuat satu kepala, tetapi dia kata tidak ada kepala untuk elaun mesyuarat, tidak ada kepala untuk elaun Pengerusi yang ada ialah kepala untuk elaun perbelanjaan, itu sahaja yang boleh adakan untuk perbelanjaan makan dan sebagainya sedangkan kalau di segi-segi lain walaupun kita hendakkan perkhidmatan, kepada orang lain kita beri elaun, imbuhan dan sebagainya; kepada masyarakat kampung sebagai pemimpin masyarakat saya berpendapat **patut juga kita beri alakadar elaun yang berpatutan**. Ini saya berharap sangat supaya diadakan satu peruntukan atau kepala khas selain daripada peruntukan yang diberi kepada RPK secara bantuan dan sebagainya; **satu peruntukan kepala khas untuk elaun-elaun kepada Pengerusi, Setiausaha dan Jawatankuasa Kemajuan Kampung**. Dengan itu dapatlah mereka elaun yang agak berpatutan. Kalau kita dapat elaun maka mereka ini juga patut diberi timbangan yang sewajarnya.

Tuan Pengerusi, kadang-kadang kedapatan yang saya dukacita, peruntukan itu banyak tetapi disebabkan salah perlaksanaan, tidak cukup kakitangan, barangkali bahan-bahan tidak cukup kita beri setengah-setengah pemborong; saya amat dukacita mengatakan walau dihantarkan bahan-bahan tetapi tidak betul. Ini tidak dinafikan oleh pihak RPK

sendiri misalnya kayu yang dikehendaki adalah kayu yang baik tetapi bila dihantar kayu yang bukan nilai macam yang dikehendaki. Tetapi bila hendak tunjuk satu persatu tentu tidak dapat.

Jadi saya mengesyorkan kalau boleh pihak badan yang menyelaras ini sendiri **menyediakan bahan-bahan supaya benda ini tidak boleh ditipu oleh setengah-setengah pihak**.

Tuan Pengerusi, saya bercakap juga di segi keselamatan negara. Ini adalah satu perkara yang amat penting. Kita tahu punca orang yang bergaduh ialah disebabkan ada sebab-sebabnya. Pertama ialah dia tidak puas hati dan kadang-kadang kerana dihasut, difitnah dan sebagainya. Kaki dan tangan tidak terangkat melainkan selepas hati memerintah. Hati tidak mahu memerintah melainkan selepas naik semangat; barangkali naik semangat kerana dia fikir benda ini patut dia bertindak ataupun dia naik semangat kerana benda itu dihasut oleh setengah-setengah golongan. Inilah yang amat bahaya, Tuan Pengerusi. Dengan sebab itu saya berharap segala dakyah-dakyah baikpun cara dunia, cara keagamaan, memaki Kerajaan benda yang tidak menasabah, membawakan bab-bab ugama yang berlawanan dengan kehendak ugama, saya berpendapat pihak Kerajaan kita sendirilah mengambil tindakan. Janganlah sudah hujan baru hendak cari payung. Pendek kata setelah sesuatu benda itu berlaku, barulah kita hendak ambil tindakan dan sebagainya.

Kalau kita sudah tahu satu benda misalnya ada setengah orang pergi dalam kampung, dia kata Kerajaan hari ini tidak guna, salah itu dan ini, benda yang tidak menasabah tetapi kalau cara gentlemen dalam politik, dalam mesyuarat, itu kita tidak marah tetapi kadang-kadang dia kata benda yang tidak menasabah—Kerajaan fir'aun, Kerajaan kafir dan sebagainya. Kadang-kadang orang kita bila disebut kafir dia terasa satu perasaan yang lain. Begitu juga dikatakan Kerajaan tipu rakyat; yang bukan-bukan dituduh. Jadi saya berpendapat hasutan yang begini jangan nanti benda itu telah berlaku misalnya seperti di Batu Pahat dan sebagainya, baru tindakan hendak diambil. Begitulah undang-undang kita ini kadang-kadang bila tidak ada kenyataan tidak boleh hendak tangkap Tetapi bila kita dengar dengan kenyataan yang cukup, kita tahu macam di Batu Pahat,

sebelum benda itu berlaku kita telah tahu dia ajar benda yang tidak menasabah, yang berlawanan dengan agama kita, sedangkan agama Islam yang kita tahu mengaku tiada Tuhan melainkan Allah Nabi Muhammad Pesuruh Allah. Kita tidak nafi Nabi Isa ialah salah seorang Nabi tetapi kita sebagai orang Islam mengaku Nabi Muhammad itu Pesuruh Allah. Mereka mengaku sebagai Imam Mahadi dan berbagai-bagai lagi walhal kita tahu benda ini salah. Jadi apabila kita telah tahu, tangkap dahulu, jangan sudah berlaku benda itu baru hendak tangkap. Nasib baiklah benda itu tidak merembak tetapi kasihan kepada orang yang menjadi mangsa.

Saya sangat berharap kepada Kerajaan kita kalaulah didapati sesuatu dakyah yang memburukkan Kerajaan baik di segi keduniaan atau keagamaan, ambil tindakan supaya jangan bila sudah hujan baru hendak cari payung. Tangkap sahaja daripada awal supaya benda itu tidak berlaku lagi. Ini harapan saya di segi keselamatan kerana keselamatan adalah satu perkara yang amat penting dan mustahak, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, saya bercakap juga dalam segi Pentadbiran Ugama Islam dalam perkara (5). Saya juga berpendapat kerana kita tahu satu-satu badan dakwah—saya tidak mahu sebut satu persatu; mereka ini tidak boleh berjalan melainkan selepas mendapat pendaftaran daripada pihak Pendaftaran, kalau tidak silap saya di bawah kelolaan Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri. Kalaulah misalnya bab agama, setahu saya belia pun semacam itu juga, sebelum daripada sesuatu pendaftaran disahkan oleh Pejabat Pendaftaran dengan Kementerian yang bersangkutan, ambillah panduan kalau boleh pengesahan daripada negeri yang berkenaan. Misalnya yang bersangkutan dengan agama Islam ambillah pengesahan sebaik-baiknya daripada Jabatan Perdana Menteri berkenaan dengan Ugama Islam dan kalau bersangkutan dengan negeri seperti Perlis atau Kedah misalnya, ambillah panduan pengesahan daripada Pejabat Ugama Negeri yang berkenaan, barulah boleh benda itu disahkan supaya janganlah benda itu bila sudah berjalan kalau kita hendak tahan, kata pihak yang berkenaan: aku ada pendaftaran yang sah, kami telah diluluskan oleh pihak Pendaftaran. Apa kita hendak buat, sedangkan

benda ini berlawanan dengan kehendak Pejabat Ugama Negeri, Pejabat Ugama Persekutuan tetapi pihak yang berkenaan mengatakan telah sah, telah diluluskan dalam pendaftaran.

Jadi saya berpendapat kalau bersangkutan dengan agama misalnya yang ada aktiviti hendak buat dengan agama, ambillah pengesahan daripada Pejabat Ugama yang berkenaan di tiap-tiap tempat masing-masing. Agak saya dengan cara ini bolehlah dikurangkan sedikit dakyah-dakyah atau dakwah-dakwah yang tidak diingini itu.

Tuan Pengerusi, yang kedua saya berpendapat penerangan yang menyeluruh, kadang-kadang kita marah anak muda hendak dakwah sana sini. Dia jawab balik: apa yang tuan dakwah, apa Pejabat Ugama dakwah, apa Pejabat Ugama Persekutuan dakwah, mana pegawai tidak cukup, kami hendak buat baik kepada negeri sedangkan tuan tidak ambil tindakan! Itu memang benar, Tuan Pengerusi. Dengan sebab itu saya berpendapat pendakwah-pendakwah patutlah disediakan lebih banyak oleh Jabatan Ugama Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Kalau perkara lain kita boleh keluarkan wang yang banyak, adakan tiap-tiap satu kawasan Parlimen seorang pegawai yang berkenaan, diberi elaun yang berpatutan. Tetapi janganlah pula saya berasa dukacita kadang-kadang bila kita sebut beragama misalnya Pertandingan Membaca Quran, biasa disebut di kampung, pihak-pihak pegawai meminta elaun tetapi dikatakan ini berkhidmat kerana Allah.

Tuan Pengerusi, kalau tidak silap saya berkhidmat kerana Allah bukan setakat Membaca Quran, bukan setakat sembahyang, apa yang kita buat untuk kebaikan anak isteri kita itu adalah juga kerana Allah, semua dapat pahala termasuk Membaca Quran. Kalau di segi lain kita beri elaun, di segi Membaca Quran bila orang minta kita kata ini kerana Allah, mengajar agama kerana Allah, elaun ugama kerana Allah. Saya berpendapat janganlah sebut seperti ini, patutlah juga kita beri satu elaun yang berpatutan. Orang yang ada kemahuan dia sanggup buat kalaulah kita beri elaun-elaun yang berpatutan.

Dengan sebab itu saya berharap biarlah kalau boleh menyeluruh dan mengadakan pegawai-pegawai di tiap-tiap kawasan Parlimen dan saya cadangkan seperti mana saya katakan tadi dengan diberi garis panduan yang tertentu. Cara membangunkan Islam, cara dakwah dan dengan jalan itu, pada pendapat saya baharulah boleh cara seruan Islam dapat dijalankan di seluruh Malaysia.

Tuan Pengerusi, di samping itu juga sebagaimana dikatakan oleh kawan saya tadi bahawa perkara itu patut dijalankan oleh Kerajaan dan kalau boleh khutbah-khutbah yang tidak menentang Kerajaan. Saya juga biasa dengar misalnya di Perlis khutbah selalu dikarang oleh Pejabat Ugama dan kadang-kadang ada imam-imam yang baca khutbah dia karang sendiri. Ada setengahnya diambil daripada majallah-majallah, kalau majallah-majallah itu untuk kebaikan, kita tidak larang tetapi kadang-kadang ada kebanjakan majallah itu baik, kadang-kadang dibawa majallah-majallah yang berlawanan dengan kehendak negara kita. Saya berpendapat di samping kita hendak buat cara aqidah, kalau sembah Tuhan di segi perpaduan, hendaklah kita jaga, kadang-kadang bila baca khutbah membawa kepada benda yang tidak baik, patut kita kaji, macam mana dikatakan oleh kawan saya dari Tanah Merah tadi. saya menyokong pendapatnya itu dan di samping itu janganlah cuma kita nanti khutbah dikarang oleh setengah-setengah Pejabat Ugama Negeri, patutlah Jabatan Perdana Menteri ini sendiri, saya percaya banyak pakar-pakar yang berkebolehan dalam agama Islam patutlah mengarang khutbah, kalau tidak tiap-tiap minggu pun, sebulan sekali, janganlah kadang-kadang waktu hendak minta Derma Pahlawan misalnya, terbitlah karangan khutbah daripada Jabatan Perdana Menteri mengenai Derma Pahlawan. Pahalnya sekian-sekian. Saya pun biasa dengar, selepas itu senyap. Tiga bulan lagi terbit pula, jadi biarlah bersesuaian, kalau boleh. Kalau tidak seminggu sekali, tiga bulan sekali pun bersesuaianlah.

Saya percaya Pejabat Ugama Negeri kalau benda itu baik, ia terima. Kalau khutbah itu baik dihantar oleh Kerajaan Pusat apatah lagi kita tahu Perdana Menteri sendiri menjadi salah seorang Jawatankuasa di dalamnya, jadi Jabatan di bawah ini tentu sanggup

patuh, kerana setahu saya Ketua-ketua Pejabat Ugama selalu berunding dengan Menteri Tak Berpotfolio di Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat jikalau boleh, saya tidak kata yang mengeluarkan fatwa itu tidak betul. Segala fatwa-fatwa itu diselaraskan. Kadang-kadang biasa kita dengar fatwa. Mufti ini mengeluarkan fatwa dari satu segi dan segi ini halal, saya tidak mahu kata bab halal haram kerana saya tidak begitu pandai tetapi kadang-kadang fatwa ini pun membuatkan kita susah. Misalnya baharu-baharu ini kita tengok dalam Bintang Timor, kalau tidak silap, Mufti Langkawi menfatwakan, siapa yang hendak tidur di Hotel Langkawi, laki-laki dengan perempuan, mesti ada surat nikah. Kalau yang umur 60 tahun, Tuan Pengerusi, surat nikah sudah hilang.

**Tuan Pengerusi:** Apa salahnya umur 60 tahun?

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Dia hendak tidur di Hotel Langkawi, kata Mufti Langkawi, siapa yang menginap di Hotel Langkawi, hendaklah ada surat kahwin di antara laki-laki dengan perempuan, kalau tidak, dia kena tangkap, ditangkap sebagai berkhalwat—tangkap secara salah. Kadang-kadang laki-laki yang baharu kahwin itu barangkali surat itu ada tetapi surat nikah ini jarang orang simpa.

Saya mengaku saya sendiri pun sudah hilang surat itu (*Ketawa*) tambah yang 60 tahun, 50 tahun ke atas lebih daripada hilang. Jadi biarlah benda itu menasabah. Jadi walau macam mana pun, saya kata satu-satu fatwa itu biarlah berpakat apa yang patut menasabah di segi hukum, memanglah kalau kita tidak yakin orang itu berkahwin, harus boleh ditangkap, tetapi biarlah benda itu menasabah. Itulah maksud saya biarlah supaya fatwa ini diselaraskan.

Tuan Pengerusi, saya berharap dari segi dakwah tadi biarlah dapat satu kursus yang tepat, satu kursus yang cukup dengan mengadakan berbagai-bagai dakwah yang dianjurkan oleh Jabatan Perdana Menteri dan dengan nilai ini, saya yakin segala dakwah songsang ini akan luput dengan sendirinya. Tetapi kalau kita tidak ada pegawai, dan

kita larang orang yang satu-satu benda kita hendak beri orang tertarik, kita beri kuatkan benda itu, baharulah orang tertarik. Jadi kalau kita sendiri tidak ada satu benda yang boleh orang tertarik, sedangkan kita tahan orang, ini menjadi satu perkara yang tidak menasabah bagi pendapat saya. Dengan sebab itu sekali lagi saya berharap Jabatan Ugama mencukupkan pegawai-pegawainya dengan lengkap Insya Allah segala dakwah songsang dan tidak songsang ini tidak akan berlaku lagi. Kalau berlaku pun di kala itu baharu boleh kita ambil tindakan, kerana kita sediakan dengan cukup untuk kebaikan, kepada siapa yang ingin masuk dari segi ini.

Tuan Pengerusi, B. 8, muka surat 54, saya bercakap mengenai Rukun Tetangga. Saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana telah mengadakan Rukun Tetangga tetapi setahu saya Rukun Tetangga ini tidak dijalankan di seluruh negara. Di Perlis, kalau saya tidak silap ada dua tiga tempat. Kalau ditubuhkan Rukun Tetangga, hendaklah kena jaga. Tetapi daripada kita dengar kena samun, kena bunuh dan sebagainya walaupun ini tugas Polis tetapi kalau ada Rukun Tetangga yang diwajibkan keseluruh negara, saya rasa ada baiknya, walau pun ada susah, kerana tiap-tiap yang daftar Rukun Tetangga itu, hendaklah kena jaga, tetapi bila kita semua bertanggungjawab bersama di tanah-air kita, tiap-tiap satu perkara itu, pada pendapat saya apabila ada berlaku kecurian dalam satu-satu kampung, samun, bunuh dan sebagainya, ianya tidak akan berlaku, melainkan orang itu tahu tempat-tempat yang berkenaan.

Kalau orang itu jauh sekali pun ada hantu atau ada anak tangan yang menjadi penyampainya. Dan anak tangan ini tentulah kaki jalan malam dan sebagainya. Jadi kalaulah ada Rukun Tetangga dan di setengah-setengah tempat, ini saya fikir menjadi salah satu jalan yang membawa keamanan kepada negara kita, kadang-kadang kita tengok di setengah kampung ada kecurian lembu, kerbau dan setengahnya kejadian bunuh dan sebagainya. Walaupun ini tidak boleh hendak hapus sekali gus, agak saya ini juga sebagai mata telinga kepada Kerajaan selain daripada RELA dan sebagainya. Jadi saya berpendapat patutlah Rukun Tetangga ini diluaskan sedikit, diadakan seboleh-bolehnya, pada pendapat saya hendaklah diadakan di seluruh

negara. Kalau tidak boleh buat kawalan yang ketat umpamanya di setengah-setengah tempat malam mestilah dijaga, patutlah mengikut giliran tugas Rukun Tetangga masing-masing di tempat mereka dan saya berpendapat ini boleh mengurangkan sedikit kejadian-kejadian yang tidak diinginkan baik kecurian, rompakan dan sebagainya. Kita hendak keamanan, kita ada pegawai Polis dan sebagainya untuk menjaga keamanan dan menjaga tempatnya sendiri. Jadi saya berharap sangat kepada pihak Kerajaan mengkaji apa yang saya syorkan itu.

**Tuan Pengerusi:** Panjang lagi Yang Berhormat?

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tidak panjang, Tuan Pengerusi, hendak habis.

Tuan Pengerusi, saya bercakap juga berkenaan Perkara 12 Tabung Haji. Tabung Haji ini, saya ucap terima kasih banyak orang pergi ke Mekah dengan wang Tabung Haji. Saya berasa dukacita kalau boleh dikaji semula tentang dasar-dasar Tabung Haji yang kalau tidak silap saya di masa lepas yang menggubal Tabung Haji, Professor Diraja Ungku Abdul Aziz sendiri agak saya hendak menolong orang ramai daripada hendak mencari untung yang lebih banyak. Tetapi setakat akhir-akhir ini kalau dikaji Tabung Haji lebih banyak mementingkan keuntungan. Kita hendak keuntungan—berniaga buat perumahan, pemaju perumahan—itu keuntungan. Tabung Haji ini hendak tolong orang susah terutama bumiputra yang kais pagi makan pagi, duit taruh di Tabung Haji, ada juga orang-orang yang kaya-kaya tetapi kebanyakan orang awam yang susah. Kita jadikanlah wang mereka ini cara pertolongan yang lebih banyak. Macam kita kata tambang kapal Haji. Saya dapat tahu kalau hendak banding dengan pergi ke tempat lain daripada pergi ke Mekah tambang ke Mekah lebih mahal lagi. Tetapi walau macam manapun ialah kerana Sheikh-sheikhnya bagus orang mengikut Tabung Haji juga naik tetapi kalau hendak dikaji di segi tambang, tambangnya amat berlebihan.

Yang kedua, di segi-segi lain baharu-baharu ini kita dengar orang terlantar di Kuala Lumpur. Yang saya sedih saya sendiri

biasa dengar cerita ada satu orang tua, bila dia balik daripada Haji dia menangis. Waktu hendak pergi kita tidak galak orang menghantar banyak, waktu hendak balik pun kita tidak galak orang sambut banyak. Tetapi bagi seseorang yang sudah pergi haji untuk anaknya atau salah seorang menyambut dia hendak balik rumah naik motokar ini wajib sangat; tetapi kalau pergi sampai lima hingga dua puluh biji motokar kita tidak galakkan. Ini akan menyebabkan kesesakan lalulintas termasuklah di lapangan terbang, baikpun di Pulau Pinang begitu juga Kuala Lumpur. Tetapi sekurang-kurangnya seorang untuk menyambut wajib sebab dia tidak tahu apatah lagi yang berumur 60 tahun ke atas.

Misalnya dari Perlis, Pulau Pinang dan sebagainya, yang tua-tua pergi haji, waktu hendak turun dia tidak tahu hendak pergi ke mana. Ada kadang-kadangnya yang sampai itu menangis. Jadi saya hendak salah kepada Tabung Haji kerana tidak beritahu. Katanya TV, radio dan surat khabar beritahu. Kadang-kadang tidak menyeluruh. Jadi saya berpendapat Tabung Haji carilah jalan yang lebih terang dan lebih jelas seboleh-bolehnya dapat memberitahu kepada bakal yang hendak balik haji, bukan bakal haji, tetapi yang sudah ambil haji, minta beritahu kepada keluarga-keluarga ataupun yang bertanggungjawab dengan seseorang bakal haji. Jadi walaupun saya tahu, kalau tidak tahu apa hendak kaia, tetapi ada setengah tidak ada TV, ada setengah tidak dengar radio, carilah jalan, baik dengan telefon, pesan dan sebagainya. Saya minta kerana ini pernah berlaku dan benar-benar berlaku di lapangan terbang Kuala Lumpur kita sehari dua ini, akibat perubahan jadual kapal terbang itu. Saya haraplah kapal terbang yang dianjurkan oleh Tabung Haji ini kalau boleh hendak ubah jadual dari masa ke semasa teliti sedikit, janganlah kerana hendak ubah, kita cari senang; tetapi masalah yang lepas dikaji itu membawa kesusahan balik.

Begitu juga, Tuan Pengerusi, kalau boleh bila wang banyak, kalau orang lain dapat subsidi padi dan sebagainya, saya fikir Tabung Haji ini juga sudah mempunyai wang banyak, patut juga diberi subsidi kepada penyimpan-penyimpannya, khasnya yang baru balik daripada haji yang wangnya tidak berlebihan. Satu lagi, Tabung Haji

ini banyak mengadakan rumah-rumah—bangunan Tabung Haji. Saya dapat tahu banyak orang hendak lari kerana dipernaiakan sewa terlampau mahal, naik berlipat ganda. Misalnya, kajilah sedikit bagaimana saya kata awal tadi, dari segi hendak keuntungan, dari segi yang lain kita hendak bimbing rakyat. Ini dasar, kalau saya tidak silap, Tuan Pengerusi. Dasar dan tujuan Tabung Haji yang digubal oleh Prof sior Diraja Ungku Abdul Aziz dan dilaksanakan oleh Kerajaan, kalau tidak silap saya, bukan semata-mata hendak mencari keuntungan. Kita hendak tolong rakyat itulah yang lebih penting sekali, kalau hendak mencari keuntungan dengan mengadakan ladang kelapa sawit dan sebagainya itu berpatutan, tetapi ini bersangkutan kerana hendak membina masyarakat, termasuk dengan Dasar Ekonomi Baru juga. Saya harap Tabung Haji juga memainkan peranan yang sama, jangan semata-mata mencarikan keuntungan, tidak difikirkan di segi Dasar Ekonomi Baru, di segi bumiputra. Apa yang patut kita hendak tolong, kerana kita hendak menaikkannya, biarlah berapa pun, asal aku dapat. Sewa rumah mahal. Ini tidak mengikut Dasar Ekonomi Baru yang dimaksudkan oleh Kerajaan tadi. Ini saya harap sangat-sangat, Tuan Pengerusi, Tabung Haji mengawasi perkara yang saya katakan tadi.

Perkara 16, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan peniaga kecil ini . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Ini apa perkara 16 Yang Berhormat?

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Pengerusi, saya cagak sedikit sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Mana butir-butir 16, mana ada?

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Berkenaan dengan menyediakan kemudahan-kemudahan kepada bantuan peniaga-peniaga kecil. Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang telah memberi bantuan motosikal dan sebagainya untuk peniaga kecil dan saya berharap bantuan-bantuan ini patut diluaskan di segenap bidang, termasuk gunting rambut dan sebagainya. Saya harap kalau boleh, dan saya masih ingat apa yang disyorkan oleh Yang Amat Berhormat

Timbalan Perdana Menteri semasa melakukan pembukaan rasmi Dewan Perniagaan Melayu Cawangan Perlis katanya: Kekurangan orang Melayu kita khasnya bumi-putra dan juga peniaga-peniaga kecil ialah di segi penadbiran atau di segi kursus. Walaupun kita tidak nafikan, semangat itu penting tetapi setakat semangat sahaja kita tidak tahu men'adbir, benda itu tidak boleh **mendapat keuntungan. Itulah kadang-kadang** segala perniagaan kecil baikpun besar yang mengakibatkan kerugian ialah disebabkan di segi pentadbiran itu kurang. Sebab itu katanya ada setengah peniaga-peniaga, industri-industri yang Pengurusnya (Manager) gajinya sampai \$10,000 hingga \$20,000 itupun mengambil kursus lagi. Tetapi kadang-kadang yang kita beri bantuan ini, kita tidak beri apa-apa kursus dan sebagainya.

Saya bercadang, bantuan kita lipat ganda-kanda, pada tiap-tiap bantuan yang kita hendak beri sebelum dia terima, kursus asas cara berniaga dan apa yang sepatutnya hendaklah kita utamakan dulu. Kadang-kadang dia niat hendak membeli motosikal untuk memuat barang-barang sebagaimana syarat kita, dia tidak ambil kursus dan sebagainya atau walaupun dia tidak ambil kursus barangkali dia tidak boleh buat, tetapi kerana dia tidak idam begitu, kerana dia beli motor, dia buat perniagaan lain, ataupun kadang-kadang dia tidak berniaga terus. Kita mengadakan syarat-syarat tertentu supaya wang yang diuntukkan oleh Kerajaan, Tuan Pengerusi, tidak mendatangkan kerugian kepada mereka yang ditolong oleh Kerajaan.

Tuan Pengerusi, dalam (P) pula, pemberian kepada negeri untuk jalan-jalan luar bandar Walaupun ada rancangan Kerajaan akan mengadakan jalan-jalan tar, kalau boleh dipercepatkan rancangan ini, kerana kalau dibubuh tanah merah macam yang lepas-lepas, musim hujan dia lekat, musim panas berdebu. Jadi saya harap sangat-sangatlah tar dibubuh walaupun jalan itu kecil di mana-mana sekalipun barulah boleh kita gunakan dengan senang.

Tuan Pengerusi, Maksud B. 10—Jabatan Kehakiman. Saya berucap sedikit berkenaan dengan mahkamah-mahkamah. Saya berpendapat banyak kes-kes yang tidak selesai terutama kes-kes curi ayam dan sebagainya

sehinggalah ke benda-benda yang kecil-kecil, sampai kadang-kadang 10 kali panggil tidak selesai. Dengan sebab itu, saya berharap kalau boleh ditambahkan banyak lagi hakim-hakim untuk menyelesaikan perkara ini. Begitu juga kes-kes yang lain, perkara-perkara yang kecil kadang-kadang menyebabkan orang yang menjamin itu tumpang susah sama. Kalau boleh, satu lagi saya mengesyorkan supaya wang "subpoena" itu dikaji semula kerana kebanyakan wang "subpoena" itu saya ingat tidak berpatutan; sebelum merdeka dulu dibayar \$3 sampai hari ini pun begitulah keadaannya. Biarlah dikaji dengan pendapatan hari ini. Yang salah itu tetap bersalah. Yang diberi "subpoena" itu dia bukan salah, dia jadi saksi. Dengan sebab dia tinggalkan kerja, biarlah diberi berpatutan dengan keadaan kewangan hari ini.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, sedangkan kes-kes jenayah dan kes-kes lain tidak selesai, saya amat dukacita, dalam kes Universiti Merdeka sesudah perkara itu diputuskan oleh Kabinet tidak dibenarkan, tiba-tiba ada pula pihak Universiti Merdeka Sdn. Bhd. hendak bawa ke mahkamah. Saya berpendapat, Tuan Pengerusi, kalaulah kes-kes yang diputuskan oleh Kerajaan sebagaimana yang saya katakan tadi tidak patutlah benda ini dibawa dan dibenarkan oleh mahkamah. Patutlah kita ada undang-undang. Kalaulah benda sudah diputuskan oleh Kabinet, pemerintah kita yang besar boleh disalahkan oleh mahkamah pula, kadang-kadang keputusan kita tidak begitu tetap. Jadi makna kita tidak kukuh. Jadi kalau kesalahan yang kita kata dibuat oleh satu dua orang, bukan oleh pemerintah, ini patutlah pihak mahkamah mengambil tindakan sebagaimana yang saya katakan tadi. Kalau perkara yang diputuskan oleh Suruhanjaya Pelajaran misalnya, ada pula hendak bawa ke mahkamah, nampaknya benda itu tidak selesai. Jadi saya berpendapat, mahkamah ini patut kita agungkan, tetapi benda yang diputuskan oleh Kabinet yang Universiti Merdeka sudah ditolak olehnya tidak boleh buat, ada pula satu company hendak bawa ke mahkamah. Mahkamah akan timbang misalnya, jadi selama itulah kerja kita tidak habis. Jadi patutlah kita adakan satu undang-undang apa-apa yang diputuskan oleh Kerajaan ataupun Kabinet tidak boleh dibawa ke mana-mana lagi kerana Kerajaan itu dipilih oleh orang-ramai dan Kabinet itu dilantik oleh Perdana Menteri tetapi Perdana Menteri dilantik oleh

orang ramai, Ketua Parti yang diberi kepercayaan dan dia melantik Wakil Rakyat yang dipercayai oleh orang ramai . . . .

**Tuan Chan Teck Chan:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Sabar, sabar. Ini hendak apa?

**Tuan Chan Teck Chan:** Saya ingin penjelasan mengenai isu Universiti Merdeka.

**Tuan Pengerusi:** Lagi panjang!

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tidak payah, saya cakap sudah hendak habis.

**Tuan Pengerusi:** Duduk dulu!

**Tuan Chan Teck Chan:** Bolehkah Ahli Yang Berhormat dari Kangar itu, memberitahu kita atau adakah Ahli Yang Berhormat itu sedar bahawa di Malaysia sistemnya adalah pentadbiran dan perundangan dan juga **kehakiman. Bagaimanakah boleh Kabinet** membuat keputusan atas Universiti Merdeka ini, maka dianya tidak boleh merayu kepada mahkamah. Ini adalah melanggar prinsip-prinsip Rule of Law, Tuan Pengerusi. Sebab itu saya minta adakah Ahli Yang Berhormat **dari Kangar sedar apa yang beliau cakap itu** adalah bertentangan dengan semangat Rule of Law dan sistem pentadbiran negara kita?

**Tuan Pengerusi:** Tidak payah jawab. Ini dia beri contoh sahaja. Kehendaknya siapa sahaja apabila tentang Kerajaan jangan bawa ke mahkamah. Itu dalam ucapan dia tadi.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Maksud saya kalau semua diputuskan oleh Kerajaan . . . .

**Tuan Pengerusi:** Sabar dulu! Saya belum habis bercakap lagi.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Itu sebab jangan melarat sangat (*Ketawa*). Tadi soal Universiti Merdeka itu saya sudah dengar dengan jelas. Dia beri contoh, tetapi kehendak dia apa sahaja Kabinet sudah putus jangan bawa ke mahkamah, tidak boleh. Sekarang tidak bolehlah, undang-undang tidak ada dan Perlembagaanpun kena pinda. Sila teruskan.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Pengerusi, yang akhir sekali saya bercakap tentang perkara tadi, sebagaimana saya katakan kalau segala-galanya hendak dibawa ke mahkamah yang telah diputuskan oleh Kabinet, yang telah diputuskan dalam Dewan, ada satu golongan pula yang hendak bawa ke mahkamah, bererti keputusan yang dibuat oleh pihak yang berkenaan itu tidak bererti, itu maksud saya, Tuan Pengerusi.

Akhir sekali berkenaan dengan pesaka. Berkenaan dengan pesaka ini juga ada kadang-kadang sampai 20 tahun, 30 tahun tidak juga selesai. Ini adalah satu perkara berlawanan kalau tidak silap saya dengan kehendak ugama kita sendiri, orang tidak patut dapat pesaka, boleh makan pesaka, kerana benda itu tidak selesai. Orang yang tidak patut makan—boleh makan. Ini menjadi kerugian di segenap segi. Dengan sebab itu saya berharap pada segi bicara pesaka tadi terutama saya contohkan di Perlis sendiri pegawainya tidak ada, kalau hendak bicara pesaka, kena pergi ke Alor Star, jadi selalu buat di Alor Star. Dengan kerana itu saya merayulah kepada Kementerian yang berkenaan walaupun negeri Perlis itu kecil tetapi masalah ini tidak habis-habis. Lantiklah seorang pegawai untuk membicarakan pesaka khas untuk negeri Perlis, kalau boleh, kerana setakat hari ini yang dibuat di Perlis itupun kekurangan pegawai—tidak ada terus; yang kedua, dibuat hanya setakat \$50,000.

Jadi saya fikir jadikanlah sampai \$100,000 baharulah dibawa ke Mahkamah Tinggi dan sebagainya, kerana ini membawa satu kerumitan yang berlarutan kadang-kadang sehingga membawa sesuatu keluarga itu tidak bercakap antara satu dengan lain disebabkan harta pesaka itu tidak selesai. Saya harap apa yang telah berlaku kepada adat orang Melayu khasnya di kampung-kampung yang mana pesaka ini sampai 3-4 tahun kadang-kadang 20 tahun tidak selesai. Dengan adanya peraturan yang baharu ini, saya berharap ditambahkan pegawai dan kalau boleh besarkan lagi syarat-syarat itu kepada setakat \$50,000 seperti saya katakan tadi sampai \$100,000 baharulah dibawa ke Mahkamah Tinggi, kemudian yang patut boleh dibawa di Perlis, buat sahajalah di Perlis dan adakan pegawai supaya benda itu dapat diselesaikan. Kadang-kadang pesaka ini, tidak begitu banyak tetapi oleh sebab keadaan tanah itu

begitu tinggi, dua tiga ekar sekali pun kalau ianya di tepi jalan harganya sampai \$50,000 lebih, jadi terpaksa kena pergi ke Alor Star juga. Dengan sebab itu dinaikkanlah had yang patut dengan keadaan masa sebagaimana kita sama-sama maklum.

Tuan Pengerusi, dengan itu sekali lagi saya menyokong peruntukan yang diminta oleh Jabatan Perdana Menteri.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Pagoh.

6.26 ptg.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin (Pagoh):** Tuan Pengerusi, saya juga bangun untuk turut membahaskan peruntukan yang dimohon oleh Jabatan Perdana Menteri. Saya ingin menyentuh beberapa perkara yang telah pun ditentukan iaitu di bawah Kepala Peruntukan Belanjawan Mengurus B. 8 dan juga Maksud Pembangunan P. 8 sekali gus, khususnya, mengenai Program (5) Bahagian Pentadbiran Ugama Islam.

Tuan Pengerusi, tujuan pembentukan dan penubuhan Bahagian Pentadbiran Ugama Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri di antara lain ialah menjalankan fungsi dan tanggungjawab menyusun program-program bagi membentuk anggota masyarakat dan kumpulan ummah sebagaimana yang termaktub di dalam buku Anggaran Belanjawan, Program dan Prestasi 1981, Jilid II, membentuk anggota masyarakat dan kumpulan ummah yang sedar akan tanggungjawab, menyuruh berbuat kebaikan dan menegah dari kemungkaran. Ia juga mempunyai fungsi dan tanggungjawab untuk memperbaiki, menyamakan dan menggalakkan persamaan undang-undang dan pentadbiran hal ehwal ugama Islam di seluruh Malaysia dan di samping itu juga mempunyai peranan dan tanggungjawab untuk mengkaji dan menyelidik masalah-masalah semasa yang dihadapi oleh masyarakat Islam berdasarkan Islam dan memberi pandangan dan perakuan bagi mengatasi masalah-masalah tersebut.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan hal ehwal dan pentadbiran ugama adalah di bawah

tanggung Kerajaan-kerajaan Negeri. Sebagaimana yang kita ketahui dan di dalam kita melangkah abad tahun Hijrah yang ke 15 sejak beberapa hari yang lalu dan juga dengan kenyataan yang jelas yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam merasmikan Pusat Penyelidikan Islam yang bernilai \$28 juta baharu-baharu ini jelas Yang Amat Berhormat telah menekankan tentang peri mustahaknya umat Islam menyedari akan hakikat dan tanggungjawabnya dalam menghadapi cabaran-cabaran yang maha besar di dalam dekad Hijrah ke 15 ini. Oleh yang demikian, di dalam hal ehwal pentadbiran ugama Islam yang telahpun dipertanggungjawabkan di bawah Jabatan Perdana Menteri guna untuk menyelaraskan segala undang-undang dan juga pentadbiran Jabatan-jabatan Ugama Islam di peringkat pusat dan negeri, saya ingin mengambil beberapa perkara yang amat ketara yang berjalan sekarang ini.

Sebagaimana dalam mukadimah saya tadi, telah menegaskan bahawa hal-hal yang berkait dengan soal Islam adalah dipertanggungjawabkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Tetapi oleh sebab perkembangan Islam dan kesedaran ummahnya yang begitu kuat di dalam abad ini, kita merasakan seolah-olahnya Kerajaan-kerajaan Negeri kurang berkemampuan untuk mengatasi cabaran-cabaran yang amat besar berlaku bukan sahaja di sekeliling masyarakat Islam bahkan di samping itu tugas dan tanggungjawabnya untuk melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan. Ini disebutkan oleh sebab hal-hal yang berlaku sekarang ini berkenaan dengan masyarakat Islam sebagaimana yang telahpun disentuh oleh rakan-rakan saya yang terdahulu pertelingkahan ataupun tidak adanya penyelarasan di antara rancangan-rancangan pentadbiran Jabatan-jabatan Ugama Islam Negeri hanya semata-mata bahawa urusan hal ehwal ugama itu terletak di bawah Kerajaan Negeri telah menyebabkan kekeliruan di kalangan masyarakat Islam tentang apa yang sebenar-benarnya patut mereka lakukan selaras dengan kehendak Kerajaan pada hari ini.

Umpamanya sebagaimana contoh yang biasa disebutkan tentang tindakan yang patut diambil oleh Kerajaan-kerajaan Negeri terhadap penvebaran ajaran-ajaran sesat, ajaran-ajaran salah ataupun istilah yang kadang-kadang digunakan dakwah songsang. Pada

**pandangan saya belum ada satu ketentuan** yang knusus yang telah dibuat oleh tiap-tiap Kerajaan Negeri tentang perkara-perkara yang bersangkutan dengan ajaran karut dan sebagainya.

Beberapa hari yang lalu di dalam program menyambut Abad yang ke 15 di dalam rancangan TV Malaysia telah disebutkan bahawa Jabatan Ugama Islam Johor umpamanya telah mengeluarkan fatwa bahawa ajaran Taslim itu adalah salah. Jabatan Ugama Islam Selangor telah juga mengeluarkan fatwa bahawa ajaran Kripto itu salah. Juga Jabatan Ugama Islam Selangor telah mengeluarkan fatwa bahawa ajaran

rohaniah adalah salah. Dan Jabatan Ugama Islam Johor mengeluarkan fatwa bahawa ajaran Abu Bakar Babu sebagaimana yang kita ketahui sememangnya salah.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat boleh sambung esok.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, Rabu, 12hb November, 1980.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*